SA'ID HAWA

UFUK RISALAH TA'ALIM

jilid satu

PUSTAKA SALAM

بسم الله الرحمن الرحيم

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

(صدق الله العظيم)

UFUK RISALAH TA'ALIM

Oleh:
(Ustadz Sa'id Hawa)

Terjemahan:

Hafid Abd. Wahab
M.A. Syariah Al Azhar

Dari penterjemah

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيد المرسلين وعلى آله
واصحابه اجمعين ومن تبعهم باحسان الى يوم الدين.

Dalam arus kebangkitan semula ummat Islam dan dalam proses melakukan islah, tajdid dan taghyir dalam masyarakat terdapat berbagai golongan ummat Islam.

Ada orang yang terlalu ghairah untuk kembali ke jalan Allah, bersemangat dan ikhlas untuk berjuang menegakkan kembali kalimah Allah di permukaan bumi, tapi malangnya golongan ini tidak jelas apakah fikrah yang akan mereka perjuangkan, manakah manhaj yang akan digunakan untuk mencapai matlamat itu. Kesemua ini kabur bagi mereka. Golongan ghairah, bersemangat dan ikhlas ini kadangkala menjadi mangsa kepada orang-orang atau kumpulan-kumpulan yang mengambil kesempatan dari keghairahan, semangat dan keikhlasan mereka.

Buku ini, Insya Allah akan dapat menolong golongan ini, ia akan menjelaskan kepada mereka, apakah fikrah yang seharusnya mereka perjuangkan, manakah manhaj, apakah matlamat dan apakah wasilah yang semestinya mereka lakukan.

Ada golongan yang mendakwa mereka mendokong fikrah, manhaj, matlamat dan wasilah Jamaah Ikhwan Muslimin, seperti yang dinyatakan dalam tulisan-tulisan Imam As-Syahid Hasan Al-Bana, terutamanya Risalah Taalim, tetapi praktik mereka tidak menunjukkan mereka mendokong fikrah Ikhwan Muslimin, tidak mengikut manhaj, matlamat dan wasilah Ikhwan.

Buku ini, insya Allah, akan dapat menolong golongan ini memeriksa di mana kesilapan mereka dan memperbaikinya. Sekiranya mereka tidak ingin memperbaiki diri mereka dan terus dengan keangkuhan, buku ini akan dapat membimbing orang lain untuk menilai mereka seterusnya memberi nasihat kepada mereka, mudah-mudahan muslim jati akan tunduk kepada kebenaran walau dari mana datangnya.

Ada orang yang memandang curiga kepada kebangkitan golongan Islam, merasakan kepentingannya terancam, oleh itu mereka menuduh golongan Islam, terutamanya Ikhwan Muslimin sebagai golongan pelampau, penumpah darah, pemecah belah masyarakat dan lainnya.

Buku ini insya Allah akan dapat menjelaskan kepada golongan ini bahawa kebangkitan Islam bukan merugikan mereka malah menguntungkan mereka, tidak menggugat kedudukan mereka malah memperkokoh kedudukan mereka. Buku ini akan menjelaskan kepada mereka siapa Ikhwan Muslimin apa matlamat dan apa wasilah mereka.

Ada orang yang bersikap negetif, tidak sensitif, berserah kepada keadaan, hanya menekankan soal-soal tazkiah nafsiah dengan tidak memberikan perhatian yang sewajarnya kepada masalah-masalah semasa yang melingkunginya. Kesemua diserah kepada kuasa dan kehendak Allah.

Buku ini, insya Allah akan dapat menjelaskan kepada golongan ini di mana kesilapan mereka dan apa yang sepatutnya mereka lakukan, insya Allah ia akan dapat merubah sikap dan pendirian mereka, sekiranya mereka benar-benar ikhlas, mempunyai sifat keterbukaan dan sanggup tunduk kepada kebenaran walau dari mana datangnya.

Buku ini amat berfaedah kepada para duat al-amilin dan muslim amnya. Setiap orang akan mendapat bahagian dari buku ini.

Saya bersyukur kepada Allah kerana memberikan taufiq dan hidayahnya hingga saya dapat menyelesaikan penterjemahan ini, dengan serba kekurangan yang terdapat di dalamnya. Saya amat berterima kasih kiranya ada para pembaca yang sudi membuat teguran atau pembetulan terhadap kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam terjemahan ini, wasalam.

14 Ramdan 1403
24 Jun 1983

Isi Kandungan **Muka Surat**

PENDAHULUAN

Banyak jenerasi ummat ini telah dihalang mengenal Ustaz Hasan Al-Bana, fikrah dan dakwahnya. Jenerasi ummat ini adalah berhak mengenalinya dan kita adalah bertanggungjawab memperkenalkannya kepada mereka, terutama sekali setelah kita lihat bahwa tidak ada di hadapan jenerasi ini kecuali fikrah Ustaz Al-Bana sekiranya mereka ingin mara dari titik tolak yang betul.

Selain dari itu, banyak pula orang yang sengaja mengkaburkan gambaran tentang Ustaz Al-Bana dalam pemikiran jenerasi yang sedang tumbuh. Supaya dengan itu mereka dapat menghalang jenerasi tersebut dari mengikuti jalan yang betul yang telah digariskan oleh Ustaz Al-Bana.

Di samping itu telah banyak pula muncul di merata-rata tempat satu aliran fikiran yang tidak sihat dan cuba bebas dari dakwah dan fikrah yang dipelupuri oleh Ustaz Al-Bana. Oleh itu, jenerasi ummat ini, juga orang lain mestilah mengetahui bahwa kemaraan yang bukan bertolak dari fikrah Ustaz Al-Bana hari ini adalah dianggap sebagai kemaraan yang tidak lengkap, mustahil atau membabi-buta sekiranya kita menginginkan satu amal yang sempurna dan lengkap dalam memberi khidmat kepada Islam.

Ditambah lagi dengan serangan-serangan jahiliah yang ditujukan kepada sebahagian besar dari fikrah yang telah dikemukakan oleh Ustaz Al-Bana. Keadaan ini akan membuat ramai orang tergelincir sekiranya Allah tidak memberikan kepada mereka keluasan pandangan yang telah diberikan kepada Ustaz Al-Bana. Oleh itu keadaan ini meminta murid-murid Ustaz Al-Bana dan mereka yang berpegang teguh dengan landasan yang telah digariskannya menulis dengan tujuan menerangkan fikrahnya dan mengemukakan hujjah-hujjah atas kebenaran fikrah ini. Mudah-mudahan buku ini dapat memainkan peranannya dalam hal ini.

Mereka yang membaca buku ini dengan teliti akan dapat mengetahui ruanglingkup gerakan Ustaz Al-Bana setelah mereka memahami Risalah Taalim yang dianggap sebagai peninggalan Ustaz Al-Bana yang paling matang. Risalah Taalim juga adalah merupakan hasil terakhir dari ijtihad-ijtihadnya di sudut fikrah dan amaliah. Risalah Taalim juga merupakan hasil dari pandangan yang lantas terhadap perjalanan sejarah, realiti ummat Islam dan kefahaman yang teliti tentang nas-nas syariat. Seorang akan terpesona setelah beliau mengetahui bahwa Risalah Taalim tidak lebih dari beberapa lambaran yang sedikit, tetapi ia telah menggariskan petunjuk-petunjuk di sepanjang jalan untuk beberapa jenerasi. Tidak keterlaluan jika kita katakan bahwa risalah ini telah menggariskan petunjuk sepanjang jalan kepada seluruh ummat Islam dalam usaha mencapai kemenangan dan setelah mencapainya. Ini merupakan pertanda kepada kepintaran dan kebijaksanaan Ustaz Al-

Bana. Saya minta ampun kepada Allah, malah risalah ini merupakan pertanda dari taufik Ilahi terhadap Ustaz Al-Bana.

Ustaz Al-Bana telah membataskan matlamat-matlamat yang difardzukan Allah kepada setiap muslim supaya bekerja untuk mencapainya. Beliau juga telah menjelaskan isi kandungan dari matlamat-matlamat tersebut, sehingga ternyata bahwa matlamat-matlamat tersebut bukanlah semata-mata matlamat yang diada-adakan, tetapi ia adalah matlamat yang telah dikaji secara terperinci.

Beliau telah membataskan peringkat-peringkat amal untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut dengan menjelaskan peringkat-peringkat amal yang memenuhi keperluan ummah Islamiah secara keseluruhan dan keperluan tiap-tiap daerah.

Beliau telah menentukan garis panduan bagi syakhsiah Islamiah melalui rukun-rukun baiah dan kewajipan-kewajipan yang diperlukan oleh gerakan Islam untuk mencapai matlamat dalam tiap-tiap peringkat amal.

Beliau telah membentangkan dasar-dasar yang dapat menggariskan kefahaman, hubungan-hubungan dan gerakan sehingga sesuatu yang keterlaluan tidak akan berlaku, kemaraan yang mengikut arus dan pembekuan terhadap sunnah juga tidak akan berlaku.

Kesemua ini telah terangkum dalam dua para Risalah Taalim: rukun-rukun baiah dan kewajipan-kewajipan al-akh mujahid.

Risalah Taalim mengandungi dua bahagian:

Bahagian pertama: rukun-rukun baiah.
Bahagian kedua: kewajipan al-akh mujahid.

Melalui rukun-rukun baiah dan kewajipan al-akh mujahid, Ustaz Al-Bana berjaya menyebutkan perkara-perkara yang diperlukan oleh syaksiah Islamiah dalam zaman ini. Supaya dengan itu ummat Islam dapat bergerak ke arah mencapai matlamat Islam dengan gerakan yang betul. Oleh itu, sekalipun Risalah Taalim merupakan arahan-arahan kepada individu tetapi di masa yang sama risalah ini telah menyebutkan teori-teori gerakan secara keseluruhannya, sama ada dalam perjalanan menuju pencapaian tegaknya sebuah daulah Islamiah atau perjalanan setelah tegaknya daulah Islamiah, di samping membicarakan siasah ikhwan muslimin dan lainnya. Kesemua ini didapati terkandung dalam arahan-arahan secara langsung kepada individu, kerana sekiranya pandangan individu terhadap sesuatu tidak jelas, maka kemampuannya untuk bergerak terus menerus dalam satu saf yang mempunyai landasan yang tetap adalah lemah.

Titik permulaan dalam usaha mengujudkan saf yang mampu mencapai matlamat adalah dimulai dari ujudnya individu yang mengetahui matlamat dan cara untuk mencapai matlamat itu dengan jelas, di samping mempunyai kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan saf. Risalah Taalim telah berjaya memberikan semua perkara-perkara ini dalam lambaran-lambarannya yang sedikit itu. Ini merupakan pertanda taufik Allah kepada Ustaz Al-Bana.

Dalam kedua-dua bahagiannya, bahagian rukun-rukun baiah dan kewajipan al-akh mujahid, Risalah Taalim telah memperincikan segala sesuatu yang diperlukan oleh seorang muslim di zaman ini, supaya dapat mengelakkan kesalahan-kesalahan masa lalu di samping menjelaskan petunjuk-petunjuk untuk masa depan. Dengan itu Risalah Taalim telah meletakkan kaki muslim di garis permulaan untuk mencapai matlamat menegakkan ketumbukkan Allah di permukaan bumi, malah Risalah Taalim telah meletakkan kunci dunia ini di tangan ummat Islam, dengan izin Allah, sekiranya mereka bijak bergerak dan beramal.

Di antara perkara-perkara yang telah dilaksanakan oleh Risalah Taalim dalam lambaran-lambarannya yang sedikit itu ialah; menjelaskan sesuatu yang diperlukan oleh gerakan Islam dari bentuk yang ijmal/umum kè bentuk yang terperinci dan dari keadaan yang masih kabur ke satu keadaan yang jelas. Sebagai contoh ialah permasalahan baiah, yang mana dalam masyarakat Islam baiah hanyalah terbatas kepada pengakuan melakukan wirid-wirid zikir atau pengakuan untuk berpegang kepada syeikh-syeikh tertentu sahaja. Risalah Taalim telah menentukan rupa bentuk baiah yang diperlukan di zaman kita ini, iaitu:-

• Baiah untuk memahami Islam dengan fahaman yang tepat dan betul, kerana tanpa kefahaman yang tepat terhadap Islam sebarang amal untuk Islam atau bekerja secara Islam tidak akan berlaku. Satu gerakan bersama untuk kepentingan Islam juga tidak akan ujud. Sekiranya gerakan bersama ini ujud ia hanya akan berada dalam satu ruanglingkup yang sempit, tidak merangkumi masakini dan akan datang.

• Baiah untuk bersikap ikhlas, kerana tanpa keikhlasan, keredzaan Allah tidak akan ujud. Satu gerakan yang sejahtera juga tidak akan ujud. Di samping itu saf akan mudah terpedaya.

• Baiah untuk melakukan amal yang telah ditentukan garis permulaannya dan jelas matlamatnya. Dimulai dari diri sendiri dan di akhiri dengan penguasaan Islam terhadap alam sejagat. Ini adalah kewajipan-kewajipan yang telah tidak difahami oleh Muslim hari ini dan tidak mengetahui bahwa beliau telah ditaklifkan dengan kewajipan tersebut.

• Baiah untuk melakukan jihad yang menjadi neraca iman yang telah dilupakan oleh muslim.

• Baiah untuk berkorban apa saja untuk mencapai segala sesuatu.... untuk mencapai syurga.

• Baiah untuk menyerahkan seluruh ketaatan sejajar dengan peringkat-peringkat tertentu dan menurut persediaan yang ada.

• Baiah untuk sentiasa tetap pendirian setiap masa dan dalam semua keadaan.

• Baiah untuk menyerahkan diri bulat-bulat kepada dakwah, ikhlas terhadap dakwah dan menolak yang lain.

• Baiah untuk melaksanakan ukhuwah Islamiah sebagai titik bertolak.

• Baiah untuk menyerahkan kepercayaan kepada qiadah dan saf.

• Baiah yang mempunyai sepuluh rukun. Sekiranya berlaku sebarang kecacatan pada salah satu rukun ini maka perjalanan dakwah tidak akan berada pada kedudukan yang betul dan pembinaan (jamaah) tidak akan sempurna.

Oleh itu, memperkemaskan tiap-tiap rukun yang sepuluh ini dalam diri setiap al-akh adalah satu-satunya syarat kepada kemaraan dan penerusan dakwah.

Inilah bahagian pertama dari Risalah Taalim. Apabila rukun-rukun ini telah jelas, bererti telah ujud pulalah satu peribadi mujahid yang sedia berpegang teguh kepada tuntutan-tuntutan harakah. Dari situ datang pula bahagian kedua Risalah Taalim yang mengandungi empat puluh arahan. Kemudian disusuli pula dengan penutup risalah yang mengandungi kesimpulan dan dorongan untuk beramal.

Melalui risalah ini telah ditentukan perkara-perkara yang diperlukan oleh setiap al-akh sebagai seorang muslim yang tidak ketinggalan zaman, mujahid, beriltizam dengan jamaah dan berpegang teguh kepada qiadah. Dan melalui perbicaraan yang ditujukan kepada individu ini dapat pula ditentukan binaan jamaah, masa depan harakah dan teori-teori gerakan.

Mereka yang tidak memahami risalah ini tidak akan memahami dakwah ikhwan muslimin. Mereka yang tidak berpegang teguh kepada risalah ini bukanlah tergolong ke dalam kelompok ikhwan muslimin, sekalipun mereka mendokong selogan ikhwan muslimin dan mendakwa sebagai ikhwan muslimin.

Risalah Taalim terbahagi kepada mukadimah, dua bahagian yang telah disebutkan di atas dan penutup. Dari mukaddimah dan penutup dapat difahami bahwa risalah ini bersifat 'amali. Risalah ini juga khusus untuk gulungan tertentu dari kalangan ikhwan muslimin yang sebenar. Tindakan Ustaz Al-Bana yang mengkhususkan perbincangan tertentu

kepada segulungan ikhwan yang tertentu tidaklah boleh dianggap ganjil, kerana cara ini merupakan cara Al Quraan dan sebahgian dari sunnah Rasulullah saw. Al Quraan telah berbicara dengan Rasulullah saw, orang-orang yang beriman dan golongan lain. Oleh itu sekiranya Ustaz Al-Bana mengkhususkan perbicaraan tertentu kepada golongan tertentu di kalangan ikhwan, ini adalah menunjukkan kebijaksanaan beliau.

Ustaz Al-Bana telah mengetahui bahwa tidak semua muslim hari ini mempunyai kesediaan untuk melakukan iltizam Islamiah yang tinggi. Beliau juga mengetahui bahwa Islam memerlukan satu golongan tertentu. Untuk tujuan itu beliau telah menyusun dakwahnya dengan meletakkan ikhwan dalam beberapa peringkat keanggotaan: musaid/pembantu, amil, mujahid, naqib dan naib. Risalah ini khas ditujukan kepada mujahid, dengan tujuan supaya dapat membangunkan himmah ummat Islamiah dan pada waktu yang sama ikhwah yang berada dalam peringkat ini dapat mengetahui apakah syarat-syarat harakah jihadiah.

Islam tidak akan bangun kecuali dengan adanya golongan seperti ini. Golongan ini pula tidak akan mampu melaksanakan syarat-syarat kebangunan ini kecuali dengan beriltizam kepada risalah ini sehingga dengan itu mereka beriltizam pula dengan rukun-rukun baiah dan menunaikan kewajipan-kewajipan baiah.

Tidak pernah terlintas di hati saya untuk menulis syarah Risalah Taalim dan risalah-risalah Ustaz Al-Bana yang lain kerana perbicaraan Ustaz Al-Bana mudah dan dapat difahami oleh semua orang, satu hal yang tidak mampu dilakukan oleh orang lain. Saya juga tidak terlintas untuk berbuat demikian kerana saya tidak mahu menjadi pendinding antara Ustaz Al-Bana dan pembacanya, tetapi saya telah diminta oleh seorang yang tidak dapat saya canggahi, maka kerana itulah buku ini saya tulis.

Dan oleh kerana tulisan Ustaz Al-Bana amat mudah dan tidak memerlukan tafsiran yang hatfiah kecuali dalam beberapa hal tertentu, maka dalam menulis buku ini saya tidak akan mengikut cara teradisi dalam membuat syarah dan tafsiran. Saya hanya akan menyentuh ruang-ruang yang diperlukan oleh pengkaji-pengkaji Risalah Taalim dan ruang-ruang yang dikehendaki oleh Ustaz Al-Bana sewaktu menulis risalah ini, supaya dengan itu garis bertolak bagi muslim akan sejajar dengan kehendak Risalah Taalim.

Oleh kerana buku ini merupakan tafsiran yang tidak mengikut cara tradisi maka saya menamakannya dengan "Fi afaqiat taalim." Dan saya tidak akan menurunkan setiap perkataan Ustaz Al-Bana kemudian membuat tafsirannya kecuali dalam beberapa keadaan, tetapi keadaan ini bukanlah menjadi satu cara yang saya gunakan dalam mengemukakan Risalah Taalim.

CARA PENULISAN BUKU INI:

Dalam penulisannya, Risalah Taalim membentangkan satu permasalahan pokok, iaitu syakhsiah Islamiah semasa, yang merangkumi sendi-sendi pembinaan dan kewajipannya. Risalah Taalim membentangkan sendi-sendi di pembinaan syakhsiah Islamiah melalui penjelasan sepuluh rukun baiah dan berikutnya membentangkan pula kewajipan-kewajipan syakhsiah Islamiah. Dalam membentangkan sendi-sendi pembinaan dan kewajipan-kewajipan syakhsiah Islamiah masakini, Risalah Taalim juga membentangkan matlamat-matlamat yang wajib dicapai oleh setiap syakhsiah Islamiah. Dalam waktu yang sama Risalah Taalim juga membentangkan peringkat-peringkat dakwah. Dalam tulisan ini pula kita akan membentangkan masaalah matlamat. Ini secara daruri menuntut kita membincangkan masaalah wasilah yang kemudiannya disusuli pula dengan perbincangan tentang masaalah peringkat-peringkat dakwah, sendi-sendi pembinaan syakhsiah Islamiah dan kewajipan-kewajipannya. Ini kita lakukan melalui komentar terhadap Tulisan Ustaz Al-Bana dalam Risalah Taalim. Keempat-empat bab ini merupakan intipati perbincangan tentang Risalah Taalim.

Sebelum berbicara tentang keempat-empat bab tersebut kita mulakan dengan tiga bab lain. Dalam ketiga-tiga bab ini kita akan membincangkan tentang Ustaz Al-Bana sebagai orang yang meletakkan batu asas kepada pandangan-pandangan tentang 'amal Islami masakini, kemudian diikuti dengan perbicaraan tentang kunci memahami dakwah Ustaz Al-Bana, seterusnya disusuli pula dengan perbincangan tentang tanggungjawab besar dakwah Ustaz Al-Bana. Dengan itu buku ini akan mengandungi tujuh bab.

Supaya Risalah Taalim dapat mengambil tempat yang sewajarnya dalam rangka umum dakwah Ikhwan muslimin kami tambah pula dengan bab yang ke lapan dalam tajuk: Fasal-fasal penyempurna. Kemudian buku ini kami akhiri dengan penutup yang menjadi bab ke sembilan.

* * * * *

KEDUDUKAN BUKU INI DALAM SIRI "FIL-BINA":

Buku pertama dalam siri "Fil-Bina" ialah buku "Jundullah Thaqafatan wa Akhlaqan", supaya dengan buku Jundullah ini muslim dapat mengambil pelajaran-pelajaran peringkat pertama tentang perkara-perkara yang menjadi kewajipannya. Kemudian disusuli pula dengan buku "Min ajli khutwatin ilal aman 'ala tariqil jihad almubarak", supaya dengan itu muslim dapat melangkah menuju matlamat. Kemudian diikuti pula dengan buku "Al madkhal ila da'watil ikhwanil muslimin", supaya dengan buku ini muslim dapat mengetahui bahwa jalan yang harus diikutinya adalah terbatas pada jalan ikhwan muslimin. Oleh kerana penyelewengan di bidang ilmu pengetahuan satu bahaya besar yang dihadapi oleh muslim, maka untuk itu lahirlah buku keempat iaitu buku "Jaulaatun fil fiqhaini alkabir wal akbar", supaya buku ini dapat mengelakkan muslim dari kegeliciran di perjalanan. Dan oleh kerana pemenuhan rohani merupakan satu-satunya jalan untuk mengelakkan kegeliciran dalam perjalanan di sudut tindakgerak maka lahirlah pula buku kelima iaitu buku "Tarbiatuna ar ruhiah." Oleh kerana Risalah Taalim telah menentukan petunjuk-petunjuk kepada matlamat dan gerakan untuk mencapai matlamat tersebut, juga untuk mengujudkan peribadi-peribadi yang mampu mencapai matlamat tersebut maka lahirlah buku ini. Tetapi, oleh kerana Risalah Taalim pada dasarnya mengambil berat soal-soal takwin individu yang syumul, supaya dengan takwin yang syumul ini semua hak yang berhubung dengannya akan jelas, sehingga dengan itu beliau akan bertolak sejajar dengan takwin peribadi dalam satu saf yang bersistem dan dengan usul yang direncanakan, maka keadaan-keadaan ini memerlukan adanya buku yang membicarakan soal-soal perancangan. Untuk tujuan itu akan lahir buku yang ketujuh dari siri ini, iaitu buku "Durusun fit takhtit wat tanzim" insya Allah.

Setelah itu sampailah masanya kita membicarakan maksud dan tujuan dari buku ini. Dari Allah kita harapkan pertolongan dan taufiq.

* * * * * * *

BAB PERTAMA

HASAN AL-BANA PENGASAS TEORI 'AMAL ISLAMI MASAKINI

Sekiranya sesuatu fatwa itu dinilai berdasarkan tempat, masa dan ulamak yang memberi fatwa, maka lebih-lebih lagilah dalam hal teori-teori tentang amal Islami. Sekiranya tidak semua orang layak dicalunkan untuk memberi fatwa maka lebih-lebih lagilah dalam mengemukakan teori-teori amal Islami masakini. Sekiranya hukum yang telah sabit menunjukkan bahwa tidak seorangpun manusia masakini yang mempunyai sifat-sifat yang ada pada Ustaz Al Bana, tidaklah keterlaluan kalau dikatakan bahwa Ustaz Al Bana sajalah yang layak dicalunkan untuk mengemukakan teori-teori amal Islami masakini.

Keadaan ini mestilah menjadi suatu yang badihi (Jelas, tidak payah difikir) bagi kita. Sekalipun demikian, ini tidaklah bererti kita memberikan sifat maasum kepada Ustaz Al Bana, juga tidaklah bererti mengabaikan penilaian kepada masa dan tempat, tidak juga bererti kita tidak membuat penilaian kepada keperluan-keperluan peringkat tertentu bagi amal Islami. Tetapi apa yang kita kemukakan ini adalah satu hal, manakala sikap setiap muslim yang membolehkan dirinya merombak binaan yang telah dibina oleh Ustaz Al Bana dan seterusnya jamaah berjalan jauh dari pandangan dan teori yang telah dikemukakan oleh Ustaz Al Bana adalah satu hal yang lain pula. Hanya kajian yang meluas yang disertai kepercayaan yang mutlak juga keputusan jamaah dan institiusinya yang bijak sajalah yang boleh meminda pandangan dan teori yang dikemukakan oleh Ustaz Al Bana. Fikrah paling bahaya yang pernah dikemukakan satu masa dulu ialah fikrah yang mengatakan ujudnya pertentangan antara landasan Ustaz Syed Qutub dengan landasan Ustaz Al Bana, seolah-olah terdapat dua landasan yang bertentangan, atau terdapat satu landasan yang memansukhkan landasan yang lain.

Sebenarnya, landasan Ustaz Syed Qutub adalah satu kelangsungan dan penyempurnaan kepada landasan Ustaz Al Bana, bukan bertentangan dengannya. Cuma yang berlaku hanyalah Ustaz Syed telah memperdalamkan lagi landasan Ustaz Al Bana dan memberikan ruang lingkup yang lebih luas dalam setengah-tengah perkara tertentu. Ustaz Al Bana adalah binaan asas.

Sebahgian dari mereka yang beranggapan ujudnya pertentangan antara kedua-dua landasan ini kadangkala sampai meletakkan Ustaz Syed sebagai imam dalam bidang fekah, tauhid dan mufti dalam semua perkara, sedangkan beliau sendiri tidak bermaksud demikian dan tidak menempatkan dirinya di tempat itu. Kita menyatakan demikian kerana

kita mengetahui sejauh mana kezaliman yang dilakukan oleh kebanyakan orang terhadap pusaka peninggalan Ustaz Syed. Yang penting dalam semua keadaan ialah meletakkan sesuatu itu pada tempatnya dan menjauhi perbuatan melampau yang bukan pada tempatnya, baik pada aliran pemikiran atau pada peribadi tertentu.

Ustaz Hasan Al Bana akan kekal sebagai pengasas kepada pandangan dan teori amal Islami. Beliaulah yang telah mengemukakan ide yang boleh dipegang dan boleh dilaksanakan, boleh membimbing tangan ummat Islam dari awal hingga akhir dengan taufiq Allah. Demikianlah dapat dipastikan bahwa Ustaz Al Bana adalah seorang mujaddid masakini, sebagaimana yang telah dipersetujui oleh mereka yang pernah berbicara tentang beliau dengan penuh makrifat dan insaf. Berdasarkan kepada pengalaman, bolehjadi setiap ide yang pernah dikemukakan masakini tidak terlepas dari pengaruh dan kesan fikrah Ustaz Al Bana. Oleh itu fikrah Ustaz Al Bana adalah fikrah yang syumul, merangkumi seluruh keperluan-keperluan kita. Sekalipun ada di kalangan saudara-saudaranya pernah menonjolkan beberapa permasalahan tetapi ia tidak terkeluar dari asas dan kesyumulan dalam semua sudut perjalanan dakwah. Dengan itu jelaslah bahwa Ustaz Al Bana mempunyai kesan dan pengaruh kepada hasil yang telah dicapai oleh mana-mana individu dalam jamaah di ketika manapun, sehingga dengan itu keistimewaan yang utama adalah bagi orang yang menyemaikan benih dan memeliharanya. Tidak seorangpun di kalangan murid-murid Ustaz Al Bana yang menulis, memberi arahan atau menonjolkan sesuatu kecuali di sana terdapat kesan pengaruh Ustaz AL Bana. Walaupun demikian awal dan akhir keistimewaan adalah dari Allah.

Ustaz Al Bana muncul sedang ummat Islam dalam keadaan tidak keruan, mereka berjuang mengikut arus, memberikan pengurbanan dan kurban yang banyak tetapi kemaraan itu tidak dapat memenuhi tuntutan semasa. Orang yang meneliti pemberontakan-pemberontakan Islam, mulai dari pemberontakan Syeikh Syamil Al Naqsyabandi di Turkistan, pemberontakan Syeikh Syid Ali Al Kurdi di Turki, pemberontakan Syeikh Izuddin Al Qassam di Palestin hinggalah kemaraan ummat Islam di India ke Pakistan, beliau akan mendapati dalam semua pemberontakan ini dan lainnya beberapa kekurangan yang tidak dapat memenuhi tuntutan-tuntutan semasa untuk mencapai kemenangan Islam yang syumul dan sempurna, sedangkan kita lihat dalam kata-kata Ustaz Al Bana terdapat sesuatu yang sesuai dengan semangat semasa untuk mencapai kemenangan Islam yang sesuai dengan masakini, syumul dan sempurna, insya Allah.

Sekarang kita lihat saudara-saudara dan anak didik Ustaz Al Bana meneruskan perjuangannya sekalipun terpaksa menghadapi suasana yang getir. Mereka bertambah kuat dan cekal dengan izin Allah.

Mereka yang mengamati realiti ummat Islam hari ini akan mendapati di mana sahaja fikrah Ustaz Al Bana sampai, maka di sana akan terdapat cahaya kehidupan kepada Islam dan umatnya. Sebaliknya di mana sahaja tempat yang tidak pernah diresapi oleh fikrah Ustaz Al Bana maka di situ akan terdapat penyerahan diri yang amat menggerunkan kepada kuasa dunia kafir dan kuasa tempatan yang zalim. Insya Allah akan sampai masanya orang yang membaca sejarah ummat ini akan mendapati bahwa sakibaki kehidupan ummat ini adalah terletak kepada dakwah Ustaz Al Bana dan muridnya. Beliau juga akan mendapati bahwa permulaan bagi satu kebangunan baru yang sentiasa meningkat bagi ummat ini adalah bermula dari Ustaz Al Bana.

Ustaz al Bana telah berjaya menyeimbangkan antara hukum syarak dan tuntutan semasa dalam kemaraan Islam masakini. Beliau berjaya menyeimbangkan antara cita-cita tinggi muslim dan pandangan realiti terhadap tuntutan-tuntutan perjuangan. Beliau berjaya menyeimbangkan antara kesempurnaan tarbiah dan taklim dengan tanzim; antara amal siasi dan ekonomi. Beliau juga telah berjaya menyeimbangkan antara sudut-sudut lain yang dapat memenuhi keperluan ummah Islamiah. Beliau telah membariskan keperluan-keperluan untuk tujuan tersebut dan telah memerdekakan pewaris Islam dari malapetaka yang menimpanya.

Kita tidak merelai diri kita bertolak jauh dari jalan yang telah digariskan oleh Ustaz Al Bana kerana sebarang pengabaian terhadap jalan tersebut bererti pengabaian kepada perjalanan yang betul untuk memperjuangkan Islam masakini.

Kita tidak seharusnya mudah dipengaruhi oleh perkara-perkara dangkal dan terburu-buru membuat analisa terhadap keadaan-keadaan zahir. Hakikat dari kejadian yang berlaku tidak seharusnya luput dari pemerhatian kita, kerana kemaraan tanpa fikrah Ustaz Al Bana adalah kemaraan yang tidak lengkap, malah mengandungi unsur-unsur yang akan menamatkan riwayatnya sendiri.

Pemisahan yang belaku antara fikrah Ustaz Al Bana dan realiti jamaah ikhwan muslimin di setengah-setengah pihak adalah menjadi sebab timbulnya berbagai kebimbangan yang akhirnya membawa kepada perpecahan yang menimpa jamaah di satu ketika dahulu. Oleh kerana itulah kita mengambil sikap untuk terus menghidupkan aliran pemikiran Ustaz Al Bana dan menyempurnakan kekurangan-kekurangannya dan bertolak di bawah naungannya. Dengan kurniaan Allah aliran ini mengandungi anasir-anasir kesempurnaan. Marilah kita amati kata-kata Ustaz Al Bana dalam para yang di bawah ini, kata-kata yang telah diucapkannya sehubungan dengan tarbiah dan merupakan sebahgian dari aliran fikirannya:-

"Pembentukan ummah dan pentarbiahan bangsa, begitu juga pencapaian cita-cita dan memperjuangkan prinsip memerlukan supaya keseluruhan ummah atau paling kurang satu kelompok yang memperjuangkannya mempunyai:-

— Kekuatan jiwa yang besar yang dijelmakan dalam iradah yang kuat, tidak dinulari oleh sebarang kelemahan.

— Kesetiaan yang tetap berkekalan, tidak dijangkiti oleh sebarang warna atau tipudaya.

— Pengurbanan suci yang tidak dapat dihalang oleh sifat tamak dan bakhil.

— Mengetahui prinsip, mengimaninya dan memberikan nilai kedudukannya sehingga dapat memeliharanya dari kesalahan, penyelewengan dan tawar menawar atau tertipu oleh perkara-perkara lain."

Adakah saudara dapati sesuatu yang lain dari kata-kata ini yang layak untuk mengasaskan amal Islami masakini?. Ataukah saudara melihat bahwa kata-kata ini boleh diabaikan kecuali oleh mereka yang jahil tentang hakikat sesuatu.

Apa yang kita rumuskan di sini memerlukan pembuktian melalui pembentangan yang lengkap dan menyeluruh terhadap pandangan-pandangan Ustaz Al Bana. Ini tidak dapat dilakukan dalam satu risalah atau dalam sebuah buku. Sungguhpun demikian masa lah yang akan membuktikannya, wallahu 'alam, bahwa gerakan Islam tidak akan dapat membebaskan diri dan pengaruh fikrah Ustaz Al Bana baik dalam mana peringkat sekalipun, di peringkat sebelum penubuhan daulah Islamiah atau sesudahnya, di bidang siasah dalam negeri atau luar negeri, dalam tarbiah, takwim dan strategi pergerakan.

—

Oleh kerana Ustaz Al Bana adalah satu-satunya yang layak dicalunkan untuk mengemukakan pandangan dan teori amal Islami, atas dasar bahawa Allah telah menganugerahkan taufik dan hidayah kepada beliau, maka dakwah yang ditegakkannya adalah merupakan satu susunan yang mempunyai nisbah-nisbah yang tertentu. Sekiranya nisbah-nisbah ini tercicir akan berlakulah kerosakan. Ajaran salafiah, sufiah, fekah, fikrah, ilmu, jihad, tarbiah, harta, kekuatan dan lainnya mempunyai nisbah yang tertentu dalam dakwah Ustaz Al Bana. Sekiranya berlaku sebarang kecacatan pada salah satu dari perkara-perkara ini akan berlakulah kecacatan dalam dakwah itu sendiri. Oleh itu, bahaya paling besar yang dihadapi oleh dakwah Ustaz Al Bana dan jamaah ialah pewarisan yang tidak lengkap dan pewarisan yang hanya berupa dakwaan tetapi jahil tentang Ustaz Al Bana. Sekiranya peringkat takwin dalam dakwah Ustaz Al Bana harus berlaku begini-begini,

kemudian berlaku kecuaian dalam perkara tersebut sehingga tidak dapat memberikan kepada peringkat ini ruanglingkupnya yang sepatutnya, ini bererti satu kecuaian yang membahayakan telah berlaku. Sekiranya qiadah tidak mengambil sahamnya dari peninggalan Ustaz Al Bana, baik dari sudut ilmu, amal, maarifah terhadap Allah, ibadah dan takwa kepada Allah, sifat-sifat warak, zahid, cekal dan berbudipekerti, lebih-lebih lagi sekiranya qiadah tidak mengambil saham yang secukupnya dari peninggalan Rasulullah saw..... sekiranya qiadah tidak berbuat demikian bererti satu kecacatan yang merbahaya telah berlaku. Oleh itu kita mestilah mengawasi pewarisan yang tidak sempurna ini, kerana ia merupakan bahaya yang akan membunuh jamaah.

Jamaah yang berada dalam lingkungan yang diasaskan oleh Ustaz Al Bana adalah mampu merangkul segala sesuatu yang menjadi hasrat semua muslimin. Setiap muslim akan merasakan bahawa dalam jamaah ini terdapat segala kesempurnaan yang diidamkannya, malah lebih dari itu. Setiap kelompok muslim akan melihat bahawa kebajikan yang tidak keterlaluan yang selama ini mereka harap-harapkan telah ujud dalam jamaah ini, malah lebih dari itu. Dengan kesempurnaan-kesempurnaan yang menjadi asas kepada jamaah yang telah dibina oleh Ustaz Al Bana ternyatalah bahawa jamaah ini telah merangkumi semua aspek, kerana Ustaz Al Bana telah berjaya mengambil kebaikan itu di mana saja ia berada dan beliau telah membebaskan kebaikan itu dari belenggunya sehingga dengan itu seluruh kebaikan itu telah terkumpul dalam jamaah dan membebaskan dirinya dari belenggu yang dikekangkan ke atas dirinya selama ini. Ustaz Al Bana telah mengambil tasauf dan membebaskannya dari belenggunya, beliau telah menghadapi fekah dan membebaskannya dari belenggunya. Keadaan yang sama juga berlaku pada akidah.

Saudara katakanlah seperti di atas tadi dalam semua perkara yang diperlukan oleh ummat Islam hari ini. Kesemua ini dilakukan berdasarkan kepada Islam yang suci dan bersih. Oleh itu semua perkara yang membawa kebajikan kepada ummat Islam telah terhimpun dalam jamaah. Sekiranya jamaah diresapi sebarang kekurangan atau kecuaian sehingga orang-orang yang mempunyai satu haluan tertentu dalam ummah ini merasakan kelebihan mereka dari jamaah, maka akan berlakulah kehancuran. Apabila ahli fekah tidak melihat fekah dalam jamaah, beliau akan memandang rendah kepada kita, apabila ahli sufi tidak melihat satu jalan menuju Allah dalam jamaah, beliau akan memandang rendah kepada kita, apabila seorang alim tentang tauhid melihat kejahilan kita dalam masalah tauhid beliau akan memandang rendah kepada kita dan tidak menghormati kita. Demikianlah juga dalam bidang siasah dan ekonomi, urusan perang dan jihad dan dalam memperjuangkan masalah ummah secara keseluruhan. Dalam semua

keadaan ini, orang-orang yang dapat mengatasi kita akan menaruh keghairahan untuk menguasai kita. Kita tidak ada jalan lain, sama ada kita mengatasi dan menguasai atau kita diatasi dan dikuasai. Dan kita tidak akan mampu menguasai kecuali kita telah menyempurnakan segala kesempurnaan yang telah disebutkan tadi.

Musa telah berkata kepada Fir'aun:

وَتِلْكَ نِعْمَةٌ تَمُنُّهَا عَلَيَّ أَنْ عَبَّدتَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ ۝ S.26:22

"Budi yang kamu limpahkan kepadaku itu adalah (disebabkan) perhambaan darimu terhadap Bani Israil."

Yakni, apakah kamu menganugerahkan budimu kepadaku supaya kamu dapat memperhambakan Bani Israil?. Adakah saudara melihat satu pendirian lain yang lebih dari pendirian yang seperti ini dalam memperjuangkan permasalahan rakyat dalam menghadapi golongan yang bersikap kukubesi?.

Kesempurnaan dalam semua perkara seperti inilah yang kita perlukan, tetapi kesemua ini mestilah ikhlas kerana Allah semata-mata, untuk Allah dan dengan kekuasaan Allah. Sama ada kita dapat menyempurnakan kesempurnaan-kesempurnaan ini atau orang lain akan mengkaramkan kita. Setiap bahagian yang telah disebutkan di atas akan dikaramkan oleh segolongan manusia. Dengan kita dapat menyempurnakan segala kesempurnaan-kesempurnaan itu maka kita akan menjadi hujjah kepada makhluk Allah dalam hal yang berhubung dengan agama Allah. Kita akan menjadi hujjah kepada orang-orang yang kita seru ke jalan Allah. Hanya dengan itu sahaja kita dapat memikul tanggungjawab perjuangan menegakkan kalimah Allah di permukaan alam yang dikuasai oleh orang-orang kafir.

Jalan kita yang tunggal dalam semua perkara ini ialah dengan mengikut landasan asas yang telah digariskan oleh Ustaz Al Bana. Saudara akan dapat melihat buktinya dalam buku ini.

* * * * *

BAB KEDUA

KUNCI MEMAHAMI IKHWAN MUSLIMIN DAN DAKWAH MEREKA

Dalam sebuah hadis al muttafaq. Rasulullah saw telah bersabda kepada Huzaifah dengan katanya:

ان تلزم جماعة المسلمين وامامهم

"Hendaklah engkau beriltizam dengan jamaah muslimin dan imam mereka."

Satu dasar pokok yang tidak seharusnya luput dari pengetahuan muslim ialah: ummat Islam mestilah mempunyai jamaah dan imam. Dan kewajipan terbesar bagi muslim ialah beriltizam dengan jamaah Islam dan imam mereka. Inilah anak kunci pertama bagi memahami permasalahan ikhwan muslimin. Fikrah tentang jamaah Islamiah telah luput sama sekali. Ummat Islam telah tidak menemui jalan yang betul dan tepat untuk mencapai ujudnya satu jamaah dan imam. Allah telah memberikan taufiq kepada Ustaz Al Bana untuk menggariskan jalan yang sempurna bagi mencapai ujudnya satu jamaah dan imam, berlandaskan kepada perkara-perkara yang diperlukan untuk tujuan tersebut juga dengan tindakan yang amali untuk mencapainya. Ini disebabkan bahawa sesuatu kelompok itu hanya akan dianggap sebagai satu jamaah muslim setelah ia menyempurnakan beberapa syarat dalam kefahamannya, kesedarannya dan kesucian qiadahnya. Tidak ada dalam pengetahuan kita ujudnya satu kelompok di zaman ini yang telah menyempurnakan perkara-perkara ini selain dari jamaah yang dibina oleh Ustaz Al Bana. Hal ini kita katakan adalah berdasarkan bahawa jamaah muslimin itu ialah jamaah yang mempunyai qiadah yang bijaksana, muncul dari satu saf yang bijak, di bawah syura Islamiah. Jamaah muslimin ialah jamaah yang bersifat dengan sifat-sifat Islamiah tulin tidak ditambah dengan sifat lain. Ia sentiasa merubah, memperkembang atau mempelupuri di bawah naungan sifat-sifat tersebut. Jamaah muslim ialah jamaah yang bekerja untuk menegakkan Islam secara keseluruhan dalam lingkungan individu, keluarga, bangsa dan dunia antarabangsa. Jamaah Islam ialah jamaah yang memahami Islam dan beriltizam dengannya mengikut cara yang dilakukan oleh Rasulullah saw dan para sahabatnya. Sifat ini adalah sifat yang berkekalan pada ummat tersebut hingga hari kiamat dengan dipersaksikan oleh nas. Oleh itu jamaah muslimin ialah penerusan kepada sesuatu yang telah menjadi pegangan ummat Islamiah sepanjang zaman, baik dalam bidang akidah, fekah maupun dalam tatacara hidup. Dan inilah keadaan yang berlaku dalam jamaah ikhwan muslimin. Dalam buku Al Madkhal ada dinyatakan perkara ini dan perkara lainnya yang

berhubung dengan syarat-syarat sesuatu kelompok itu diiktiraf sebagai jamaah muslimin. Dinyatakan juga bahawa syarat-syarat tersebut terdapat pada jamaah ikhwan muslimin. Inilah kunci pertama bagi memahami ikhwan muslimin dan dakwah mereka.

Oleh kerana telah menjadi fardzu dan kewajipan ke atas ummat Islam supaya tidak memberikan taat setia mereka kecuali kepada jamaah muslimin, maka keadaan ini menuntut supaya ujud satu haluan di semua negara yang didiami oleh ummat Islam. Haluan ini hendaklah diwakili, oleh jamaah muslimin. Dengan ujudnya haluan ini kesetiaan muslim tidak akan disia-siakan atau beliau tidak akan memberikannya kepada orang yang bukan Islam, sebagai akibat dari kerja-kerja harian. Dan oleh kerana telah menjadi fardzu dan kewajipan kepada ummat Islam menegakkan hukum-hukum Islam, maka keadaan ini menuntut supaya ujud sebuah, jamaah yang bekerja untuk tujuan tersebut, kerana perlaksanaan hukum Islam itu tidak akan berlaku kecuali dengan adanya jamaah, dan oleh kerana jamaah ikhwan muslimin telah bekerja untuk tujuan itu dan berusaha untuk melaksanakan semua perkara-perkara ini, maka keadaan ini menunjukkan bahawa keujudan ikhwan muslimin adalah salah satu dari fardzu dan kewajipan Islamiah yang dituntut oleh daruriat Islamiah. Inilah kunci kedua bagi memahami ikhwan muslimin dan dakwah mereka.

Di sana terdapat beberapa peroses yang mesti ujud. Peroses-peroses itu ialah; memindahkan muslim dari satu keadaan yang memberikan kesetiaannya mengikut arus kepada keadaan beriltizam dalam memberikan kesetiaannya. Memindahkan muslim dari keadaan yang tidak beriltizam kepada Islam sehingga beliau beriltizam dengannya. Memindahkan muslim dari keadaan jahil tentang Islam kepada mengetahui Islam. Memindahkannya dari keadaan lalai kepada satu keadaan yang sedar. Peroses-peroses ini memerlukan ujudnya sebuah jamaah Islamiah.

Keujudan ikhwan muslimin merupakan peroses yang dituntut oleh peroses menghidupkan kembali kehidupan Islamiah, baik di bidang ilmu, amal dan stiwasi. Kelangsungan dari keujudan ikhwan muslimin adalah merupakan permasalahan yang dituntut oleh kemestian ujudnya pengawasan dan penentangan dalam Islam dan ummat Islam. Keujudan ikhwan muslimin dan kelangsungan dari keujudan mereka adalah merupakan tuntutan dari peroses pencapaian matlamat-matlamat Islam. Kesemua ini merupakan kewajipan-kewajipan yang telah difardzukan oleh Allah. Mereka yang sering bertanyakan apa perlunya keujudan ikhwan muslimin, harus bertanya kembali; sekiranya ikhwan muslimin tidak ujud apakah yang sudah dan akan berlaku? Malah ulamak-ulamak Islam hari ini yang mengambil berat untuk kembali menghidupkan

Islam, pada hakikatnya mereka hanya menghidupkan sebahgian dari Islam itu. Malah dalam banyak keadaan terdapat satu dindingan antara pada ulamak ini dengan semangat semasa. Selain dari itu, dalam banyak keadaan, banyak pula ulamak yang memisahkan kejadian-kejadian semasa dari Islam, jauh atau dekat pemisahan yang telah dilakukan itu. Sekiranya kita memahami permasalahan ini, berarti kita telah mengetahui satu lagi kunci memahami ikhwan muslimin dan dakwah mereka. Dakwah ikhwan merupakan lambang yang telah menaikkan kembali bendera siasah Islamiah di kebanyakan negara Islam sekalipun tidak di semua negara Islam. Tanpa dakwah ikhwan muslimin bendera siasah Islam akan lenyap. Di semua negara Islam telah ujud gerakan-gerakan yang menaikkan bendera siasah bukan Islam, ada bendera faham kebangsaan, ada bendera faham perkauman, insaniah, komunis dan sosialis. Setiap bendera ini telah dapat menarik kumpulan-kumpulan ummat Islam. Yang tinggal hanyalah bendera siasah Islam, tidak ada sebuah negarapun yang menaikkannya. Telah dimaklumi secara badihi (jelas, tidak payah difikir-fikir lagi) dalam agama Islam bahawa Islam adalah satu sistem yang syumul. Sejak kejatuhan daulah Othmaniah, malah sebelum itu lagi, dan setelah kejatuhan negara-negara Islam ke dalam kekuasaan negara-negara kafir maka kekuasaan siasah Islam pun pudar dan mengalami kehancuran yang besar. Keadaan ini menuntut supaya ada orang yang menaikkan kembali panji-panji perjuangan menegakkan kembali sistem siasah Islam, dan ikhwan muslimin telah memikul panji-panji ini. Ini satu lagi kunci lain dalam memahami ikhwan muslimin dan dakwah mereka.

Dari apa yang telah dikemukakan, kita dapat mengetahui bahawa bergerak bersama-sama ikhwan muslimin adalah satu hal yang tidak boleh tidak bagi seorang muslim hari ini dalam rangka usaha-usaha untuk melaksanakan kewajipan-kewajipannya, sekalipun seorang muslim itu mempunyai satu aliran tertentu, kerana terdapat usaha-usaha pencapaian matlamat-matlamat Islamiah ini yang memerlukan amal jamai, fiqh dakwah yang sesuai dengan keadaan semasa, fiqh Islam dalam pertarungannya dengan berbagai bentuk kufur masa lampau dan masa kini, meneliti dan mengikuti kejadian-kejadian yang berlaku ke atas ummat Islam di dunia, pendirian harian sebagai tuntutan dari pertarungan dalam usaha memperjuangkan Islam, amal Islam yang padu yang menuntut supaya setiap muslim berada di bawah naungannya dan amal Islami yang betul dan tepat. Kesemua perkara-perkara ini menuntut supaya gerakan itu berada dalam satu jamaah. Di samping itu haruslah diingati kemaraan ikhwan muslimin adalah kemaraan yang syumul, dapat merangkumi apa yang dicita-citakan dan dapat menghasilkan tenaga yang diperlukan. Dari keterangan ini jelaslah bahawa seorang muslim tidak dapat mengecualikan diri dari dakwah ikhwan muslimin.

Mari kita bentangkan kembali kunci-kunci untuk memahami dakwah ikhwan muslimin........kita akan mendapati bahawa gerakan tajdid Islam masakini merupakan sifat utama ikhwan muslimin. Di sini kita akan tertumbuk kepada dua masalah: iaitu masalah:

Islam dan masakini.

Di sana terdapat hukum-hukum yang berubah dengan perubahan masa. Banyak suasana yang mempengaruhi tabiat fatwa. Oleh itu para ahli fekah telah mengatakan: "Fatwa dinilai berdasarkan kepada masa, tempat dan peribadi yang memberi fatwa". Tidak syak lagi zaman kita ini mempunyai cirinya yang khusus, tabiat, sifat-sifat, suasana, badihiat, tuntutan-tuntutan, perkara-perkara yang diterima, perkara-perkara yang tidak dapat diterima dan kerumitan-kerumitan yang tersendiri. Dan ummat Islam di zaman kita ini mempunyai pendirian mereka yang tersendiri terhadap Islam. Ummat Islam itu sendiri telah berpecah dan berselisih faham. Islam pula telah lemah, akar tunjangnya telah gegar dalam kebanyakan jiwa ummat Islam. Oleh itu permasalahan tajdid Islam masakini merupakan masalah yang rumit. Ia memerlukan kemampuan yang tertentu. Dengan taufik Allah Ustaz Al Bana telah mampu meletakkan semua asas-asas yang sesuai untuk tajdid Islam masakini. Oleh itu permasalahan tajdid dan memahami keadaan semasa adalah merupakan kunci dakwah ikhwan muslimin yang asasi. Dalam permasalahan ini terdapat beberapa perkara yang di antara lain ialah:-

1. Rasulullah saw telah meninggalkan kepada kita Al Quraan dan sunnah, pengalaman terhadap Al Quraan dan sunnah dan satu keadaan sebagai hasil dari ilmu dan amal. Peroses menghidupkan Islam memerlukan supaya ilmu, amal dan keadaan itu dihidupkan kembali. Keadaan yang kita maksudkan di sini ialah keadaan hati, jiwa dan roh yang telah ujud dalam diri para sabahat Rasulullah saw; jiwa yang bersih, hati yang khusyuk kepada Allah dan roh yang mengenali Allah dan mengakui pengabdian diri kepada Allah.

2. Dalam peroses menghidupkan Islam kembali akan termasuk juga perkara-perkara berikut:-

a. Menghidupkan kembali apa yang dinamakan sekarang dengan fiqh-ad-dusturi (perlembagaan) dan mewarnakan kehidupan Islamiah berdasarkan perlembagaan tersebut.

b. Menghidupkan kembali apa yang dinamakan hari ini dengan fiqh-an-nakabat (kejaksaan) sehingga kejaksaan akan bertolak sejajar dengan fekah Islam dalam kegiatannya.

c. Menghidupkan kembali apa yang dikenali hari ini dengan undang-undang sivil, jenayah, kekeluargaan, antara bangsa, perdagangan atau lainnya dan mewarnakan kehidupan Islamiah sejajar dengan undang-undang itu.

d Menghidupkan kembali sistem keluarga Islam.

e. Mengembalikan kehidupan kepada ummah Islamiah supaya dengan itu mereka dapat menyambung perjuangan alamiahnya dalam menunaikan risalahnya untuk menegakkan kalimah Allah dipermukaan bumi ini.

3. Peroses menghidupkan Islam kembali merangkumi juga usaha-usaha menghidupkan Islam secara keseluruhan dan kesemua unit-unitnya, kerana terdapat setengah orang yang mengimani Islam secara keseluruhannya tetapi mengabaikan unit-unitnya, apabila keadaan ini dikemukakan kepada mereka, mereka terus menolaknya. Terdapat juga orang yang leka dengan masalah-masalah amali dalam perkara furu' sehingga mereka melupakan permasalahan besar dalam Islam. Ini merupakan sebahagian yang penting dalam peroses tajdid Islam yang telah dilakukan oleh ikhwan muslimin. Sehingga sekarang ini jamaah ikhwan muslimin telah menghidupkan kembali kefahaman yang luas dan memperingatkan perkara-perkara badihi yang lebih besar dan memperkatakan kepada orang ramai permasalahan yang menyeluruh. Pada waktu yang sama jamaah ini juga telah mendidik orang ramai memahami perkara-perkara furu' dan mendidik mereka supaya beriltizam dengannya. Jamaah juga telah menunjukkan jalan bagaimana caranya memahami masalah-masalah furu' dengan menunjukkan manakah masalah-masalah pokok yang tidak seharusnya menjadi bahan perselisihan dan manakah masalah furu' yang masih boleh diperselisihkan seraya batas-batas perselisihan itu, bila boleh diperselisihi dan bila tidak boleh. Jamaah juga telah menunjukkan adab-adab yang sesuai untuk semua masalah dan tempat.

Ummat Islam sebenarnya amat memerlukan satu pembebasan terhadap ilmu-ilmu Islam yang asasi dari belenggu yang mengekangnya sejak beberapa zaman. Di samping itu mereka juga memerlukan pandangan yang menyeluruh terhadap permasalahan Islam dan ummat Islam. Dengan izin Allah Ustaz Al Bana telah melakukan perkara tersebut dan jamaah akan terus memainkan peranan untuk tujuan ini.

Dengan memahami sudut-sudut ini kita telah mempunyai kunci untuk memahami dakwah ikhwan muslimin dan permasalahan mereka secara mendalam. Dalam keadaan yang singkat ini kami ingin menyebutkan dasar-dasar umum yang lain dalam dakwah ikhwan muslimin supaya dengan itu kita dapat memahami kunci-kunci yang lain dalam memahami dakwah ikhwan muslimin dan permasalahan mereka:-

(1) Semua pertubuhan partai dalam dunia ini mempunyai matlamat, wasilah, stratigi, method ilmu, tarbiah, kaedah tanzim, sistem, perencanaan, peraturan dan lainnya. Sebagai jamaah yang dapat penghormatan menaikkan bendera hizbullah, ikhwan muslimin telah memiliki semua perkara tersebut, tetapi yang membezakan mereka dengan orang lain ialah kerana mereka bersifat Islam dalam semua perkara tersebut. Mereka berpandukan kepada Islam, beriltizam dengan Islam dan lahir sebagai cernaan dari Islam itu sendiri. Sekiranya kebanyakan ummat Islam telah tidak mengetahui bahawa semua perkara-perkara yang disebutkan di atas tadi sebenarnya telah ujud dalam Islam maka ikhwan muslimin telah memahaminya dari firman Allah:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَٰبَ تِبْيَٰنًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

"Dan kami turunkan kepadamu Al Kitab (Al Quraan) untuk menjelaskan segala sesuatu dan pertunjuk serta rahmat dan kegembiraan bagi orang-orang yang berserah diri". S. 16 : 89

Dari ayat ini ikhwan muslimin telah memahami bahawa dalam Islam terdapat perkara-perkara yang telah dikemukakan di atas tadi. Oleh itu, matlamat, wasilah, perencanaan, method, kaedah tanzim, sistem dan peraturan mereka adalah bersifat Islam. Begitulah seterusnya dalam semua urusan mereka. Dengan itu mereka tersendiri dan berbeda dengan orang lain. Mereka ingin menjadi hizbullah dan tenteranya yang hakiki.

(2) Apa sahaja yang telah diperkatakan oleh imam mujtahidin sebagai hasil dari istimbat yang mereka lakukan dari Al-Quraan dan sunnah, begitu juga hukum-hukum yang boleh diistimbatkan dari kaedah-kaedah dasar yang mereka pakai.....kesemua ini dianggap oleh ikhwan sebagai sebahgian dari syariat Islamiah. Ia merupakan satu bahagian daripadanya. Manakala pendapat-pendapat yang dikemukakan dalam satu masalah tertentu pula memberikan peluang kepada ummat Islam, daulah Islamiah dan imam bagi ummat Islam membuat pilihan. Para ulamak Islam telah mengatakan: "Imam bagi ummat Islam berhak memilih salah satu dari pendapat-pendapat fekah dan mewajibkan pendapat itu ke atas ummat". Semestinya pilihan itu dibuat berdasarkan maslahat yang telah jelas. Keadaan ini memberikan satu medan dan kebebasan yang luas.

Perbezaan pendapat dalam satu-satu masalah tertentu dapat memberikan kebebasan yang luas kepada imam untuk membuat pilihan yang tidak terbatas kepada tempat dan waktu tertentu. Ikhwan muslimin berpegang kepada dasar ini dalam bidang undang-undang dan perlembagaan yang kelak akan dapat mencapai maslahat ummah setempat juga maslahat ummah sejagat. Di samping itu mereka tetap mengekalkan fatwa dan beriltizam dengan fekah bagi kepuasan individu.

Untuk menjelaskan betapa pentingnya apa yang telah kami kemukakan ini, maka di sini kami kemukakan contohnya.

Mengenai pendirian berhubung dengan masalah ahli zimmah, yakni penduduk bukan muslim yang tinggal dalam negara Islam, umpamanya, kita dapati perbedaan pendapat di kalangan ulamak. Di antara mereka ada yang bersikap terlalu ketat, ada pula yang bersikap lebih luas. Dalam zaman kita ini boleh jadi lebih sesuai sekiranya kita bermuamalah dengan golongan ini mengikut pendapat ulamak yang lebih luas, supaya dengan itu masalah ini tidak dijadikan hujjah untuk mengkeritik pendirian kita, juga supaya pandangan umum setempat atau pandangan umum antara bangsa tidak tertumpu kepada kita. Dalam melihat pelaksanaan yang luas seperti ini, sejauh mungkin ikhwan tetap memberikan iltizam yang kuat kepada Islam sesuai dengan masakini.

(3) Merai dan mengambil berat terhadap pandangan umum setempat dan pandangan dunia merupakan satu dasar dari dasar-dasar Islam yang dipegang oleh Ikhwan muslimin. Mereka telah memberikan satu ruanglingkup yang selayaknya kepada dasar ini dengan syarat kaedah ini hendaklah difahami dengan fahaman yang betul dan tepat. Kita meraikan pandangan umum dalam hal-hal yang tidak bertentangan dengan syariat Islam dan dalam batas yang tidak mengakibatkan pembantutan kepada syariat. Sekiranya hal-hal itu bertentangan dengan syariat atau akan mengakibatkan pembantutan syariat kita tidak akan meraikan pandangan umum.

Dalam hubungan ini Allah berfirman:-

يُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَائِمٍ

"Mereka berjihad pada jalan Allah dan tidak (merasa) takut kepada celaan orang yang suka mencela." S.5 : 54

Di samping batas-batas yang telah kita sebutkan tadi, dasar asal yang kita pegang dalam meraikan pandangan umum ialah apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah saw sewaktu pembukaan Makkah, di mana beliau telah berkata kepada Aishah ra:-

لولا أن قومك حديثو عهد بجاهلية
لهدمت البيت وبنيته على قواعد ابراهيم

"Kalaulah tidak kerana kaummu baharu sahaja (meninggalkan) jahiliah nescaya kuruntuhkan Kaabah ini dan akan kubina (kembali) di atas tapak (binaan) Nabi Ibrahim."

Di sini Rasulullah saw telah meraikan pandangan umum dalam hal yang tidak mengakibatkan tergendalanya sesuatu amal.

(4) Ada dua hal yang dapat diperhatikan dalam perkara yang menjadi pegangan ikhwan muslimin. Pertama: sesuatu perkara itu mestilah diterima oleh syarak. Kedua: perkara tersebut mestilah sejajar dengan senjata pehak musuh dan dapat mencapai matlamat. Pengkajian mestilah dihadapi dengan pengkajian, tanzim mestilah dihadapi dengan tanzim, akhbar mestilah dihadapi dengan akhbar dan syair mestilah dihadapi dengan syair. Matlamat-matlamat setempat memerlukan wasilah-wasilah yang sesuai dalam usaha untuk mencapainya, demikian juga matlamat antara bangsa memerlukan wasilah-wasilah yang sesuai untuk mencapainya. Kesemua ini akan dilakukan sejajar dengan ajaran Islam. Dasar yang menjadi pegangan ikhwan ini jelas dapat dilihat dalam kehidupan Rasulullah saw, kerana beliau telah menghadapi syair dengan syair, pidatu dengan pidatu dan tentera dengan tentera.

(5) Dasar yang menjadi pegangan kita dalam siasah luar negeri ialah menghadapi maslahat dengan maslahat. Sekiranya ada orang yang ingin bermuamalah dengan kita lebih dari itu, umpamanya beliau ingin bermuamalah dengan kita atas dasar menukar maslahat dengan perinsip, kita tidak akan menerimanya. Sungguhpun demikian, kita sanggup menerima kerugian yang lebih besar demi penyebaran Islam.

Dasar lain yang menjadi pegangan kita dalam siasah luar negeri ialah bermuamalah secara adil, melakukan tindakbalas yang setimpal. Sungguhpun demikian boleh jadi kita bersikap tolakansur demi penyebaran Islam. Dalam semua muamalah luar negeri, atau bekerjasama dengan institusi antara bangsa kita akan tetap beriltizam dengan Islam. Sekiranya kita menerima nas-nas umum, kita akan tetap berpegang dengan pentafsiran yang bersifat Islam terhadap nas tersebut. Umpamanya, sekiranya kita bergabung dalam majlis Bangsa-bangsa bersatu kita tetap berpegang bahawa kita mempunyai hak untuk mentafsirkan nas-nas dan wasikahnya dengan penafsiran Islam dan kita tidak akan beriltizam dalam sebarang pelaksanaan kecuali apabila pelaksanaan itu sesuai dengan Islam. Kita akan menolak pelaksanaan yang bertentangan dengan Islam.

(6) Dalam perjalanan ikhwan menuju penubuhan sebuah kerajaan. pusat bagi negara-negara Islam, tidaklah terlintas dalam hati mereka bahawa semua negara-negara anggota akan mempunyai satu bentuk yang sama, malah setiap wilayah akan mempunyai undang-undang, institusi dan permasalahan yang tersendiri. Setiap wilayah boleh melaksanakan hukum dalam perkara-perkara di atas berdasarkan mazhab fekah dan usul fekah yang menjadi pegangan wilayah berkenaan. Wilayah-wilayah tersebut juga boleh berpegang kepada bahasa bangsanya, adat istiadat yang diterima syarak dan kehendaknya dalam memilih jenis sistem pemerintahan yang sesuai denganya. Semua perkara

ini tidaklah tunduk kepada satu kaedah tertentu. Sungguhpun demikian semua wilayah-wilayah Islamiah mestilah tunduk dengan satu bentuk yang tertentu kepada amirul mu'minin dan jentera kerajaan pusat di bawah naungan satu perlembagaan yang menghukum semua wilayah dan institusi yang berkhidmat kepada semua wilayah.

(7) Dalam Islam, setengah-setengah hukum akan berubah mengikut perubahan masa. Tetapi perubahan ini terikat dengan kaedah-kaedah perubahan yang bernaung di bawah dasar-dasar Islam itu sendiri. Oleh itu ikhwan muslimin ingin berterusterang dalam masalah ini dan mereka ingin menerangkan perkara ini kepada orang ramai. Dan perjalanan ummat Islam menuju penubuhan sebuah daulah Islamiah yang tunggal hari ini, satu sistem dan kaedah yang tertentu tidak akan memadai bagi semua ummat Islam di semua daerah. Oleh itu setiap daerah dan kawasan mestilah mempunyai sistem, perencanaan dan qiadahnya yang tersendiri. Setiap qiadah mestilah mempunyai inisiatif dan perencanaan dalam daerah setempat. Satu penyelarasan dan penyeliaan dari maktab irsyad mestilah ujud. Kesemua ini mestilah berlaku dalam satu keadaan di mana pihak pusat berfungsi untuk maslahat semua dan sebaliknya pihak wilayah dalam setengah-setengah urusan berfungsi untuk maslahat semua. Keadaan ini haruslah menjadi satu prinsip umum. Oleh itu qiadah yang tertinggi akan mengemukakan sesuatu kepada qiadah bawahan, memberi, membantu, memperkuat dan membimbingnya dengan tidak melemah dan mensiasiakannya.

Dari kumpulan dasar-dasar umum dalam dakwah ikhwan muslimin kita dapat mengetahui kunci-kunci lain untuk memahami dakwah ikhwan muslimin dan permasalahan mereka. Dalam perkara-perkara berikut ini terdapat penjelasan yang lebih lanjut tentang kunci untuk memahami dakwah ikhwan muslimin, tetapi kita ingin mengkhususkan beberapa perkara dalam yang berasingan supaya dapat memberi penekanan yang lebih kuat lagi. Dalam penutup bab ini kita ingin menyebutkan beberapa perkara yang sepatutnya kita ingati atas dasar sifat kita sebagai ikhwan muslimin:

Pertama: Kita hendaklah memahami permasalahan dan dakwah kita; ini satu perkara, dan perkara lain ialah, kita mesti bijak menyampaikan dakwah; setelah itu kita mestilah bijak dalam melarutkan orang-orang yang menerima dakwah kita ke dalam saf, ini merupakan satu perkara yang paling penting. Oleh itu dalam hal ini terdapat tiga permasalahan, iaitu memahami dakwah, bijak menyampaikan dakwah, mampu melakukan tarbiah dan melarutkan mereka yang didakwah ke dalam saf. Sebarang kegagalan dalam salah satu dari ketiga-tiga perkara ini akan menimbulkan bencana dalam usaha-usaha amal Islam, selain dari itu amal Islam akan berada dalam keadaan yang serba kurang dan tempang.

Memandangkan keadaan ini kita mestilah mendalami semua perkara yang boleh membantu kita dalam ketiga-tiga perkara ini, begitu juga saudara-saudara kita yang lain.

Kedua: Musa as telah berkata kepada Firaun:

هَل لَّكَ إِلَىٰٓ أَن تَزَكَّىٰ وَأَهْدِيَكَ إِلَىٰ رَبِّكَ فَتَخْشَىٰ

"Adakah keinginan padamu untuk membersihkan diri (dari kesesatan) dan kamu akan kupimpin ke jalan Tuhanmu supaya kamu taat kepadaNya." S. 79 : 18—19

Dalam dunia kita hari ini, sebagai satu cara dakwah kita perlulah berbicara dengan setengah-setengah golongan tentang keuntungan dunia yang akan dapat dilaksanakan oleh Islam. Walaupun demikian satu perkara yang mesti kita sampaikan kepada semua orang ialah perbicaraan tentang roh, jiwa, hati, keperluan hati kepada kehidupan, keperluan jiwa kepada pembersihan, keperluan roh untuk kembali kepada pengabdian yang ikhlas kepada Allah dan kita mestilah menerangkan bahawa seluruh nilai dan pengertian ini tidak akan dapat dicapai oleh menusia kecuali melalui Islam dan dengan mengikut jalan Allah yang dapat dilakukan melalui akidah yang benar, amal yang sah dan panduan yang betul dalam usaha menuju Allah melalui ibadah dan zikir. Ini memerlukan supaya al-akh memahami benar-benar permasalahan jalan menuju Allah, dasar-dasarnya dan perkara-perkara yang dihadapi dalam perjalanan itu. Sekiranya kematangan yang seperti ini tidak dapat dicapai oleh al-akh bererti telah ujud satu ruang luas yang memisahkannya daripada zamannya.

Barat secara umum telah merasakan kekosongan roh ini, oleh itu sebahgian mereka melarikan diri ke dalam tasauf ala Budha dan lainnya. Ini tidak akan membawa sebarang faedah. Yang dapat memenuhkan keperluan-keperluan roh, keinginan-keinginan hati dan imbauan jiwa yang fitri ialah Islam, tetapi kesemua nilai-nilai ini mempunyai dasarnya menurut Islam. Oleh itu kita mestilah memahami dasar-dasar tersebut. Bagaimana caranya kita dapat memindahkan hati dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain? Bagaimana caranya kita mengembalikan hati ke satu tingkat ubudiah yang tulus ikhlas kepada Allah?. Bagaimana caranya kita dapat menjadikan jiwa itu mempunyai akhlaknya yang mulia seperti sifat lemah-lembut, bijaksana, pemurah dan lainnya sehingga sifat-sifat itu menjadi satu tingkat kepada jiwa tersebut?. Bagaimana kita dapat membersihkan jiwa dari segala bentuk penyakitnya seperti hasad, ujub, takbur dan lainnya?. Kesemua ini mestilah jelas kepada kita dan kita mestilah menumpukan dakwah kepada perkara-perkara tersebut, kerana ia merupakan sebahgian dari

hidayat para ambia'. Ia merupakan bahagian yang menjadi pusat kepada segala sesuatu. Ia juga merupakan bahagian yang dirasakan perlu oleh semua manusia baik miskin atau kaya.

Pemusatan kepada sudut ini merupakan salah satu dari kunci dakwah kita. Ditinjau dari sudut ini kita adalah golongan sufi, tetapi sufi golongan salaf yang bebas dari campuraduk, terikat dengan akidah ahli sunnah wal jamaah, bebas dalam lingkungan pendapat ulamak Islam, supaya dengan itu dakwah kita akan mengambil satu bentuk sufi yang dicari-cari oleh ahli sufi zaman kita ini yang telah kesamaran antara tasauf yang hak dan yang batil, antara tasauf yang bid'ah dan sunnah, antara yang asal dan yang mendatang.

Ketiga: Kita mestilah mengetahui akliah orang yang kita lawan berbicara. Perbicaraan dan dakwah haruslah berlaku sejajar dengan pengetahuan kita tentang akliah orang tersebut. Di sana terdapat orang yang pada asalnya muslim tetapi telah disesatkan oleh pemikiran kafir, ada orang yang memang pada asalnya telah kufur, ada muslim yang lalai, ada muslim sufi, ada orang yang mengejar dunia dan ada pula orang yang semata-mata mengharapkan akhirat. Kita mestilah bijak memilih cara berbicara dengan semua golongan ini dan kita mestilah tepat memilih titik permulaan perbicaraan dengan mereka.

Seorang sufi mestilah ditarik pandangannya kepada masalah ujudnya kewajipan-kewajipan lain yang telah difardzukan, seperti menegakkan daulah Islamiah, bekerja untuk menegakkan kalimah Allah dan ummat Islam adalah satu jamaah. Kesemua ini dilakukan dengan mengemukakan dalil-dalil yang paling jelas.

Muslim yang tidak memahami permasalahan kita seharusnya diperkenalkan siapakah kita, apakah yang menjadi tujuan kita dari semua kerja-kerja yang kita lakukan dan apakah yang menjadi idaman kita. Kita mestilah menerangkan bahawa perkara-perkara yang menjadi tujuan dan idaman kita itu adalah menjadi kewajipan kita dan juga beliau. Kita mestilah menerangkan bahawa kita dan beliau mestilah bekerjasama.

Muslim yang beriman tetapi jahil tentang Islam mestilah diberi pengajaran tentang Islam. Ini dilakukan dengan dada yang lapang dan ketenangan yang tidak mengenal apa yang dikatakan hilang sabar.

Muslim yang berfaham salaf hendaklah diberi penjelasan bahawa dakwah kita adalah dakwah salafiah dan kita beriltizam dengan manhaj salaf baik dari segi ilmu, amal dan gerakan yang membawa kepada tegaknya sebuah daulah Islamiah sejajar dengan manhaj tersebut. Kita mengajak muslim yang berfaham salaf ini supaya jangan membiarkan syaitan menjauhkannya dari orang-orang yang bekerja dengan ikhlas untuk memperjuangkan agama Allah.

Muslim yang telah disesatkan oleh musuh-musuh Allah mestilah dikembalikan kepada kepercayaan kepada Islam, Quran dan dasar-dasar iman dengan mengemukakan hujjah-hujjah tentang iman dan bukti-bukti mukjizat Al-Quran. Kita mestilah melihat sudut-sudut yang salah pada dirinya dan kita memperingatkan beliau tentang hal itu. Kita mestilah melihat sudut-sudut yang salah dalam konsepnya dan kita cuba membetulkannya dengan perbicangan yang tenang atau melalui buku-buku yang kita berikan kepadanya. Kita mestilah meletakkan dalam ingatan kita bahawa kita sedang bertarung dengan kufur dan syaitan dalam merebut seorang muslim. Kita tidak akan membiarkan kufur dan syaitan menewaskan kita dalam pertarungan ini, kita akan menggunakan apa saja jalan yang kita mampu lakukan.

Dalam berdakwah kepada golongan kafir kita mestilah menumpukan kepada garis permulaan yang titik tolaknya ialah beriman kepada Allah, Rasulullah serta wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah saw. Sejauh mana kita dapat menggunakan kebijaksanaan dalam perkara-perkara ini maka sejauh itulah usaha untuk berpindah ke peringkat lain akan lebih mudah.

Titik tolak yang paling berkesan pada manusia ialah titik tolak yang merangkumi zikir dan ilmu sejak dari awal lagi. Setiap kali kita mampu menjadikan seorang itu menghabiskan sebahagian masanya dengan zikir dan menghabiskan sebahagian waktunya yang lain dengan ilmu dan pembacaan yang mendapat bimbingan maka sejauh itulah ia akan hampir kepada kesempurnaan. Dalam mentafsirkan firman Allah yang berbunyi:

اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا

"Ketahuilah olehmu bahawa sesungguhnya Allah menghidupkan bumi setelah matinya", S. 57 : 17

Zarin telah meriwayatkan daripada Ibnu Abbas yang beliau (Ibnu Abbas) telah berkata:

"Ia (Allah) melembutkan hati setelah kekerasannya hingga Ia menjadikan hati itu bersifat tawaduk dan merendah diri. Ia menghidupkan hati yang telah mati dengan ilmu dan hikmat".

Perhatikan kata-kata Ibnu abbas ini, "Ia menghidupkan hati yang telah mati dengan ilmu dan hikmat".

Sesungguhnya selagi kita memperdengarkan ilmu dan hikmah kepada manusia dan beliau sanggup mendengarnya maka harapan untuk hatinya hidup kembali adalah besar. Satu hal yang paling penting kita perhatikan dalam hal ini ialah; kita mesti menahan diri ketika marah dan kita mestilah mengampunkan di kala orang bertindak jahat kepada kita. Tanpa kedua sifat ini kita tidak akan mampu memimpin ummat kita.

Al-Bukhari telah meriwayatkan komentar yang dibuat oleh Ibnu Abbas terhadap firman Allah:

"Tolaklah perbuatan buruk mereka dengan yang lebik baik," dengan mengatakan: "Sabar ketika marah dan mengampunkan ketika orang bertindak jahat. Apabila mereka melakukannya Allah akan memelihara mereka dan musuh mereka akan tunduk kepada mereka".

Inilah secara ringkas sebahagian dari kunci untuk memahami permasalahan-permasalahan besar dalam dakwah ikhwan muslimin dan untuk memahami cara-cara seruan yang mereka lakukan untuk menjelaskan dakwah dan permasalahan mereka, kami kemukakan di sini sebagai pengantar kepada syarah Risalah Taalim, supaya kita mengetahui kedudukan Risalah Taalim dalam dakwah kita dan betapa pentingnya risalah ini dalam usaha-usaha amal islami masakini.

BAB KETIGA

TANGGUNGJAWAB BESAR

Secara mutlak, tanggungjawab kita yang besar ialah: Melakukan tajdid dan pemindahan. Tajdid Islam dan memindahkan muslim dari satu peringkat ke satu peringkat, dan memindahkan ummat Islam dari satu tingkat ke satu tingkat.

1- Ada dua sifat-sifat zahir bagi ikhwan muslimin yang dapat difaham dari kata-kata Ustaz Al Bana.

Pertama: Ikhwan muslimin sebagai satu jamaah dari jamaah-jamaah yang memberi khidmat umum. Jamaah ikhwan muslimin memberikan kerjasama kepada jamaah-jamaah muslimin lain yang memberi khidmat umum. Kerjasama ini diberikan dengan menggunakan wasilah-wasilah tertentu.

Kedua: Ikhwan muslimin sebagai satu gerakan tajdid. Ustaz Al Bana telah menumpukan perhatian kepada sifat kedua ini kerana itulah yang paling penting bagi gerakan ini. Di antara sifat-sifat tajdid yang zahir bagi gerakan ini ialah; jamaah ikhwan muslimin telah mengetahui keperluan-keperluan alam Islami masakini yang selama ini telah diabaikan oleh ummat Islam. Islam memerlukan amal yang syumul, sehingga dengan amal yang syumul ini muslim merasakan yang dirinya itu muslim, beliau merasakan unsur kejamaahan dalam dirinya, beliau merasakan ikatannya yang umum dengan Islam dan penganutnya dan beliau merasakan hubungannya secara khusus dengan Islam dan penganutnya. Islam memerlukan amal yang syumul bermula dari peringkat taarif hingga ke peringkat takwin yang teliti dan berakhir di peringkat tanfiz harian serta tanfiz yang syumul untuk mencapai matlamat terbesar yang telah diwajibkan Allah kepada setiap ummat Islam agar mereka melaksanakannya dalam peringkat tempatan dan peringkat antarabangsa. Islam memerlukan ujudnya satu jamaah yang mengendalikan semua perkara ini. Untuk tegaknya jamaah ini ia memerlukan nilai-nilai yang saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Ustaz Al Bana telah berkata tentang dakwah kita: ''Kemudian begitulah juga beliau akan berdiri bersama dengan kita dihadapan jamaah sebagai salah satu dari dakwah-dakwah tajdid untuk mengembalikan kehidupan ummat-ummat dan bangsa-bangsa. Jamaah yang telah menggariskan satu manhaj baru yang diimaninya dan jamaah ini berjalan mengikut landasan manhaj tersebut''. Sehubungan dengan kata-katanya di sudut ini beliau berkata lagi: ''Tetapi intipati dakwah mereka (ikhwan muslimin) ialah fikrah dan dakwah. Mereka menancapkannya ke dalam jiwa setiap manusia sehinggalah pendapat umum terdidik dengan fikrah dan dakwah itu, semua hati akan mengimaninya

dan semua roh akan berkumpul di sekelilingnya. Itulah prinsip-prinsip dalam beramal untuk Islam dan mengamalkan Islam itu sendiri dalam bidang-bidang hidup''

Di tempat lain beliau berkata lagi;

''Wasilah umum bagi dakwah tidak akan berubah, tidak ditukar ganti dan tidak melewati tiga perkara berikut: (1) Iman yang mendalam. (2) takwin yang teliti. (3) Amal yang berterusan.''

Di lain tempat pula beliau berbicara tentang rukun-rukun wasilah. Beliau telah menyebutkan tiga perkara berikut: (1) Manhaj yang betul. (2) Mukmin yang bekerja. (3) Qiadah yang tegas dan dipercayai.

Dengan membentangkan noktah-noktah ringkas ini kita dapat mengetahui tanggungjawab besar yang terutama bagi kita. Tanggungjawab itu ialah melakukan peroses tajdid dalam ummah Islamiah. Kita juga dapat mengetahui salah satu dari perkara penting yang diperlukan oleh peroses tersebut. Dalam kata-kata Ustaz Al Bana perkara penting ini disebut sebagai ''Qiadah yang tegas dan dipercayai''.

Setiap usaha yang tidak bertolak dari titik permulaan ini adalah usaha-usaha yang tidak mempunyai kemampuan untuk kekal dan berterusan, selain dari itu usaha-usaha itu sendiri tidak akan mampu memainkan peranan yang sepatutnya. Oleh itu titik tolak adalah bermula dari ujudnya qiadah yang mampu melakukan tajdid, mencapai matlamat, memindah, dan menunaikan semua kewajipan.

Untuk merangkuli semua keperluan-keperluan jamaah dan keperluan ummah, maka permasalahan mencari anasir-anasir yang layak untuk menjadi qiadah Islamiah, memperlengkap dan menentukan peranannya adalah merupakan sesuatu yang asasi dan penting dalam amal Islami, dan jalan untuk mencapai tujuan ini mestilah dikuasai sesempurnanya. Mudah-mudahan buku ini dapat memainkan sebahagian dari tanggungjawab ini. Qiadah yang kita maksudkan ini adalah bertanggungjawab untuk mengujudkan iman yang mendalam, melaksanakan peroses takwin yang teliti dan membiasakan amal yang berterusan sejajar dengan manhaj yang betul dan dengan kerjasama para muslimin yang beramal. Apakah syarat-syarat qiadah ini?. Apakah sifat-sifatnya?. Bagaimana ia bekerja?. Bagaimana ia bertindak?. Apakah akhlak-akhlak dan kelayakannya?. Apakah perencanaannya?. Bagaimanakah ia bergerak? Dan lain-lain lagi. Kesemua ini mestilah jelas sejak dari awal lagi.

2- Memindahkan ummah sebagai mukaddimah kepada pemindahan ummat Islam sejagat.

BAB KEEMPAT
Matlamat

Ikhwan muslimin tidak mempunyai matlamat yang sengaja mereka reka dan ada-adakan, tetapi Islam telah mewajibkan ummat Islam supaya mencapai beberapa matlamat. Mereka diwajibkan bekerja dan mengorbankan segala sesuatu yang berharga demi mencapai matlamat tersebut.

Kesemua matlamat ini adalah matlamat Islamiah, di antaranya ada yang berhubung dengan manusia sesama manusia, baik lelaki atau perempuan, ada yang berhubung dengan keluarga, ada yang berhubung dengan pekerjaan dan perusahaan, ada yang berhubung dengan bangsa, ada yang berhubung dengan kerajaan, ada yang berhubung dengan dunia secara keseluruhan, ada yang berhubung dengan sudut siasah, ada yang berhubung dengan sudut ekonomi, ada yang berhubung dengan sudut ketenteraan, ada yang berhubung dengan bidang pelajaran, pendidikan dan media-massa, ada yang merupakan matlamat jangka pendek, ada yang merupakan matlamat jangka panjang, ada yang merupakan matlamat sampingan dan ada yang merupakan matlamat asal, ada pula yang merupakan matlamat ukhrawi, ada yang merupakan matlamat kebendaan dan ada yang merupakan matlamat ghaibi.

Kesemua matlamat-matlamat ini bercampur baur dan mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain. Perkara ini amatlah besar yang tidak akan dapat difahami dengan jelas kecuali oleh mereka yang memahami permasalahan pokok dan furu', memahami al-Quraan dan Sunnah, ilmu usul fekah dan fekah dalam madrasah Islamiah. Kesemuanya adalah merupakan bab-bab yang terlalu luas. Oleh itu ikhwan muslimin tidak menumpukan dan menggerakkan tenaga mereka untuk memperincikan semua matlamat ini, kerana memperincikan semua matlamat ini adalah satu hal yang tidak dapat dilakukan. Selain dari itu mengkaji perkara-perkara yang berhubung dengan matlamat ini adalah dianggap sebagai sebahagian dari manhaj mereka. Oleh itu pada kebiasaannya setiap al-akh yang mengikuti manhaj ikhwan tidak akan luput dari matlamat ikhwan yang asasi. Semakin beliau menambah pengkajiannya, pengetahuan beliau tentang matlamat akan bertambah, begitu juga pengetahuannya akan bertambah dalam memahami qiadah yang bijaksana, yang sentiasa mengetahui dan menyedari matlamat dan cara mencapainya.

Usataz Hasan Al Bana telah merumuskan matlamat-matlamat asasi jamaah ikhwan muslimin dalam risalah-risalah yang ditulisnya.

Kewajipan ini merupakan kewajipan pertama bagi jamaah atau qiadah, iaitu memindahkan muslim dan ummat Islam. Muslim hari ini telah lemah dalam merasakan dirinya sebagai seorang muslim, beliau juga lemah dalam merasakan pengertian penggabungan dirinya ke dalam Islam. Beliau juga lemah dalam merasakan bahawa dirinya adalah salah seorang dari satu ummat, iaitu ummat Islam. Oleh itu tugas kita yang pertama ialah menghidupkan kembali perasaan muslim sehingga beliau merasakan keIslaman dan unsur kejamaahan yang ada dalam dirinya.

Dengan lain perkataan: Kebanyakan ummat Islam hari ini dapat merasakan hubungan umum mereka dengan Islam dan institusi umum Islam, tetapi perasaan mereka terhadap Islam dan hubungan-hubungan mereka yang khusus dengan Islam dan penganutnya, yang terjelma dalam bentuk menghubungkan masa depan mereka dengan masa depan Islam dan penganutnya, yang dilaksanakan dalam bentuk memberikan ketaatan dan kesetiaan kepada jamaah Islam, kesemua ini hampir-hampir tidak ujud lagi.

Oleh itu tanggungjawab pertama jamaah ialah memindahkan muslim dari keadaan ini pada suatu keadaan lain sehingga beliau merasakan dirinya sebagai seorang muslim, merasakan keIslaman dan ikatannya dengan ummat Islam, kemudian memindahkannya ke satu tingkat yang lebih tinggi dalam Islam seterusnya menggabungkan beliau ke dalam saf. Melalui kaedah ini pemindahan keseluruhan ummat Islam dari satu peringkat ke satu peringkat dan dari satu keadaan ke satu keadaan yang lain akan terlaksana, sehingga dengan itu akan terlaksanalah pula matlamat-matlamat setempat, seterusnya tercapai pula matlamat alamiah dipermukaan bumi ini.

Kita tidak akan mengetahui cara-cara untuk menunaikan kedua-dua tanggungjawab yang besar ini kecuali setelah kita memahami Risalah Taalim. Oleh kerana itulah perbincangan tentang kedua-dua tanggungjawab ini kami jadikan sebahagian dari mukaddimah buku ini.

* * * * * * *

Matlamat-matlamat yang disebutkan oleh Ustaz Al Bana adalah merupakan matlamat-matlamat yang telah difardzukan dan diwajibkan kepada setiap muslim. Mereka mestilah bekerja untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut sedaya yang mungkin. Oleh kerana itulah Ustaz Al Bana telah menggariskan matlamat-matlamat tersebut dalam Risalah Taalim dan menganggap bahawa "beramal" untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut adalah merupakan salah satu dari rukun-rukun baiah dalam dakwah ikhwan muslimin. Hal ini disebutkannya dibawah rukun "al-amal".

Dalam bab ini kami akan memperkatakan apa yang telah disebutkan oleh Ustaz Al Bana tentang masalah ini di tempat-tempat yang lain dari Risalah Taalim, kemudian kami akan memperkatakan apa yang telah disebutkannya di dalam Risalah Taalim, setelah itu kami akan membicarakan perkara-perkara yang termasuk ke dalam semua matlamat.

Ustaz Al Bana telah mengatakan: "Ringkasnya, kita mahukan individu muslim, rumahtangga muslim, bangsa muslim, kerajaan Islam dan daulah yang memimpin negara-negara Islam, menyatukan ummat Islam yang telah berpecah, mengembalikan keagungan mereka menyerahkan kembali tanah air mereka yang telah hilang, watan mereka yang telah dirampas dan negeri mereka yang telah dirampuk. Seterusnya daulah tersebut akan bertanggungjawab memikul bendera jihad dan dakwah islamiah sehingga dunia akan bahagia dengan ajaran-ajaran Islam."

Beliau juga mengatakan "kamu mestilah sentiasa ingat bahawa kamu mempunyai dua matlamat yang asasi:

1. Semua tanah air Islam mestilah bebas dari sebarang kekuasaan asing dan ini merupakan hak yang tabi'e bagi setiap insan yang tidak akan diengkari kecuali oleh mereka yang zalim, kejam dan diktatur. Penjajah telah mewarisi kerajaan-kerajaan buatan, kesemua ini adalah penjajahan yang amat kejam.

2. Di atas tanah air yang telah bebas merdeka ini mestilah tegak sebuah daulah Islamiah yang bebas merdeka. Daulah yang mengamalkan hukum-hukum Islam, melaksanakan sistem syariat Islam, mengiklan dan mengisytiharkan perinsip-perinsip kaumiah Islamiah dan menyampaikan dakwah Islamiah dengan bijaksana kepada semua manusia. Selagi daulah ini tidak tegak semua ummat Islam adalah berdosa dan bertanggungjawab di hadapan Allah di atas kecuaian dan kelalaian mereka dalam usaha menegakkan daulah tersebut."

Inilah kesimpulan yang telah dinyatakan oleh Ustaz Al Bana di tempat lain dari Risalah Taalim. Dalam Risalah Taalim pula beliau telah mengatakan:

"Peringkat-peringkat amal yang dituntut dari setiap al-akh yang jujur ialah:

(i) Mengislah (memperbaiki) diri sendiri sehingga beliau menjadi seorang yang mempunyai akidah yang sempurna, ibadat yang sah, akhlak yang ampuh, jasad yang kuat, mampu berusaha dan bermujahadah dengan dirinya sendiri, teliti menjaga waktunya, teratur segala urusannya, bermanfaat untuk orang lain, mempunyai fikiran yang berilmu pengetahuan (intelek). Kesemua ini adalah kewajipan tiap-tiap individu muslim.

(ii). Membentuk rumahtangga muslim dengan membimbing keluarganya supaya menghormati fikrahnya, memelihara adab-adab Islam dalam lahiriah kehidupan rumahtangganya, bijak dalam memilih bakal isteri, mengajarkan hak dan tanggungjawab isteri, mendidik anak-anak dengan baik dan membentuk mereka sejajar dengan prinsip-prinsip Islam. Perkara yang sama juga dilakukan terhadap pembantu rumah. Kesemua ini adalah menjadi kewajipan tiap-tiap individu muslim.

(iii). Membimbing masyarakat dengan menyampaikan seruan kebajikan dan memerangi segala bentuk kemungkaran dan kehinaan disamping menggalakkan masyarakat ke arah kemuliaan, amar maaruf dan bersegera melakukan kebajikan, berusaha menarik pandangan umum terhadap islam dan mencorakkan lahiriah kehidupan masyarakat umum sejajar dengan prinsip-prinsip Islam. Kesemua ini adalah kewajipan setiap al-akh dan kewajipan jemaah sebagai satu institusi yang beramal.

(iv). Membebaskan watan, yakni dengan membebaskannya dari cengkaman kuasa asing yang bukan Islam, baik di bidang siasah, ekonomi maupun di bidang ruh.

(v). Mengislah (memperbaiki) kerajaan sehingga ia benar-benar menjadi sebuah kerajaan Islam. Dengan itu kerajaan akan menunaikan tanggungjawabnya sebagai khadam dan upahan kepada ummah Islamiah, sebagai pekerja untuk menjaga maslahat ummah.

Yang dimaksudkan dengan kerajaan Islam di sini ialah kerajaan yang dianggotai oleh pemimpin-pemimpin yang muslim, menunaikan kewajipan-kewajipan yang telah difardzukan oleh Islam, tidak melakukan maksiat secara terang-terangan dan melaksanakan hukum-hukum dan ajaran-ajaran Islam. Tidak menjadi kesalahan bagi daulah

Islamiah melantik pegawai-pegawai bukan Islam jika keadaan memerlukan dengan syarat tidak dilantik ke jawatan-jawatan yang termasuk ke dalam kategori wilayah ammah. Bentuk dan jenis kerajaan yang dipilih oleh daulah Islamiah tidaklah diambil kira selagi ianya bertepatan dengan kaedah-kaedah umum dalam sistem pemerintahan Islam.

Di antara kewajipan-kewajipan daulah Islamiah ialah: melaksanakan syariat, menyampaikan dakwah, memperkuat dan mempertinggikan akhlak, mengembangkan ilmu pengetahuan, menyediakan kekuatan, menjaga kesihatan umum, memelihara kepentingan umum, memperkembangkan kekayaan negara dan menjaga keselamatan harta.

Di antara hak-hak daulah Islamiah setelah ia menunaikan kewajipan-kewajipannya ialah: menerima kesetiaan, ketaatan dan bantuan dengan harta dan jiwa dari rakyat. Sekiranya kerajaan cuai menunaikan kewajipannya kerajaan ini mestilah dinasihati dan ditunjukkan jalan yang lurus. Jika nasihat dan petunjuk ini tidak memberi kesan terpaksalah dilakukan penarikan balik segala ketaat setiaan dan pihak berkuasa kerajaan hendaklah dipecat, kerana dalam ajaran Islam tidak wajib taat kepada makhluk dalam perkara maksiat kepada Allah.

(vi). Mengujudkan kembali kesatuan bangsa-bangsa ummat Islam dengan membebaskan negara-negaranya yang terjajah, menghidupkan kembali keagungannya yang silam, memperdekatkan kebudayaan dan ilmu pengetahuannya, mengujudkan kata sepakat yang boleh mengujudkan kembali khalifah Islamiah yang telah hilang dan dapat mengembalikan kesatuan yang diharap-harapkan.

(vii) Memimpin dunia, dengan menyampaikan dakwah Islamiah ke seluruh pelusuk dunia sehingga sebarang fitnah dan halangan tidak berlaku lagi dan dunia seluruhnya tunduk kepada agama Allah. Dan Allah tidak akan redha kecuali agamaNya telah sempurna.

Keempat-empat perkara yang terakhir ini adalah menjadi kewajipan kepada jamaah dan juga menjadi kewajipan setiap al-akh, atas sifatnya sebagai anggota dalam jamaah.

Alangkah berat dan besarnya tanggungjawab ini, ia kelihatan sebagai suatu khayalan, tetapi al-akh muslim melihatnya sebagai suatu kenyataan. Kita tidak akan merasa putus asa, di samping itu kita menggantungkan harapan kepada Allah, dan Allah akan mengatasi segala urusanNya, tetapi malangnya kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Apa yang dinyatakan di dalam Risalah Taalim ini akan kita bicarakan sekali lagi sewaktu kita membicarakan risalah tersebut, tetapi oleh kerana bahagian ini dapat menentukan matlamat dari gerakan ikhwan muslimin yang telah disebutkan dalam Risalah Taalim, sehingga dengan itu peribadi-peribadi yang mampu akan dapat melaksanakannya dengan izin Allah, maka sebab itulah kita membincangkan perkara ini di sini dengan harapan kami akan dapat menghuraikan tajuk 'Matlamat ikhwan muslimin' sebagai pengantar kepada perbincangan tentang Risalah Taalim.

* * * * * * *

FASAL PERTAMA
PENGERTIAN TERPERINCI DARI MATLAMAT IKHWAN

Di sini kita akan menghuraikan pengertian yang terkandung dalam tiap-tiap matlamat yang telah dikemukakan di atas berdasarkan apa yang telah diperkatakan oleh Ustaz Al Bana sendiri, sejajar dengan nas-nas yang bersangkutan. Dengan izin Allah saya terus mengatakan bahawa:

1- Individu yang kita kehendaki ialah individu yang mempunyai akidah yang sejahtera, ibadat yang sah, fikiran yang berilmu pengetahuan, mampu berusaha, kuat jasmani, sentiasa melakukan mujahadah dengan dirinya, menjaga waktu, mengatur urusan, bermanafaat kepada orang lain, membimbing keluarganya supaya menghormati fikrahnya, menjaga adab-adab Islam dalam lahiriah rumahtangganya, bijak memilih isteri, menerangkan kepada isterinya tentang hak dan kewajipan isteri, bijak mendidik anak-anak dan orang yang di bawah jagaan dan tanggungjawabnya dengan mendidik mereka sejajar dengan prinsip-prinsip Islam.

Kita mahukan individu yang membimbing masyarakat dengan menyampaikan dakwah dan seruan kebajikan kepada masyarakat, memerangi segala bentuk kehinaan dan kemungkaran, menggalakkan masyarakat melakukan perkara yang mulia, bertindak melakukan amal maaruf dan nahi mungkar, bertindak melakukan kebajikan dan kebaikan, berusaha menarik fikiran umum supaya menyokong Islam, berusaha memerdekakan tanah air Islam dengan membebaskannya dari semua bentuk kuasa asing yang bukan Islam baik dalam bidang siasah ekonomi maupun roh, berusaha untuk menjadikan kerajaannya sebagai kerajaan Islam yang sebenar, berusaha mengujudkan kembali kesatuan bangsa-bangsa ummat Islam dengan memerdekakan negara mereka, menghidupkan kembali keagungannya, memperdekatkan kebudayaan dan ilmu pengetahuannya, mengujudkan kata sepakat, berusaha menegakkan kehidupan Islamiah yang telah hilang, mengujudkan kesatuan yang diharap-harapkan, berusaha untuk menjadi pembimbing kepada dunia seluruhnya dengan menyampaikan dakwah Islamiah ke seluruh pelusuk bumi sehingga dengan itu fitnah dan halangan tidak ujud lagi dan ketaatan bulat kepada Allah semata-mata.

2- Rumahtangga muslim yang kita kehendaki ialah rumahtangga yang dianggotai oleh suami dan isteri yang mengetahui hak dan tanggungjawab masing-masing dan beriltizam dengan tanggungjawab

tersebut. Bijak mendidik anak-anak dan membangun mereka sejajar dengan prinsip-prinsip Islam yang di antara lain ialah memelihara adab-adab Islam dalam lahiriah hidup rumahtangga.

Isteri yang misali (aidil) pula ialah isteri yang telah disebutkan Allah sifat-sifatnya dan dipilih untuk Rasulullah saw, sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah:

عَسَىٰ رَبُّهُۥٓ إِن طَلَّقَكُنَّ أَن يُبْدِلَهُۥٓ أَزْوَٰجًا خَيْرًا
مِّنكُنَّ مُسْلِمَٰتٍ مُّؤْمِنَٰتٍ قَٰنِتَٰتٍ تَٰٓئِبَٰتٍ عَٰبِدَٰتٍ سَٰٓئِحَٰتٍ

"Jika Nabi menceraikan kamu, boleh jadi Tuhannya akan memberi ganti kepadanya dengan isteri-isteri yang lebih baik dari kamu, yang patuh, yang beriman, yang taat, yang bertaubat, yang mengerjakan ibadat dan yang berpuasa". S. 66 : 5

Sama ada mereka itu janda atau masih perawan. Allah berfirman sebagai menyempurnakan ayat tersebut:

"Janda atau perawan".

Islam, iman, taat, taubat, ibadat dan puasa adalah tanda-tanda istimewa bagi isteri-isteri muslimah. Isteri muslimah yang taat tidak akan didapati kecuali apabila ia seorang perempuan yang salihah. Dalam hubungan ini Allah berfirman:

ٱلرِّجَالُ قَوَّٰمُونَ عَلَى ٱلنِّسَآءِ بِمَا فَضَّلَ ٱللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَىٰ
بَعْضٍ وَبِمَآ أَنفَقُوا۟ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ ۚ فَٱلصَّٰلِحَٰتُ قَٰنِتَٰتٌ حَٰفِظَٰتٌ
لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ ٱللَّهُ ۚ

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita) dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan harta mereka. Sebab itu maka wanita yang saleh ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri di balik pembelakangan suaminya oleh kerana Allah telah memelihara mereka". S. 4 : 34

Anggota rumahtangga muslim mestilah beriltizam dengan pakaian Islam sekurang-kurangnya dalam batas kehidupan dunia. Oleh yang demikian kaum wanita mestilah memakai pakaian yang tidak mendedah dan menunjukkan sifat-sifatnya. Anak-anak juga hendaklah dibiasakan dan dilatih berbuat demikian. Ibu adalah merupakan kudwah dalam hal ini.

Rumah muslim tidak akan dimasuki oleh sesuatu yang diharamkan syarak, dinding-dindingnya tidak dihiasi dengan sesuatu yang diharamkan syarak, bahagian dalam rumah tidak terdedah kepada orang yang diluarnya.

Rumahtangga muslim yang sempurna ialah rumahtangga yang beriltizam dengan prinsip-prinsip ikhwan muslimin kerana pada prinsip-prinsip itu sendiri terdapat kesempurnaan Islam masakini. Oleh kerana itulah Ustaz Al Bana telah menganggap beriltizam dengan prinsip-prinsip ikhwan muslimin sebagai kewajipan al-akh yang bekerja dalam jamaah ikhwan muslimin.

Rumahtangga muslim ialah rumahtangga yang menyediakan anak-anak yang belum baligh dengan persediaan-persediaan yang mereka perlukan setelah mereka baligh dengan memberikan bimbingan ke jalan yang benar.

Rumahtangga muslim jauh dari lahiriah yang menunjukkan kemewahan dan nikmat yang tidak kekal, jauh dari segala bentuk yang tidak Islami. Uztaz Al Bana telah menjadikan perkara-perkara berikut sebagai sebahagian dari kewajipan al-akh al-mujahid. Beliau telah berkata: ''Zuhud dan menjauhkan diri dari lahiriah yang menunjukkan kesenangan dan nikmat dunia yang fana dan jauh dari perkara-perkara yang tidak Islami, baik dalam bentuk ibadat, muamalat dan dalam semua urusannya''. Sebahagian dari perkara-perkara asasi yang telah disebutkan tadi termasuklah permasalahan mendidik anak-anak, pengawasan al-akh terhadap tindak tanduk orang-orang yang di bawah jagaannya, menasihati, memberi ingat dan mendakwah orang yang ada hubungan keluarga dengannya. Sesungguhnya anak-anak orang Islam hari ini adalah merupakan anak-anak yang paling rendah pendidikannya di dunia ini. Oleh itu ibu bapa mestilah sedar, mengetahui dan mengamati bahawa peringkat umur sebelum baligh adalah merupakan peringkat persediaan untuk menghadapi peringkat baligh. Perkara-perkara yang diperlukan oleh seorang muslim di peringkat balighnya mestilah dilatih sebelum ia mencapai peringkat baligh. Muslim telah ditaklifkan dengan banyak perkara dalam bidang akidah, ibadah, adab, akhlak dan muamalat. Beliau juga ditaklifkan dengan jihad dan menyiapkan persediaan untuk menghadapi jihad. Ini memerlukan latihan-latihan jasmani dan rohani.

Muslim tidak seharusnya menjadi beban kepada orang lain. Ini menuntut supaya beliau mempunyai pekerjaan sendiri. Ibu bapa mestilah memahami dan menyedari keadaan ini dan membuat persediaan untuk anak-anak mereka.

Ibu bapa mestilah mendidik anak-anak mereka supaya mengikut dan mengasihi Islam, mereka juga hendaklah mendidik anak-anak beriman dan membiasakan mereka melakukan ibadat. Rasulullah saw telah memerintahkan supaya anak-anak disuruh melakukan solat sewaktu mereka menjangkau usia tujuh tahun dan dipukul (sekiranya mereka enggan melakukan solat) setelah umur mereka sampai sepuluh tahun. Ulamak telah mengkiaskan permasalahan puasa dengan permasalahan solat ini. Ibu bapa juga mestilah membiasakan anak-anak mereka membelanjakan harta, melatih mereka dengan adab-adab Islam, mengajar mereka kerja-kerja yang mendatangkan hasil untuk hidup mereka. Ibu bapa mestilah mendidik dan membina semangat jihad, dan melatih mereka berperang. Oleh kerana itulah Rasulullah telah memerentahkan supaya anak-anak diajar memanah, berenang, menonggang kuda dan dilatih bagaimana cara melompat ke atas kuda.

Sekiranya anak-anak itu tidak mempunyai ibu bapa, maka wali/penjaganya dan ahli karyahnya adalah bertanggungjawab berbuat demikian. Bagi anak-anak perempuan pula haruslah diambil perhatian bahawa di satu masa kelak ia akan menjadi isteri, ibu dan suri rumahtangga, ini amat memerlukan pengambilan berat yang lebih.

Muslim mestilah mengetahui bahawa seorang yang gagal mendidik anak, isteri dan keluarganya akan menunjukkan kegagalannya dalam mendidik dan memimpin orang ramai.

Membiasakan anak-anak dengan perkara-perkara kebajikan dan adab-adab hidup adalah merupakan kewajipan Islamiah yang seorang muslimpun tidak dapat mengelakkan diri daripadanya. Di antara perkara-perkara penting yang perlu ditumpukan oleh ibu bapa ialah mendidik perasaan harga diri kepada anak-anak, menutup aurat, mengekang nafsu jantina, menjauhkan diri dari perkara-perkara yang membawa kepada kerosakan dan bersyubahat dengan orang-orang yang diragui. Ibu bapa mestilah juga membiasakan anak-anak supaya gemarkan pakaian Islam dan sesuatu yang berbentuk Islam.

3- Bangsa muslim yang kita kehendaki ialah satu bangsa yang menyerahkan dirinya kepada Allah, menyahut seruan kebaikan, memerangi kemungkaran, bangsa yang melaksanakan segala sifat-sifat kemuliaan, ciri-ciri Islamiah dan akhlak yang rabbani, mewarnakan seluruh hidup dengan corak Islam, baik zahir dan batin, seluruh fahaman, konsep dan pendiriannya bersifat Islamiah, bebas dari sebarang pertentangan dengan Islam, melakukan hubungan dengan orang lain atas dasar Islam, oleh itu dalam hubungannya dengan warganegara Islam yang bukan Islam adalah dalam batas hubungan yang akan dapat melaksanakan hukum-hukum Islam, manakala hubungannya dengan setiap muslim pula mestilah dalam batas

hubungan yang akan membawa kepada beriltizam dengan Islam, begitu juga hubungannya dengan dunia Islam seluruhnya haruslah berada dalam batas hubungannya yang akan membawakan kepada beriltizam dengan Islam. Tidak ada tindak tanduknya yang boleh keluar dari kaedah-kaedah keadilan, rahmat, prinsip-prinsip kebenaran dan ehsan. Pengertian yang sejati dari semua perkara-perkara ini tidak akan didapati dalam fahaman dan ajaran selain dari Islam.

Selain dari perkara-perkara di atas, akal bangsa muslim yang kita kehendaki, hati dan perasaannya mestilah Islamiah. Bangsa muslim yang kita kehendaki ialah bangsa yang beriman dan beramal saleh, wasiat mewasiat dengan kebenaran dan kesabaran, saling nasihat menasihati, mengimani konsep syura, beriltizam dan tunduk kepada keputusan-keputusan syura. Bangsa yang sentiasa ingatkan akhirat, bertawaduk dan bergantung kepada Allah. Bangsa yang bencikan segala bentuk kejahatan dan menjauhinya dan bencikan segala bentuk dosa. Bangsa yang sentiasa hidup berkasih sayang antara satu sama lain, setiap individu tidak akan mudah marah kerana kesalahan orang lain, malah sifat pengampun adalah sifat yang menguasai diri mereka. Bangsa muslim yang sentiasa mematuhi perintah Allah, menunaikan solat, menafkahkan harta pada jalan Allah, menolak kezaliman dan tidak sekali-kali menerimanya.

Firman Allah:

وَالَّذِينَ إِذَا أَصَابَهُمُ الْبَغْيُ هُمْ يَنتَصِرُونَ

"Dan orang-orang yang apabila mereka diperlakukan dengan kezaliman mereka membela diri". S. 42 : 39

4- Kita mahu supaya kerajaan Islam tegak di semua kawasan yang didiami oleh ummat Islam. Salah satu dari matlamat kita ialah tertegaknya sebuah kerajaan Islam di semua kawasan bumi Islam. Matlamat ini adalah menjadi kewajipan masakini bagi setiap muslim yang menduduki mana-mana kawasan di dunia ini.

Oleh kerana itu jihad yang dilakukan oleh setiap kawasan untuk menegakkan kerajaan Islam adalah merupakan satu-satunya jalan yang dapat membawa kepada tercapainya matlamat untuk menegakkan sebuah kerajaan Islam yang memerintahkan semua iklim dan kawasan Islam. Menegakkan kerajaan Islam adalah menjadi kewajipan yang telah difardzukan dan bekerja ke arah mengujudkan kerajaan tersebut adalah menjadi kewajipan yang syarii ke atas tiap-tiap individu muslim dan muslimah. Allah telah mewajibkan ke atas setiap individu muslim supaya menegakkan syariat Allah.

Allah berfirman:

يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ

"Hai orang-orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu qisas".

S. 2 : 178

Firman Allah lagi:

سُوْرَةٌ اَنْزَلْنٰهَا وَفَرَضْنٰهَا

"(Ini adalah) satu surah yang Kami turunkan dan Kami wajibkan (menjalankannya)". S. 24 : 1

Firman Allah lagi:

فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيْمَا فَعَلْنَ فِيْٓ اَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوْفِ

"Maka tiada dosa bagimu (para wali) membiarkan mereka berbuat terhadap diri mereka menurut apa yang patut". S. 2 : 234

Kesemua ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa setiap muslim adalah bertanggungjawab menegakkan syariat Allah dan ini tidak akan terlaksana kecuali dengan tertegaknya sebuah kerajaan Islam di negara yang didiami oleh orang-orang Islam. Oleh kerana tugas dan tanggungjawab ini masih belum terlaksana maka adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab setiap muslim dan muslimah supaya bekerja dan berusaha sedaya upaya yang mungkin sehingga kerajaan Islam itu tegak dan ujud. Segala sesuatu yang diperlukan untuk mencapai matlamat ini adalah termasuk ke dalam lingkungan perkara-perkara yang diwajibkan ke atas setiap muslim. Kewajipan ini terutamanya terpikul ke atas mereka yang mampu melakukannya.

Ustaz Al Bana telah menerangkan sifat-sifat kerajaan Islam dengan katanya:

"Kerajaan Islam adalah kerajaan yang dianggotai oleh orang-orang Islam yang menunaikan perkara yang telah difardzukan oleh Islam, tidak melakukan maksiat secara terang-terangan, melaksanakan hukum-hukum Islam dan ajaran-ajarannya. Jika perlu, tidaklah dianggap sebagai satu kesalahan menggunakan tenaga orang-orang bukan Islam dalam jawatan-jawatan yang tidak termasuk ke dalam kategori wilayah ammah. Tidaklah diambil kira bentuk lahir dan jenis sistem pemerintahan yang dipilih oleh kerajaan tersebut selagi ianya bertepatan dengan kaedah-kaedah umum dalam sistem pemerintahan Islam.

Sebahagian dari sifat-sifat kerajaan Islam ialah: rasa bertanggungjawab, kasihan belas kepada rakyat, bersikap adil antara sesama manusia, menahan diri dari menyalahgunakan harta umum dan berjimat dalam menggunakannya.

Di antara kewajipan-kewajipannya ialah: memelihara keamanan, melaksanakan undang-undang, mengembangkan ilmu pengetahuan, menyediakan kekuatan, menjaga kesihatan umum, memelihara kepentingan umum, membangun kekayaan negara, menjaga keselamatan harta benda, mempertinggikan akhlak dan menyampaikan dakwah.

Di antara hak-haknya setelah ia menunaikan kewajipan-kewajipannya ialah: menerima ketaatan, kesetiaan, sokongan dengan harta dan jiwa dari rakyat. Apabila kerajaan cuai menunaikan kewajipannya, maka kerajaan ini hendaklah dinasihati dan ditunjukkan jalan yang lurus. Andainya nasihat dan petunjuk ini tidak memberi kesan maka terpaksalah dilakukan penarikan balik ketaatan dan kesetiaan tersebut dan pemerintah mestilah dipecat, kerana menurut ajaran Islam tidak wajib taat kepada makhluk dalam perkara maksiat kepada Allah''.

Di antara lain Ustaz Al Bana mengatakan: ''Memperbetulkan kerajaan sehingga menjadi sebuah kerajaan Islam yang sebenarnya sehingga dengan itu ia akan dapat menunaikan kewajipannya sebagai khadam, upahan dan orang yang bekerja untuk kepentingan dan maslahat rakyat''.

Matlamat ini merupakan sebahagian dari matlamat-matlamat kita. Iaitu menegakkan kerajaan Islam di semua negara yang didiami oleh orang-orang Islam. Matlamat ini telah banyak disalah fahamkan. Keadaan ini memerlukan kita membuat penjelasan yang teliti, supaya tidak berlaku sebarang keraguan, penentangan, pertentangan dan usaha-usaha yang sengaja dilakukan untuk menabur keraguan.

Pertama: Ustaz Al Bana telah mengatakan: ''Kerajaan Islam ialah kerajaan yang dianggotai oleh orang-orang yang menunaikan perkara-perkara yang telah difardzukan oleh Islam, tidak melakukan maksiat secara terang-terangan, melaksanakan hukum-hukum Islam dan ajarannya''.

Melalui keterangan ini Ustaz Al Bana telah memberikan kepada kita suatu neraca, dengan neraca ini kita dapat menilai dan menimbang kerajaan-kerajaan yang ujud hari ini. Sebuah kerajaan tidak boleh dianggap sebagai kerajaan Islam kecuali apabila pemimpin-pemimpinnya terdiri dari orang-orang Islam yang beriltizam dan berpegang teguh dengan ajaran Islam. Sistem yang dilaksanakan dalam negara tersebut, piagamnya, undang-undangnya, perlembagaannya dan segala hubungannya mestilah bersifat Islamiah, tidak berlaku pemisahan antara satu sama lain. Oleh kerana itu Rasulullah saw telah mengharuskan kita memerangi pemerintah apabila mereka meninggalkan solat atau terdapatnya kekufuran yang amat jelas. Ahli-ahli fekah mazhab Hanafi dan lainnya telah memfatwakan bahawa, apabila

imam berlaku fasik beliau berhak dipecat. Dalam rialiti hidup kita hari ini banyak kedapatan pihak-pihak yang lepas bebas dari ikatan-ikatan tersebut. Pemimpin-pemimpin kita tidak beriltizam dengan Islam, baik dalam cara hidup peribadi dan hukum-hukum yang dilaksanakan.

Kedua: Ustaz Al Bana juga telah mengatakan: "Jikalau perlu, maka tidak dianggap sebagai satu kesalahan menggunakan tenaga orang-orang bukan Islam dalam jawatan yang tidak termasuk ke dalam kategori wilayah ammah". Permasalahan ini merupakan permasalahan penting yang dihadapi oleh gerakan Islam, kerana setiap negara yang didiami oleh orang-orang Islam terdapat golongan minoriti atau mejoriti bukan Islam. Dengan menjadikan golongan minoriti ini sebagai hujjah dan sebab-sebab tempatan yang lain, setengah-setengah golongan telah mengemukakan pendapat-pendapat yang mengatakan bahawa Islam tidak dapat dilaksanakan di peringkat dalam negeri dan antara bangsa.

Apa yang kita nampak, perkara ini adalah tunduk kepada perjanjian dan pegangan kita sendiri. Kita boleh membuat perjanjian dengan orang-orang bukan Islam di semua negeri. Setelah kita mendapat kekuasaan kita boleh bermuamalah dengan mereka sejajar dengan isi kandungan perjanjian yang telah dipersetujui dan kita akan terus beriltizam dengan perjanjian itu sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah saw dalam semua perjanjian dengan orang-orang Yahudi di Madinah. Yang jelas di sini ialah kita boleh bertolak ansur dengan mereka dan sebagai timbalbaliknya mereka mestilah menerima beberapa perkara lain yang sepatutnya mereka terima. Secara umum dapat kita katakan "Mereka mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama dengan kita". Malah setengah ulamak fekah Islam telah menyebutkan bahawa, sekiranya seorang muslim mencurahkan arak kepunyaan seorang kafir zimmi beliau mestilah membayar harganya, begitu juga sekiranya beliau membunuh babi peliharaan kafir zimmi beliau mestilah membayar harganya, hal yang sama tidak diwajibkan terhadap sesama muslim sekiranya beliau melakukan perkara yang sama. Selain dari itu, dalam hukum-hukum kekeluargaan, undang-undang dan mahkamah-mahkamah mereka yang berhubung terus dengan kementerian keadilan bolehlah melaksanakan hukuman, malah mereka boleh membicarakan kes-kes yang khusus untuk mereka di mahkamah dan pejabat-pejabat yang khusus untuk mereka. Sungguhpun demikian sekiranya mereka ingin melakukan perbicaraan di mahkamah kita atau kes itu ada hubungannya dengan orang islam maka syariat islamlah yang menjadi hukum.

Walau bagaimanapun semua perkara ini akan ditentukan oleh perjanjian yang telah dipersetujui bersama, undang-undang dan perlembagaan haruslah sejajar dengan perjanjian tersebut. Pada keseluruhannya masalah ini adalah terserah kepada pendapat jamaah Islamiah dan ijtihadnya.

Ketiga: Ustaz Al Bana telah menyatakan: "Dan tidak diambil kira bentuk dan jenis kerajaan yang dipilih oleh pemerintah Islam selagi ianya bertepatan dengan kaedah-kaedah umum dalam sistem pemerintahan Islam".

Permasalahan yang dikemukakan ini maha penting kerana rialiti masakini menunjukkan adanya negara-negara yang didiami oleh orang-orang Islam memilih sistem beraja, ada yang memilih sistem yang mirip kepada sistem beraja, ada yang memilih sistem ripublik dan ada pula yang mencampur adukkan antara sistem beraja dengan sistem ripublik.

Dalam usaha-usaha kita untuk menegakkan sebuah daulah Islamiah yang tunggal dan dalam usaha-usaha kita menegakkan sebuah kerajaan Islam di negara-negara yang didiami oleh orang-orang Islam kita adalah terikat dengan kaedah-kaedah yang telah diperkatakan oleh Ustaz Al Bana. Oleh itu kita mestilah membezakan antara ketua negara yang paling tinggi dalam daulah Islamiah dengan ketua negara dalam sistem-sistem lain.

Ketua tertinggi bagi daulah Islamiah adalah terikat dengan nas-nas tertentu, terikat dengan sunnah yang telah dilakukan oleh khulafa' ar-rasyidin. Oleh itu kita hanya mempunyai satu kalimah sahaja, iaitu kalimah 'Khalifah', 'Imamah' dan 'Amirul mu'minin'. Dengan itu perbincangan yang akan datang ini hanyalah akan berligar di sekitar sistem-sistem yang lain. Sejarah telah membuktikan bahawa wilayah-wilayah Islam telah tegak dan diketuai oleh seorang sultan atau amir. Semua wilayah-wilayah ini mengiktiraf kesultanan dan kedaulatan khalifah ke atasnya sekalipun pada namanya sahaja. Telah menjadi suatu kebiasaan berlaku dalam sunnah Rasulullah saw, apabila seseorang itu menganut agama Islam, Islam akan menambahkan sesuatu kepadanya, bukan mengurangkan haknya. Sekiranya beliau memeluk Islam sedangkan beliau adalah seorang raja, Islam akan mengekalkannya dalam kedudukan tersebut, begitulah seterusnya pada kedudukan-kedudukan yang lain.

Jika kita berpegang dengan prinsip-prinsip ini dalam bentuk yang agak lebih luas, segala usaha-usaha kita untuk menegakkan daulah Islamiah akan berlaku dalam bentuk yang lebih bertolak ansur dari usaha-usaha golongan lain. Dengan itu kita akan mampu mengatasi keadaan-keadaan yang kelak akan membantu kita dan bukan menjadi halangan. Cuba kita teliti kembali nas perkataan Ustaz al Bana. "Tidak diambil kira bentuk dan jenis kerajaan yang dipilih oleh pemerintah Islam selagi ianya bertepatan dengan kaedah-kaedah umum sistem pemerintahan Islam." Boleh jadi kita dapat menguasai sebuah negara yang mengamalkan satu sistem pemerintahan yang tidak menimbulkan perselisihan faham antara kita dengan mereka. Dalam keadaan ini kita

boleh berusaha memajukan sistem tersebut ke arah sistem Islam yang lebih baik, dengan itu penduduk-penduduk wilayah tersebut akan merasa lebih tenang dan merasakan keselamatan diri mereka terjamin. Ini dilakukan dengan syarat sistem tersebut mestilah sejajar dengan kaedah-kaedah umum sistem pemerintahan Islam dengan terdapatnya satu lembaga permesyuaratan, beriltizam dengan perinsip hakimiah Allah yang mutlak. Iltizam ini hendaklah dijelmakan dalam bentuk kepatuhan kepada Al Quraan dan Sunnah Rasulullah Saw. Dengan kata lain perlembagaan dan undang-undangnya mestilah perlembagaan dan undang-undang Islam. Selain dari itu mestilah juga ujud iltizam yang amali terhadap Islam di kalangan pemerintah, siasah luarnegerinya mestilah sejajar dengan perinsip-perinsip Islam, mestilah menunaikan khidmat kepada ummat dan semua tindak-tanduknya mestilah sesuai dengan kepentingan ummah.

Kita dapat melihat penentuan sifat-sifat daulah Islamiah yang dibuat oleh Ustaz Al Bana. Sifat-sifat itu dapat kita lihat dari kata-katanya: "Di antara sifat-sifatnya ialah rasa bertanggungjawab dan belas kasihan kepada rakyat, adil antara sesama manusia, menahan diri dari menyalahgunakan harta umum dan berjimat dalam menggunakannya. Di antara kewajipannya ialah menjaga keamanan, melaksanakan undang-undang, mengembangkan ilmu pengetahuan, menyediakan kekuatan, menjaga kesihatan umum, memelihara maslahat dan kepentingan umum, membangun kekayaan negara, menjaga keselamatan harta benda mempertinggikan akhlak dan menyebarkan dakwah."

"Di antara hak-haknya, setelah ia menunaikan kewajipan-kewajipannya ialah menerima kesetiaan, ketaatan, sokongan dengan jiwa dan harta dari rakyat. Apabila kerajaan cuai menunaikan kewajipannya kerajaan ini mestilah dinasihati dan ditunjukkan jalan yang lurus. Andainya nasihat dan petunjuk ini tidak memberi kesan terpaksalah dilakukan penarikan balik ketaatsetiaan yang telah diberikan dan pemerintah mestilah dipecat, kerana dalam ajaran Islam tidak wajib taat kepada makhluk dalam perkara maksiat kepada Allah".

Terdapat juga sistem-sistem pemerintahan yang bertentangan dengan sistem Islam dan masih perlu dipertikaikan. Ada juga sistem-sistem yang boleh kita berikan bantuan sekiranya sistem itu menerima empat perkara di bawah ini:-

1. Perlembagaan dan undang-undangnya mestilah perlembagaan dan undang-undang Islam.
2. Mengujudkan satu peroses penyerahan jentera kerajaan kepada golongan yang benar-benar beriltizam dengan Islam.
3. Siasah luar negerinya mestilah sejajar dengan prinsip-prinsip Islam.

4. Tidak melakukan kecurangan terhadap usaha-usaha kita untuk menegakkan Islam di tempat berkenaan secara khusus dan di dunia 'amnya.

Pensyaratan terakhir ini telah dinyatakan dalam kata-kata Ustaz Al Bana berikut: "Ikhwan muslimin mestilah menyokong mana-mana pertubuhan sekiranya mereka yakin bahawa pertubuhan tersebut tidak akan bersikap curang terhadap usaha-usaha mereka untuk mencapai matlamat mereka dalam semua keadaan dan waktu".

Banyak orang yang cuba menuduh kita ikhwan muslimin sebagai golongan yang tidak rialistik dalam usaha-usaha mencapai matlamat kita. Kita dituduh dengan tuduhan yang mengatakan bahawa kita melaungkan selogan daulah Islamiah yang tidak diketahui rupa bentuknya. Kita dituduh memerangi keadaan-keadaan yang tidak jelas.

Sebagai jawapan, kesemua tuduhan-tuduhan ini adalah tidak benar. Jelas sekali yang kita mahukan ialah perlembagaan Islam dan undang-undang Islam. Perbedaan amatlah jauh antara perlembagaan dan undang-undang Islam dengan perlembagaan dan undang-undang yang ujud masakini. Kita mahukan supaya ujud iltizam yang kuat terhadap hukum-hukum Islam, mulai dari solat hinggalah kepada mengakui dan mengiktiraf hakimiah Allah yang mutlak.

Amat jelas sekali bahawa apa yang kita kehendaki masih belum ujud. Kita mahukan sebuah kerajaan yang melaluinya solat akan dapat ditunaikan, zakat dapat dikeluarkan, amar maaruf dan nahi munkar dapat dilakukan di dalamnya dengan penuh kebebasan. Kesemua ini jelas masih belum berlaku dan belum ujud.

Kita ingin melaksanakan matlamat-matlamat Islam dalam siasah, ekonomi, peperangan dan perdamaian, perhimpunan-perhimpunan, pelajaran dan pembelajaran dan alat-alat media-massa. Kesemua ini jelas masih belum ujud.

Kita mahukan siasah dalam dan luar negeri yang berteraskan Islam. Ini juga jelas masih belum ujud. Keterangan lanjut tentang apa yang kita kehendaki disebutkan dengan jelas dalam siri "Al-Usul As-salasah" juga dinyatakan dalam siri "Al-Bina". Sekiranya orang lain menuduh perjuangan kita tidak jelas, maka jawapannya terdapat dalam kedua-dua siri tersebut. Pun demikian, adalah sesuai kita mengemukakan kepada orang ramai satu gambaran jelas tentang apa yang kita kehendaki.

Kebanyakan saudara kita terpengaruh dengan selogan-selogan yang

dilaungkan oleh orang lain. Selogan-selogan ini membentuk satu pendirian yang asing bagi kita. Oleh itu kita dapati ada di antara saudara-saudara kita yang menolak fikrah islah yang kita dukung, sebaliknya beliau menerima fikrah revolusi. Ini adalah merupakan sebahagian dari kesan selogan-selogan komunis yang tidak ada hubungan dengan kita. Sesungguhnya matlamat dan wasilah kita adalah matlamat dan wasilah Islamiah. Sebagaimana yang kita lihat, ibarat yang digunakan oleh Ustaz al Bana ialah:

"Mengislah (memperbaiki) kerajaan, sehingga ia menjadi sebuah kerajaan Islam yang sebenar-benarnya".

Dalam hubungan ini Allah telah berfirman:

وَالَّذِينَ يُمَسِّكُونَ بِالْكِتَٰبِ وَأَقَامُوا الصَّلَوٰةَ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ الْمُصْلِحِينَ

"Dan orang-orang yang berpegang teguh dengan Al-Kitab (Taurat) serta mendirikan solat (akan diberikan pahala) kerana sesungguhnya Kami tidak mensia-siakan pahala orang yang melakukan perbaikan." S. 7 : 170

5. Daulah Islamiah yang kita kehendaki ialah daulah nuat (Bakal Bayangan) yang dapat memimpin negara-negara Islam, menyatukan ummah Islamiah, mengembalikan keagungan mereka, dapat merampas kembali bumi mereka yang telah hilang dan tanah air mereka yang telah dirampas. Ini adalah merupakan matlamat yang terbesar di antara matlamat-matlamat kita. Boleh jadi kita mampu menegakkan kerajaan Islam dalam satu daerah tertentu, tetapi boleh jadi kerajaan ini tidak dapat dicadangkan sebagai negara tunggal untuk memimpin amal Islami di peringkat antarabangsa. Kerajaan ini juga boleh jadi tidak dapat dicadangkan sebagai sebuah kerajaan yang dapat memimpin negara-negara Islam di atas landasan yang sebenarnya disebabkan kedudukannya yang tidak mendapat pandangan di mata dunia, kerana ia terasing, kelemahan kedudukan giograpinya, siasahnya, ekonominya atau kerana kita tidak memerlukannya.

Dengan keterangan ini jelaslah betapa pentingnya ujudnya sebuah daulah nuat (Bakal Bayangan) yang telah digambarkan oleh Ustaz Hasan Al Bana dengan katanya "Daulah yang dapat memimpin negara-negara Islam, menyatukan ummat Islam, mengembalikan kedaulatan mereka, mengembalikan bumi mereka yang telah hilang, watan mereka yang telah dirampas dan negara mereka yang dirampuk." Di bawah ini diperturunkan beberapa kewajipan yang wajib dipikul dan dilaksanakan oleh daulah nuat tersebut:

a. Memimpin negara-negara Islam. Oleh itu kedudukannya dalam dunia Islam adalah sebagai negara pemimpin. Pimpinan ini bukanlah

semata-mata dakwaan atau sesuatu yang menjadi idaman, tetapi ianya merupakan kerja-kerja yang bijaksana, dengan kerja tersebut negara-negara Islam lainnya akan tunduk kepada satu negara atas dasar kepimpinannya. Boleh jadi bangsa Arab merupakan bangsa yang lebih layak dicalunkan untuk memegang peranan ini.

Apabila kesatuan yang tegak di atas dasar Islam ini ujud di dunia Arab keseluruhannya, maka dunia Islam yang lainnya akan tunduk kepada mereka, memberi dan menerima sesuatu daripadanya. Dengan itu ujudnya kesatuan dalam Islam amat hampir, kerana sebilangan besar dari kepentingan-kepentingan siasah, ekonomi dan ketenteraan yang akan dapat memberi jaminan kepada ummat Islam akan dapat dicapai. Oleh itu negara-negara Islam yang lain akan menggabungkan diri ke dalam daulah tersebut. Memajukan lagi jamiah Arabiah (Kesatuan negara-negara Arab) di samping kejayaan ummat Islam di semua kawasan boleh dijadikan sebagai titik permulaan untuk mencapai tujuan ini.

b. Menyatukan ummat Islam, Negara bakal (nuat) yang akan ujud ini mestilah bertanggungjawab untuk memperkenalkan dirinya sehingga sampai ke pengetahuan setiap individu muslim di dunia ini, sehingga dengan itu ia dapat memberi sesuatu, meminta sesuatu dan memberikan perlindungan.

c. Mengembalikan keagungan ummat Islam, dengan mengembalikan kekuasaan politik Islam, mengembalikan bumi dan negara Islam yang telah dirampas oleh penjajah. Kesemua ini adalah menjadi tanggungjawab daulah Islamiah yang bakal akan lahir. Tanggungjawab ini tidak akan mampu dipikul kecuali oleh daulah yang mempunyai sifat-sifat tertentu dalam bidang siasah, ekonomi dan ketenteraan. Hanya daulah yang seperti ini sahaja yang mampu bekerja untuk tujuan-tujuan ini. Sekiranya kerja-kerja ini dipikul oleh daulah yang tidak mempunyai kelayakan seperti yang telah dijelaskan ianya tidak akan membawakan sebarang hasil, malah boleh jadi hasil yang dicapai akan bercanggah dengan apa yang diharapkan.

6. Kita mahukan tegaknya sebuah daulah Islamiah yang tunggal, atau tegakkan persatuan negara-negara Islam yang diketuai oleh seorang khalifah, mempunyai kerajaan pusat yang tunggal. Dalam hubungan ini Ustaz Hasan Al Bana telah mengatakan:

"Semua negara Islam mestilah bebas dari cengkaman kuasa-kuasa asing. Sebuah daulah Islamiah yang bebas mestilah tegak di atas negara-negara Islam yang telah bebas ini."

Seterusnya beliau berkata lagi. "Mengembalikan keujudan daulah Islamiah bertaraf antarabangsa dengan membebaskan negaranya,

menghidupan keagungannya, memperdekatkan kebudayaanya dan mewujudkan kata sepakat sehingga semua ini dapat mengembalikan khilafah Islamiah yang telah hilang dan dapat mengembalikan kesatuan yang diharap-harapkan.

Kesemua ini adalah menjadi kewajipan yang telah diabaikan oleh ummat Islam. Oleh yang demikian Ustaz Hasan Al Bana telah mengatakan: "Selagi daulah ini tidak tegak, semua ummat Islam berdosa dan bertanggungjawab di hadapan Allah di atas kecuaian mereka dari melakukan usaha-usaha untuk menegakkan daulah tersebut. Adalah menjadi satu kehinaan terhadap manusia seluruhnya sekiranya masih tegak negara-negara yang melaungkan perinsip-perinsip yang zalim dan menyampaikan seruan-seruan yang sesat tetapi tidak ada di kalangan manusia orang yang bekerja untuk menegakkan daulah yang hak, adil dan dạmai.

Di antara kewajipan-kewajipan daulah Islamiah sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ustaz Hasan Al Bana ialah:

a. Mengamalkan hukum-hukum Islam, dan ini adalah wajib.

b. Melaksanakan sistem masyarakat Islam. Sistem masyarakat Islam yang dimaksudkan di sini ialah keseluruhan kandungan sistem masyarakat tersebut.

c. Mengisytiharkan perinsip-perinsip yang jelas dan tahan uji, sehingga dengan itu perinsip-perinsip yang kabur tidak akan dapat bertapak.

d. Menyampaikan dakwah Islamiah dengan kebijaksanaan kepada semua manusia sehingga dengan itu tidak lagi kedapatan di permukaan alam ini manusia yang tidak menerima dakwah Islamiah dengan hujjah dan dalil yang nyata.

Satu hal yang perlu diambil perhatian bahawa Ustaz Hasan Al Bana menganggap pengisytiharan khilafah yang rasmi mestilah berlaku pada saat-saat terakhir bagi perjuangan ini, kerana di situlah tersembunyinya maslahat dan kepentingan perjuangan ini. Sungguhpun demikian sekiranya pengisytiharan ini memerlukan masa yang difikirkan terlalu lambat, maka perlulah ada orang yang diserahkan memegang mandat sebagai khalifah. Telah banyak kali kita sebutkan pendapat ahli-ahli feqah mazhab Syafie bahawa sekiranya tidak didapati khilafah Islamiah maka tugas-tugas khalifah hendaklah diserahkan kepada orang yang paling layak di zaman itu. Dengan ini kelewatan pengisytiharan khilafah yang rasmi tidak berarti bahawa tidak ada orang yang diserahkan memegang mandat dan tugas-tugas khalifah. Oleh yang demikian tidak berlaku apa yang dikatakan sebagai pembekuan perjuangan dan memulakan perjuangan ini tanpa imam. Kelewatan pengisytiharan

khilafah secara rasmi boleh jadi merupakan suatu perkara yang penting, supaya dengan kelewatan ini akan membolehkan tercapainya persetujuan semua ummat islam, dengan pilihan mereka yang bebas dan dengan persetujuan semua negara, sehingga dengan itu perpecahan tidak akan berlaku.

7. Kita mahu supaya seluruh dunia tunduk kepada Allah. Firman Allah:

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ

"Perangilah mereka (kafir) sehingga fitnah tidak lagi berlaku dan supaya agama itu semata-mata bagi Allah." S. 8 : 39

Firman Allah lagi:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ۝

"Dialah yang mengutus RasulNya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar agar dia menenangkanNya di atas segala agama-agama meskipun orang-orang musyrik benci." S. 61 : 9

Dalam hubungan ini Ustaz Al Bana telah mengatakan: "Kemudian daulah Islamiah mestilah bertanggungjawab menaikkan bendera jihad dan dakwah kepada Allah sehinggalah dunia akan bahagia dengan ajaran-ajaran Islam. Daulah Islamiah juga bertanggungjawab menjadi ustaz kepada dunia seluruhnya dengan menyebarkan dakwah Islamiah sehingga fitnah dan halangan tidak lagi berlaku dan kepatuhan hanya kepada Allah semata-mata. Allah enggan kecuali agamanya telah sempurna. Rasulullah telah memberi isyarat gembira kepada kita tentang tegaknya daulah islamiah alamiah. Rasulullah telah membuka kota Konstantinopal dan Rum. Sesungguhnya kebaikan angkatan terakhir dari ummat ini diharapkan akan berlaku sebagaimana yang telah berlaku kepada jenerasi yang terdahulu kerana Rasulullah saw telah bersabda: "Ummatku tak ubah seperti hujan, tidak diketahui apakah jenerasi yang terakhir itu lebih baik atau jenerasi yang terdahulu". Kesemua ini akan berlaku sebelum turunnya Isa as dan Kelahiran Al Mahdi, bukan seperti mana yang difahamkan oleh orang ramai.

Sehingga tercapainya hasrat ini, segala usaha mestilah dilakukan dengan sebaik dan tekunnya. Di hadapan kita terdapat kewajipan-kewajipan yang berterusan dan kewajipan-kewajipan mengikut peringkat perjuangan. Ketujuh-tujuh matlamat yang telah kita kemukakan ini amat bergantung antara satu sama lain. Tegaknya daulah Islamiah di setiap kawasan Islam adalah merupakan satu peringkat untuk tegaknya kerajaan Islam dalam negara Islam yang bakal akan lahir. Keujudan

negara Islam ini pula merupakan satu peringkat yang mendahului kejudan kekuatan Islam di peringkat antara bangsa, ujudnya kekuatan di peringkat antarabangsa ini akan diiringi pula oleh peringkat-peringkat lain.

Sehubungan ini Ustaz Hasan Al Bana telah mengakhiri perbincangannya tentang peringkat-peringkat amal dengan katanya: "Alangkah beratnya tanggungjawab ini, orang lain melihatnya sebagai satu khayalan, tetapi al-akh yang benar-benar muslim melihatnya sebagai suatu kenyataan. Kita tidak akan putus asa sama sekali dan kita mempunyai harapan yang besar pada Allah. Allah akan menguasai segala urusannya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya.

Dari matlamat-matlamat yang telah dinyatakan oleh Ustaz Hasan Al Bana ini kita dapat perhatikan bahawa matlamat yang asasi bagi Ikhwan muslimin ialah menegakkan Islam. Termasuk dalam apa yang dikatakan menegakkan Islam ialah menegakkan rukun-rukun Islam, menegakkan sistem siasah Islam, begitu juga sistem kemasyarakatan, ekonomi, tentera, akhlak, pelajaran, pembelajaran dan media massa. Termasuk juga perkara-perkara yang dapat memperkuatkan Islam dari sudut tenaga manusia dan perkara-perkara yang diperlukan untuk tujuan mencapai matlamat ini. Kesemua ini adalah merupakan kewajipan yang terlalu luas perbincangannya.

FASAL PENYEMPURNA

Ada kesesuaiannya di sini kita bicarakan beberapa perkara yang perlu dijelaskan. Perkara-perkara yang ada hubungan dengan permasalahan matlamat. Dengan penjelasan ini segala bentuk keritik akan bertolak dengan sendirinya.

Kebanyakan orang tidak mengetahui sistem yang dikehendaki oleh para duat Islam; malah berkemungkinan ada para duat yang tidak inginkan penelitian tentang hal ini demi menjaga supaya Islam tulin tetap menjadi matlamat umum. Ini adalah disebabkan penilitian dalam masalah ini akan mendedahkan kepada perbincangan-perbincangan yang berlarutan yang boleh menyimpangkan dari permasalahan yang asasi. Banyak orang membayangkan bahawa daulah Islamiah bererti satu kemunduran yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Banyak pula orang yang beranggapan bahawa Islam akan merampas banyak perkara yang digemari dan disukai oleh manusia. Ramai pula orang yang cuba menggambarkan kepada golongan tertentu dalam masyarakat bahawa perlaksanaan Islam akan menghapuskan peluang dan kepentingan golongan ini yang telah diberikan oleh sistem-sistem lain dari Islam, atau akan menghalang peluang dan kepentingan yang berkemungkinan akan dapat diberikan oleh orang lain. Banyak pula orang yang menganggap bahawa apa yang diperkatakan oleh ahli-ahli agama, walaupun beliau buta huruf, itulah Islam yang sebenarnya, sekalipun pada hakikatnya beliau adalah salah. Banyak juga orang yang tidak membezakan antara pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh syeikh-syeikh yang tidak mampu memberi fatwa yang mengambil kira tentang tempat, masa dan orang yang meminta fatwa dengan pendapat-pendapat para ulamak yang hakiki. Banyak juga orang yang membayangkan bahawa dunia seluruhnya akan menentang kita dengan tentangan yang menggerunkan bila sahaja kita mengisytiharkan akan memperjuangkan Islam, mereka membayangkan bahawa kita akan mengalami tekanan-tekanan dalam berbagai bentuk sebagai akibat dari tindakan itu. Kesemua perkara ini, paling tidak memerlukan kita membicarakan perkara berikut:

1- Sistem yang kita kehendaki ialah satu sistem yang dapat memberikan kerihatan kepada semua bangsa, kecuali mereka yang zalim, mereka ini mestilah ditundukkan dengan sungguh-sungguh. Menurut pandangan kita sistem yang dapat memberikan kerihatan kepada semua orang ialah sistem yang memiliki ciri-ciri berikut:-

a- Sistem yang dapat menjamin kedaulatan undang-undang yang adil. Di sini kita ingin menekankan bahawa keadilan tidaklah cukup dengan ujudnya kedaulatan undang-undang semata-mata malah undang-undang itu sendiri mestilah undang-undang yang adil. Dan tidak ada undang-undang yang lebih adil dari syariat Allah. Kita telah melihat

bahawa syariat Allah telah menghukum orang-orang Islam dan bukan Islam. Sungguhpun demikian sekiranya orang-orang bukan Islam ingin berhukumkan kepada undang-undang agama mereka, dan dalam perkara-perkara yang bukan menjadi hak kerajaan, dan bukan dalam perkara yang dilakukan bersama antara muslim dan bukan muslim, mereka boleh berbuat demikian dengan syarat perlaksanaannya mestilah dalam batas kedaulatan undang-undang yang telah ditentu dan dilaksanakan.

. . . .

b- Sistem yang mengambil perhatian berat kepada bangsa-bangsa yang bernaung di bawahnya. Dengan itu hak dan kewajipan adalah diberi dan dikenakan kepada semua. Penyertaan semua kaum dalam institusi umum mestilah dalam kadar yang setiap kaum merasakan keadilan itu berlaku sehingga mereka merasakan bahawa sistem itu sistem mereka sendiri.

c- Sistem di mana ujud perpaduan antara kemampuan pemimpin dengan manhaj yang sejahtera, antara kemencalaan peraturan dengan perkhidmatan yang pantas dan baik untuk semua rakyat.

d- Sistem yang dapat menjadikan setiap rakyat sebagai mujahid, menjadikan setiap rakyat mempunyai bidang pengkhususan tertentu, hinggalah setiap bidang pengkhususan itu dapat diadakan dan diberikan kemudahan-kemudahan sehingga mereka yang membuat pengkhususan di bidang-bidang tertentu dapat mencapai kejayaan dan dapat mencipta sesuatu yang baru.

e- Sistem yang dapat memberikan perkhidmatan dan kemewahan paling minima kepada semua orang, sehingga dengan itu kemuliaan diri dan semua keperluannya dapat dicapai.

f- Sistem yang dapat mendidik bangsa dengan kesedaran siasah yang tinggi, memelihara mereka dari Dajal-dajal politik, bermuamalah dengan mereka secara terus terang dan membuat keputusan berdasarkan kematangan dan syura.

g- Sistem yang mendapat kepercayaan yang tinggi dari rakyat berdasarkan anasir-anasir yang terdapat di dalamnya, memiliki kemampuan dan kelayakan yang tinggi, azam yang tinggi, mempunyai tenaga dan keupayaan yang sepadan dengan permasalahan yang dihadapi yang dilakukan melalui institusi syura yang berkemampuan, kementerian yang bijaksana, tentera yang mempunyai kemampuan dan kelayakan yang tinggi, latihan cukup, akhlak yang tinggi, senjata yang baik, unsur-unsur kiadah dan teknik yang baik.

h. Sistem yang dapat menyatukan tenaga rakyat, lelaki, perempuan dan kanak-kanak baik di bidang siasah, ekonomi dan ketenteraan untuk kepentingan ummah.

i. Sistem yang dapat menghalang sebarang kegiatan-kegiatan dalam dan luar negeri yang boleh meruntuhkan. Halangan-halangan ini dilakukan melalui sikap dan pendirian yang jelas dan sedar juga melalui usaha-usaha memberi kesedaran yang betul kepada ummat.

j. Sistem yang tidak membelanjakan satu sen wang kecuali pada tempatnya dan tidak memungut satu sen kecuali dengan adil dan hak.

Inilah sistem yang kita kehendaki, sistem yang disenangi oleh semua rakyat. Tentang penelitian dan cara pelaksanaan yang dapat mencapai nilai-nilai ini akan menyusul melalui syura dalam jamaah muslimah, juga melalui syura umum yang dilakukan oleh kelompok-kelompok rakyat.

Mungkin orang berkata apa yang dikemukakan ini telah dikemukakan oleh kebanyakan orang. Sebagai jawapannya kita mengatakan, "memang benar perkara ini telah dikemukakan orang lain, tetapi yang membezakan antara kita dengan mereka ialah, kita mengemukakannya dengan penuh kejujuran sedangkan orang lain mengemukakannya dengan penuh pendustaan, kita boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa yang kita kemukakan ini sedang mereka tidak dapat diamanahkan, sejarah dan rialiti telah menyaksikannya. Ummat Islam akan tenat sekiranya menolak kenyataan ini. Kita dapat menggambarkan bahawa dengan ujudnya sistem yang menyenangkan, yang kita kehendaki ini di mana-mana bumi Islam, ia akan terus merebak ke negara-negara lain. Sistem yang kita kehendaki ialah sistem yang dapat memberikan kepuasan kepada manusia, dan manusia tidak akan dapat mengecap kepuasan ini kecuali di bawah naungan sistem Islam dan di bawah naungan keadilan Islam. Bagi seorang muslim, ia tidak akan merasa tenang kecuali dengan sistem Islam, manakala yang bukan muslim pula akan dapat melihat sejarah yang telah membuktikan bahawa golongan bukan Islam telah mengecap nikmat kedamaian dan keadilan di bawah naungan syariat kita. Ini dapat dibuktikan oleh keadaan mereka yang masih boleh terus menetap di negara-negara Islam dan meneruskan agama masing-masing, yang mana sekiranya mereka tidak dapat mengecap kedamaian dan keadilan ini sudah pasti mereka akan menukar agama mereka atau mereka akan bertindak keluar dari negara Islam. Oleh kerana kedua-dua tindakan ini tidak berlaku, ini menunjukkan yang mereka dapat mengecap kedamaian dan keadilan di bawah naungan pemerintahan Islam. Sistem yang dikuasai oleh undang-undang Islam pasti akan membawa kedamaian kepada manusia, ia akan menjadi sistem yang adil dan menginsafi keadaan. Di sini kita ingin merakamkan satu perkara penting iaitu:

Hukum-hukum dalam Islam terbahagi kepada dua jenis. Salah satunya merupakan hukum-hukun yang tidak dipertikaikan oleh imam-imam mazhab dalam Islam. Hukum-hukum seperti ini muslim tidak ada pilihan lain kecuali menerimanya. Manakala yang satu pula ialah hukum-hukum yang masih dipertikaikan oleh para

imam. Dalam hukum-hukum yang masih dipertikaikan ini pihak pemerintah boleh menerima hukum-hukum ijtihadiah yang lebih baik dan lebih sesuai dengan kepentingan ummat dan tabiat semasa. Kesemua ini akan dapat menjamin kesatuan undang-undang dan kemencelaan perlaksanaan yang cocok untuk semua masa dan tempat.

(2) Mereka yang beranggapan bahawa melaksanakan hukum-hukum Islam akan membawa kemunduran yang tidak dapat menyaingi ruh dan semangat semasa adalah salah dan tertipu. Negara Israil umpamanya, ia tegak atas dasar ugama tulin, apakah dunia Barat dan Timur menganggap Israil sebuah negara yang mundur di sudut pembangunan? Apa yang kita lihat, seluruh dunia Barat mengiktiraf Israil, begitu juga badan-badan antara bangsa telah memberikan kerjasama dengannya. Negara-negara Timur yang berfahaman Komunis pula melihat Israil sebagai sebuah negara contoh dalam perlaksanaan terhadap fahaman sosialis.

Kerajaan China tegak di atas teori tentang alam dan manusia yang keseluruhannya salah; namun demikian orang lain tidak melihat China sebagai negara yang mundur. Pada hakikatnya maju dan mundur mempunyai neraca yang tertentu. Bagi Islam, apabila ada orang yang benar-benar memperjuangkannya, Islam akan menjadi sebab kepada kemajuan manusia di mana sahaja.

(3) Mereka yang beranggapan bahawa perlaksanaan Islam akan merampas banyak perkara yang digemari dan disenangi oleh manusia akan tergulung kepada salah satu dari dua golongan berikut; sama ada mereka itu terdiri dari orang-orang yang salah dalam memberikan konsep tentang perkara yang digemari dan disenangi atau mereka terdiri dari orang-orang yang tidak mengenal Islam dengan pengenalan yang sebenarnya. Kalaulah perkara yang dianggap digemari dan disenangi itu ialah arak, zina, ganja, candu dan yang seumpamanya, tidak syak lagi bahawa Islam akan menutup pintu bagi semua perkara yang akan membawa kemudharatan, keburukan dan kejahatan. Mereka yang memerangi Islam kerana mempertahankan perkara-perkara di atas pada hakikatnya adalah orang-orang yang mengidap penyakit yang perlukan penyembuhan. Manakala mereka yang beranggapan bahawa Islam merampas banyak perkara yang digemari dan disenangi oleh jiwa yang sejahtera dan normal serta akal yang waras, mereka ini perlu mengkaji Islam sekali lagi.

(4) Orang-orang yang beranggapan bahawa Islam akan menyekat kepentingan-kepentingan mereka adalah orang-orang yang keliru, kerana Islam itu sendiri akan menambah bukan mengurangkan keuntungan dan pekentingan. Dengan terus terang kita mengharap orang ramai mengetahui bahawa dalam Islam, orang-orang yang melaksanakan hukum Islam tidak akan melihat ke belakang, malah

mereka akan sentiasa melihat ke hadapan. Mereka tidak menganggap diri mereka bertanggungjawab terhadap apa yang telah dilakukan oleh sistem-sistem yang terdahulu, dan mereka akan melakukan apa yang semestinya mereka lakukan dalam menyelesaikan masalah-masalah yang ada di hadapan mereka. Menurut hukuman kebanyakan para ahli fekah, sebilangan besar dari negara-negara Islam hari ini telah menjadi darul-harbi dan sistem-sistem yang menguasainya adalah sistem kafir. Golongan Islam tidak akan mengharungi perbincangan yang tidak berkesudahan, baik perbincangan untuk menolak kezaliman-kezaliman sistem yang lalu, akan datang dan tidak juga perbincangan tentang tanah air yang dipertikaikan atau lainnya; malah mereka akan berusaha menyelesaikan semua masalah-masalah yang rumit dengan penuh kebijaksanaan dan mereka bermuamalah dengan realiti yang ada dengan membangunkan dan mereka membukakan pintu yang luas kepada fatwa dan takwa untuk memainkan peranannya dalam menghukum sesuatu yang telah lalu. Mereka tidak akan mengharungi perincian yang tidak berkesudahan terhadap apa yang telah berlaku, oleh itu, semua orang boleh merasa tenang bahawa perlaksanaan Islam tidak akan mengurang atau menyekat kepentingan mereka, malah Islam akan menambah keuntungan dan kepentingan mereka. Walaupun demikian, kesemua ini tidak akan menghapuskan hak dan kebenaran di sisi Allah, juga tidak menghapuskan kebatilan di sisinya. Muslim yang mengambil berat tentang hari akhiratnya mestilah menyakini apa yang akan diterimanya dari Allah.

Apa yang kita bicarakan ini berbeza dengan usaha-usaha mengulangkaji terhadap undang-undang yang ada supaya ia dapat dijadikan undang-undang yang berunsur Islam. Walaupun ulangkaji ini dilakukan, undang-undang baru yang digubal setelah ulangkaji ini akan menghukum perkara-perkara yang sedang dihadapi juga yang akan datang, bukan yang telah berlalu. Untuk lebih menambahkan keyakinan institusi fatwa yang berdasarkan kepada berbagai mazhab akan dibentuk. Setiap individu boleh meminta fatwa dalam semua permasalahan. Dalam semua masalah pemerintah boleh mengiktiraf pendapat mana-mana mazhab, untuk dipilih.

(5) Mereka yang menaruh kebimbangan terhadap Islam sebagai akibat dari tindakan sewenang-wenang yang dilakukan oleh ahli-ahli agama, yang dapat mereka lihat dengan mata kepala mereka, atau kerana kebencian terhadap permasalahan yang diandaikan akan berlaku atau kerana mereka mendengar fatwa dari seorang tokoh agama yang melihat permasalahan dengan pandangan yang sempit, kepada mereka ini kita katakan bahawa golongan Islam adalah lain dari apa yang mereka bimbangkan itu, kerana Islam sebagai din, yang mana melalui pertunjuknya dapat ditentukan hukum bagi suatu waktu yang tertentu, dan dapat ditentukan kedudukan bagi setiap keadaan. Islam yang mempunyai puluhan mazhab dalam ijtihad yang didasarkan kepada asas-asas dan kaedah-kaedah tertentu akan dapat merangkumi seluruh

kepentingan dan masalahat manusia, sudah barang tentu Islam yang seperti ini jauh dari perkara-perkara yang menjadi punca kepada kebimbangan dan ketakutan. Golongan Islam yang benar-benar memahami Islam dan mengetahui mazhab-mazhab ijtihad dan memahami dasar-dasar ijtihad setiap mazhab adalah golongan yang jauh dari sangkaan bahawa mereka ini tidak mempunyai kelayakan atau cuai. Walaupun demikian kita mestilah jelas bahawa golongan Islam ini tidak akan bertolak ansur, menerima tawar menawar atau berlembut dalam melaksanakan Islam.

(6) Mereka yang merasa takut bahawa dunia seluruhannya akan bersatu menyerang kita sekiranya kita melaksanakan sistem Islam, kepada mereka ini kita katakan: bahawa dunia akan bersedia menerima dan bermuamalah dengan kenyataan di mana-mana sahaja, dunia juga bersedia untuk melakukan tukar menukar kepentingan dan kemasalahatan dan kita juga bersedia berbuat demikian. Tetapi mereka yang ingin bermuamalah dengan kita atas dasar menukar prinsip dengan kepentingan dan maslahat, mereka mestilah cuba mengalih pandangan kepada orang lain dari kita, kerana telah banyak negara-negara yang cuba melepaskan Islam kerana memilih orang lain, negara itu tidak sedikit pun mendapat manfaat yang dimimpikan.

Lihat Negara Turki yang telah membebaskan diri dari Islam dalam satu tempuh jangka waktu yang panjang kerana mengharapkan sikap berbaik-baik dari Barat, namun demikian Barat tetap mengambil sikap menentang Turki apabila berlaku pertembungan antara Turki dengan mana-mana negara Barat atau Turki mengambil sikap dan pendirian yang adil terhadap negara-negara tersebut. Sesungguhnya bayang-bayang ketakutan ini telah ujud sejak dari dulu lagi sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Quraan yang menguburkan ketakutan dan kebimbangan ini.
Firman Allah:

وَقَالُوٓا۟ إِن نَّتَّبِعِ ٱلْهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفْ مِنْ أَرْضِنَآ ۚ أَوَلَمْ نُمَكِّن
لَّهُمْ حَرَمًا ءَامِنًا يُجْبَىٰٓ إِلَيْهِ ثَمَرَٰتُ كُلِّ شَىْءٍ رِّزْقًا مِّن لَّدُنَّا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

"Dan mereka berkata: 'Jika kami mengikut pertunjuk bersamamu nescaya kami akan diusir dari negeri kami'. Dan apakah Kami tidak mengkokohkan kedudukan mereka dalam daerah haram yang aman, yang didatangkan ke tempat itu buah-buahan dari segala macam (tumbuh-tumbuhan) untuk menjadi rezeki (bagimu) dari sisi Kami? Tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui". S. 28 : 57

Apabila kita memperjuangkan Islam dengan sungguh-sungguh, perasaan gerun akan menular masuk ke dalam hati mereka yang mengharung

atau cuba berfikir untuk mengharungi pertarungan dengan para mujahid Islam yang merindui mati syahid pada jalan Allah. Allah telah menjanjikan kemenangan dan kebahagian kepada kita sekiranya kita melaksanakan syariatnya, dan Allah tidak akan memungkiri janjiNya. Dalam hubungan ini Allah berfirman:

إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ

"Jika kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolong kamu".
S. 47 : 7

Firman Allah lagi:

وَلَوْ أَنَّهُمْ أَقَامُوا التَّوْرَاةَ وَالْإِنجِيلَ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْهِم مِّن رَّبِّهِمْ
لَأَكَلُوا مِن فَوْقِهِمْ وَمِن تَحْتِ أَرْجُلِهِم

"Dan sekiranya mereka sungguh-sungguh menjalankan (hukum) Taurat dan Injil dan Al-Quraan yang diturunkan kepada mereka dari Tuhan mereka nescaya mereka akan mendapat makanan dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka". S. 5 : 66

FirmanNya lagi:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا
عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

"Jika sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka barakah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatan mereka (sendiri)". S. 7 : 96

Dan Allah tidak akan mungkir janji, firman Allah:

الشَّيْطَانُ يَعِدُكُمُ الْفَقْرَ وَيَأْمُرُكُم بِالْفَحْشَاءِ
وَاللَّهُ يَعِدُكُم مَّغْفِرَةً مِّنْهُ وَفَضْلًا وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

"Syaitan menjanjikan (menakut-nakutkan) kamu dengan kemiskinan dan menyuruh kamu berbuat kejahatan, sedang Allah menjanjikan untuk kamu keampunan daripadaNya dan kurnia dan Allah Maha luas (kurniaNya) lagi Maha mengetahui". S. 2 : 268

Menurut kebiasaan kebanyakan orang, apabila saudara berbincang dengan mereka tentang masalah-masalah Islam yang umum dan dasar, mereka akan menerima, tetapi mereka akan menimbulkan persoalan-persoalan yang menyangkut dengan masalah cabang. Kita tidak bakhil untuk menjawab soalan-soalan ini, tetapi soalan-soalan seperti ini tidak akan habis-habis, oleh itu kita tidak membicarakannya di sini. Di sini kita hanya ingin mengemukakan permasalahan yang semestinya diberikan perhatian berat. Permasalahan yang kita maksudkan ialah soal penyampaian Islam kepada umum. Kita mestilah menyampaikannya dengan cara yang simpel dan membuat penekanan-penekanan di bahagian-bahagian tertentu dengan cara yang paling simpel, ini kita lakukan kerana banyak orang yang tidak dapat memahami kelangsungan yang jauh dari dakwah Islam itu, begitu juga ramai orang yang tidak dapat memahami banyak perkara kecuali yang menyangkut dengan kepentingan diri mereka sahaja. Kita adalah gerakan yang tugas utamanya ialah memberikan tarbiah kepada individu supaya mereka mampu menunaikan kewajipan. Sungguhpun demikian sunnah yang berlaku dalam penyampaian Islam ialah dengan mengemukakan sudut-sudut positif bagi masa depan dakwah Islamiah di samping menjelaskan keberkatan dan hasilnya kepada individu dan ummat. Oleh itu kita tidak seharusnya mengabaikan sudut ini, tetapi kesemua ini mestilah dilakukan dengan tidak mengabaikan hak dan kebenaran dan tidak mengikut hawa nafsu kerana akibat dari mengabaikan hak dan kebenaran, juga mengikut hawa nafsu amat besar di sisi Allah.

Firman Allah:

وَإِن كَادُوا لَيَفْتِنُونَكَ عَنِ الَّذِي أَوْحَيْنَا
إِلَيْكَ لِتَفْتَرِيَ عَلَيْنَا غَيْرَهُ ۖ وَإِذًا لَّاتَّخَذُوكَ خَلِيلًا
وَلَوْلَا أَن ثَبَّتْنَاكَ لَقَدْ كِدتَّ تَرْكَنُ إِلَيْهِمْ شَيْئًا قَلِيلًا
إِذًا لَّأَذَقْنَاكَ ضِعْفَ الْحَيَوٰةِ وَضِعْفَ الْمَمَاتِ

"Dan sesungguhnya mereka hampir memalingkan kamu dari apa yang telah Kami wahyukan kepadamu, agar kamu membuat yang lain secara bohong terhadap Kami, dan kalau sudah begitu tentulah mereka mengambil kamu menjadi sahabat yang setia. Dan kalau Kami tidak memperkuatkan (hati)mu, nescaya kamu hampir-hampir condong sedikit kepada mereka, kalau terjadi demikian, benar-benarlah Kami akan rasakan kepadamu (siksaan) berlipat ganda di dunia ini dan begitu (pula siksaan) berlipat ganda sesudah mati". Yakni Kami akan rasakan kepadamu siksaan yang berlipat ganda di dunia dan siksaan yang berlipat ganda sesudah mati".

S. 17 : 73—75

"Dan kamu tidak akan mendapat seorang penolong terhadap Kami."

Seandainya perkara ini telah jelas, dan inilah yang menjadi pokok perbincangan kita sebelum ini, maka sewaktu menyampaikan Islam kita mestilah memberikan penumpuan dan penekanan dengan cara yang simpel kepada perkara-perkara berikut:-

a- Kita merupakan ummat yang tidak akan mempunyai kemuliaan dan keagungan kecuali dengan Islam.

b- Hanya Islamlah sahaja jalan tunggal yang dapat menyelesaikan segala musykilah yang kita hadapi baik di sudut siasah, ekonomi, kemasyarakatan, permasalahan dalam dan luar negeri.

c- Hanya dengan Islam setiap individu akan mendapat pekerjaan, setiap pelajar yang tidak berkemampuan akan mendapat biaya, setiap peladang akan memiliki tanah, setiap penduduk akan memiliki rumah, isteri dan memiliki kadar minima kekayaan yang diperlukan.

d- Permasalahan penjajahan terhadap bumi Islam tidak akan selesai kecuali dengan menjulang panji-panji Islam dan mengisytiharkan perang jihad.

e- Kesatuan ummat Arab tidak akan berlaku kecuali melalui Islam. Begitu juga kesatuan ummat Islam tidak akan berlaku kecuali dengan Islam. Perubahan neraca dunia yang akan membawa manfaat dan kepentingan kepada kita tidak akan berlaku kecuali melalui Islam, dan seterusnya sesuatu yang baru akan berlaku kepada dunia seluruhnya melalui Islam.

f- Bekerja dan beramal untuk menegakkan kerajaan Islam adalah wajib, bersatu atas dasar Islam adalah wajib dan setiap perpaduan yang tidak diredhai Islam tidak harus dilakukan, perpaduan seperti ini samada termasuk ke dalam lingkungan kufur, munafik atau fasik.

g- Menegakkan negara Islam adalah satu perkara yang mungkin (bukan mustahil), malah keyakinannya lebih dekat dari yang lain. Sekiranya seorang yang berfahaman komunis ingin melakukan perubahan dalam semua perkara, dan beliau menyakini kemungkinan tegaknya negara komunis sedangkan beliau berada dalam kebatilan, bagaimanakah seorang muslim memandang bahawa menegakkan negara Islam di bumi Islam tidak mungkin berlaku?

h- Islam akan memberikan keadilan kepada setiap rakyat yang memiliki sifat-sifat seorang rakyat negara Islam, malah Islam mengharamkan beliau dizalimi sekalipun beliau bukan muslim.

Rasulullah SAW telah bersabda:

اذا ظلم اهل الذمة كانت الدولة لهم

"Apabila orang-orang kafir ahli zimmah dizalimi negara akan menjadi milik mereka".

i. Perlaksanaan Islam tidak bererti menghalang dari sebarang nikmat yang berfaedah; cuma ia akan menghalang golongan yang mengikut hawa nafsu yang akan membawa bencana.

Memberikan penekanan kepada pengertian-pengertian di atas dengan cara yang simpel amatlah penting. Kita mestilah menitikberatkan cara-cara mengemukakan pengertian-pengertian ini, kita mestilah mengemukakannya dengan cara yang sesuai bagi semua orang. Ada masanya ia dikemukakan melalui al-Quraan dan Hadis dan ada kalanya dikemukakan melalui komentar terhadap sesuatu yang ujud. Dia yang bijaksana tidak akan lemah untuk menekankan pengertian-pengertian yang dikehendakinya dengan berbagai cara.

Di sini kita ingin menjelaskan dua kesalahan besar yang selalunya dilakukan oleh sebilangan besar para duat.

Kesalahan pertama ialah terlalu memperdalamkan pandangan masa depan Islam yang tidak baik dan kesalahan yang kedua ialah menjadikan kesempurnaan dan kemewahan hidup seseorang yang sememang menjadi haknya sebagai persoalan pokok dalam masalah kehidupan.

Mengenai kesalahan pertama saudara akan dapat mengesan tanda-tandanya apabila saudara menemui seorang muslim yang melihat dunia ini telah terlalu rosak, masa untuk Islam telah berakhir, sudah tidak ada harapan dan tidak ada kemenangan yang diharapkan. Yang paling menghairankan beliau mengemukakan semua ini dengan memberikan bukti-bukti dari al-Quraan dan hadis. Tetapi hakikat yang sebenarnya apa yang mereka katakan itu terlalu jauh dari petunjuk al-Quraan dan sunnah Rasulullah saw. Petunjuk al-Quraan ialah dengan membukakan kepada mereka pintu-pintu keyakinan kepada Allah sedangkan mereka menutup pintu keyakinan ini. Rasulullah saw sentiasa memberikan berita gembira tentang kejayaan dan kemenangan Islam sedangkan mereka menggembur-gemburkan kehancurannya. Memanglah benar yang Rasulullah saw pernah menceritakan kepada kita keadaan buruk yang dialami oleh ummat Islam, tetapi tujuan baginda menceritakan keadaan itu ialah supaya kita dapat mengelakkannya dari berlaku, begitu juga supaya kita berusaha mengatasi dan menyelesaikannya sekiranya keadaan itu berlaku, bukan menyerah kepada keadaan. Dalam buku "Jundullah Thaqafatan wa-akhlakan" kita dapat melihat bagaimana Rasulullah saw memberikan berita gembira tentang tegaknya sebuah daulah Islamiah alamiah, beliau membawa berita gembira tentang pembukaan Rome, beliau membawa berita gembira bahawa jamaah Islamiah akan mendapat pertolongan di mana sahaja ia menghadapi pertarungan.

Di permulaan kebangunan Islam Rasulullah saw telah mengatakan kepada orang-orang Quraish.

كلمة واحدة تدين لكم بها العرب وتخضع لكم بها العجم

"Dengan hanya satu kalimah, orang-orang Arab akan patuh kepada kamu dan dengan kalimah itu juga orang-orang bukan Arab akan tunduk kepada kamu".

Rasulullah saw juga menyebutkan kepada Udai bin Hatim bahawa perbendaharaan Kaisar akan dibukakan kepada ummat Islam. Itulah hidayah Rasulullah saw dalam mentarbiah jamaah muslimah sedangkan golongan tadi menutup pintu-pintu harapan. Golongan ini mestilah mengingati hadis Rasulullah yang telah mengatakan:

من قال هلك المسلمون فهو أهلكهم

"Siapa yang mengatakan orang-orang Islam telah hancur, beliaulah yang lebih hancur dari mereka".

Mengenai Kesalahan Kedua pula, tanda-tanda zahirnya dapat dilihat umpamanya dengan menitikberatkan bahawa Abu Bakar ra hanya mengambil nafkah dari Baitulmal sekadar yang mencukupi, begitu juga Umar bin al-Khattab. Setelah menyebutkan contoh ini berkemungkinan dai akan memberikan komentarnya. Pada dasarnya komentar-komentar ini adalah baik untuk menonjolkan keistimewaan-keistimewaan golongan jenerasi pertama ummat Islam, tetapi komentar ini tidak seharusnya melewati tujuan ini, sehingga seorang yang hidup dalam dunia kita hari ini merasakan bahawa daulah Islamiah adalah daulah yang miskin dan daulah yang bakhil terhadap rakyatnya. Dengan sanad yang "hasan" Abu Daud telah meriwayatkan bahawa Rasulullah saw telah bersabda:

من كان لنا عاملا فليكتسب زوجة ،
وان لم يكن له خادم فليكتسب خادما ، وان لم يكن له
مسكن فليكتسب مسكنا ، ومن اتخذ غير ذلك ـ اي بغير اذن
من الدولة أو اتفاق معها ـ فهو غال أو سارق » .

"Barang siapa yang bekerja untuk kami beliau mestilah (diberikan kemudahan) untuk beristeri, sekiranya beliau tidak mempunyai khadam beliau mestilah (dipermudahkan) untuk mendapat khadam, sekiranya beliau tidak mempunyai rumah beliau mestilah (dipermudahkan) untuk mendapatkan rumah, dan barang siapa yang mengambil lain dari itu (yakni dengan tanpa izin atau tanpa persetujuan kerajaan) beliau adalah zalim atau pencuri."

Kerajaan mestilah memberi jaminan tempat tinggal, isteri dan khidmat umum kepada semua pegawainya. Setiap pegawai mestilah mendapat jaminan dalam segala keperluannya, malah lebih dari itu. Para

dai, murrabi, orang alim dan mereka yang bertindak mengajarkan Islam masakini mestilah teliti sewaktu berbicara, supaya tidak ujud dindingan antara orang ramai dengan kemungkinan terlaksananya Islam di zaman ini.

Di akhir fasal ini kita ingin menjelaskan kepada musuh-musuh Islam tentang sangkaan-sangkaan mereka yang lemah, apabila mereka beranggapan bahawa mereka akan mampu menghapuskan Islam dari undang-undang dunia keseluruhannya dengan tulisan-tulisan mereka yang lantang dan jahat.

Kepada mereka ini kita katakan "apakah Islam tidak resap sedalam-dalamnya di lubuk hati penganutnya seperti agama Yahudi resap di lubuk hati penganutnya dan seperti agama Kristian resap di lubuk hati ummat Kristian?

Agama Kristian telah hidup di bumi kita ratusan tahun sedangkan golongan pemerintah ialah orang-orang Islam dan hukum yang dijalankan ialah hukum-hukum Islam. Agama Yahudi juga telah hidup di bumi kita ratusan tahun, sedang yang memerintah ialah kalangan orang-orang Islam dan hukum yang dilaksanakan ialah hukum-hukum Islam, dengan kata lain agama Yahudi dan Kristian telah hidup di bawah satu sistem yang bercanggah dengannya. Agama Yahudi dan penganutnya hidup di Russia di bawah naungan sistem Kaisar sekalipun menghadapi penindasan-penindasan yang tidak berhenti. Setelah itu muncullah pemberontakan komunis, pemberontakan mulhid yang sistemnya memang menindas semua aliran agama dan mendidik sikap penentangan terhadap semua agama, sekalipun demikian anda dapat melihat bahawa orang-orang Yahudi Rusialah yang paling bersemangat untuk menegakkan Negara Yahudi dari bangsa Yahudi lainnya dan merekalah di kalangan bangsa Yahudi yang paling bersemangat untuk berhijrah ke negara Yahudi yang diharapkan akan ujud, malah orang yang telah menegakkan negara dan terus menguasainya sekarang adalah terdiri dari bangsa Yahudi - dari bangsa Timur. Kalau inilah kedudukan agama Yahudi dan Kristian di hati para penganutnya, apakah boleh digambarkan dan diandaikan bahawa Islam dapat dihapuskan dari lubuk hati penganutnya dengan menggunakan tulisan-tulisan dan kalimah-kalimah yang berani, dan lantang, sedangkan Islam pada hakikatnya adalah kebenaran, cocok dengan fitrah manusia dan sentiasa mendapat pemeliharaan dari Allah baik terhadap agama Islam itu sendiri atau terhadap penganutnya. Allah berfirman:

"Mereka ingin hendak memadamkan cahaya (agama) Allah dengan mulut (ucapan-ucapan) mereka, dan Allah tetap menyempurnakan cahayanya meskipun orang-orang kafir benci. Dialah yang mengutuskan Rasulnya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar agar dia memenangkannya di atas segala agama-agama meskipun orang-orang musyrik benci." S. 61 : 8—9

Mereka yang menyangka bahawa mereka mampu menghapuskan Islam dari kehidupan ummat Islam atau menyangka mereka mampu menumpaskan Islam hingga ke akar umbinya, adalah orang-orang yang tersalah anggap, dan Islam akan menumpaskan mereka sebagaimana ia telah menumpaskan orang lain, dan ummat Islam akan kembali ke pangkuan Islam setiap kali mereka lihat orang lain cuba menjauhkan mereka daripada Islam. Contoh golongan ini dalam usaha mereka memerangi Islam samalah seperti yang dikatakan oleh seorang penyair:

كناطح صخرة يوما ليوهنها

فلم يهنها واوهى قرنه الوعل

"Seperti orang yang menanduk batu pejal untuk melembutkannya. Tapi ia tidak dapat melembutkannya, malah batu pejal itulah yang menghancurkan tanduknya."

Pada hakikatnya Islam lebih jauh resap di lubuk hati para muslimin dari apa yang mereka sangkakan, setiap kali mereka bertindak melampau untuk memerangi Islam, Islam akan bergerak lebih besar dalam jiwa setiap muslim, biarlah pertarung-penentu berlaku, Islam tidak akan tewas dan dengan izin Allah penganutnya juga tidak akan tewas.

Setelah itu...

Sewaktu kita berbicara tentang matlamat, kita mestilah memberikan perhatian bahawa kita memperkatakannya dengan jelas, jauh dari bentuk-bentuk yang rumit dan sukar difahami, seperti kebiasaan yang berlaku pada buku-buku falsafah dan usaha-usaha golongan ahli falsafah yang sengaja merumitkan kefahaman tentang prinsip, kerana cara yang seperti ini bukanlah cara dakwah yang amali dan dapat dipraktikan setiap hari. Atas dasar ini kita mestilah memerhatikan perkara berikut:

Secara simpel, kita ingin menegakkan daulah Islamiah di semua kawasan, kita ingin menolong syariat Allah, kita ingin menghidupkan sunnah Rasulullah saw, kita ingin menyatukan ummat dan kita ingin berjihad hingga dunia keseluruhannya tunduk kepada hukum Allah. Secara simpel kita ingin memperkenalkan Allah kepada manusia, kita ingin mengembalikan manusia kepada prinsip hakimiah Allah dan cara untuk kembali kepada prinsip ini ialah dengan mengimani risalah yang dibawa oleh Rasulullah saw dan beriltizam dengan syariatnya, yang kesemua ini dapat dilakukan dengan jihad dalam berbagai bentuknya.

Rasulullah saw telah bersabda:

من قاتل لتكون كلمة الله هي العليا فهو في سبيل الله

"Barang siapa yang berperang demi menegakkan kalimah Allah, beliau berada pada jalan Allah."

Sesungguhnya bekerja untuk dapat menjamin bahawa kalimah Allah itulah yang tinggi, merupakan intipati bagi perjuangan kita. Menjadikan kalimah Allah itu paling tinggi merupakan pemusatan seluruh matlamat kita. Kalimah Allah yang kita maksudkan di sini terjelma dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah saw yang berfungsi sebagai penjelasan terperinci dan amali bagi kalimah Allah. Kita adalah jamaah yang ber-cogankatakan "الحق" kebenaran "والقوة" kekuatan dan 'الحرية' kebebasan.

Kebenaran

Terjelma dalam apa yang diturunkan oleh Allah kepada Rasulullah saw sebagaimana yang difirmankan oleh Allah:

وَالَّذِيٓ أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَّبِّكَ الْحَقُّ

"Dan kitab yang diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu itu adalah benar." S. 13 : 1

Kekuatan

Allah telah memerintahkan golongan yang beriman supaya menyediakan kekuatan. Firman Allah:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَّا اسْتَطَعْتُمْ مِّنْ قُوَّةٍ وَّمِنْ رِّبَاطِ الْخَيْلِ

"Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa sahaja yang kamu mampu dan kuda-kuda yang ditambat untuk berperang." S. 8 : 60

Kebebasan

Kebebasan yang dimaksudkan di sini ialah apa yang pernah diungkapkan oleh para sahabat sewaktu mereka menyatakan: "Kami datang untuk mengeluarkan manusia dari mengabdikan diri terhadap sesama makhluk kepada memperhambakan diri kepada Allah, mengeluarkan mereka dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam."

Inilah yang menjadikan selogan kita dan inilah juga yang menjadikan matlamat kita. Sebahagian dari perkara-perkara yang kita sebutkan ini, di samping ia menjadi matlamat, di masa yang sama ia juga menjadi wasilah. Matlamat-matlamat ini terikat antara satu sama lain. Bagi kita, kekuatan mestilah diikat dengan kebenaran begitu juga kebebasan bagi kita ialah kebebasan untuk kebenaran yang tidak ditulari kebatilan dari hadapan dan dari belakang. Dengan keadaan yang simpel begini kita berbicara tentang matlamat kita, simpel yang dapat memusatkan kepada penjelasan, keadilan dan kebijaksanaan yang dapat merangkumi dunia seluruhnya. Kita mengharapkan agar al-Quran dan sunnah Rasulullah saw menjadi suatu yang dapat diterima oleh manusia seluruhnya, dan dengan izin Allah kita akan bekerja sedaya yang mampu untuk mencapai tujuan ini. Kita juga mengharapkan agar sistem syura yang berteraskan kepada al-Quran dan sunnah Rasulullah akan tegak dalam masyarakat. Siapa yang dapat memahami kedua-dua permasalahan ini bererti beliau telah memahami matlamat kita seluruhnya. Kesemua ini menuntut agar kita tidak bercanggah dengan kedua-dua matlamat ini, baik pada diri kita secara peribadi, pada manhaj dan tabiat tanzim, sama ada di sudut teori atau amali, kerana sejauh mana kita berjaya, dengan taufiq Allah, menegakkan al-Quran dan sunnah Rasulullah saw pada diri kita, di peringkat awal, baik di sudut kefahaman mahupun di sudut iltizam, dan sejauh mana kita berjaya secara praktik melaksanakan syura dalam jamaah dan membiasakan diri kita tunduk kepada syura, sejauh itulah perjalanan kita berada dalam keadaan yang betul dan kemungkinan tercapainya matlamat akan ujud dengan izin Allah.

* * *

BAB KELIMA
WASILAH AMAL ISLAMI

Sewaktu membicarakan matlamat dakwah, kita terpaksa berbicara tentang wasilah yang sesuai untuk mencapai matlamat tersebut.

Sekarang kita akan berbicara tentang matlamat satu demi satu di samping membincangkan wasilah-wasilah yang sesuai untuk mencapai matlamat tersebut.

Matlamat Pertama

Sebagai yang telah dijelaskan oleh Ustaz Hasan Al Bana matlamat pertama kita ialah: "Individu muslim." Dalam hubungan ini beliau telah berkata: "Kita mahukan individu muslim." Individu muslim secara umum merangkumi golongan lelaki dan perempuan, anak-anak lelaki dan perempuan, pemuda dan pemudi, kecil dan besar.

Wasilah untuk membentuk individu muslim terbahagi kepada tiga perkara penting yang seharusnya berpadu antara satu sama lain. Dengan kepaduan ketiga-tiga perkara ini hasil yang sempurna akan dapat dicapai. Perkara-perkara tersebut ialah:

1. Al Murabbi (pendidik)
2. Manhaj yang sesuai
3. Biah (suasana keliling) yang salihah.

Sebarang kecacatan yang berlaku pada salah satu dari ketiga-tiga perkara ini akan membawa kecacatan kepada usaha-usaha membentuk individu muslim, terkecualilah individu itu mendapat pertolongan rabbani.

1. Biah salihah ialah satu suasana di mana seorang muslim dapat menyedut akhlak, ilmu dan amal. Melalui biah salihah ini beliau terhindar dari perkara-perkara yang melalaikan dan tidak memberi faedah, apatah lagi dari perkara-perkara yang haram. Biah salihah ini seharusnya dikuasai oleh suasana ilmu dan zikir. Oleh yang demikian biah ini sentiasa berada dalam suasana ilmu dan zikir. Suasana yang melingkungi biah itu seharusnya merupakan suasana masjid, itulah yang sebaik-baiknya, kalau ini tidak ujud, biah itu mestilah berada dalam satu suasana rumah muslim, yang mana suasana ini boleh menjadi medan kebajikan.

Kita mestilah mengawasi biah yang berpenyakit. Biah seperti ini tidak seharusnya ujud di sekeliling jamaah atau di dalamnya. Kita mestilah menekankan sungguh-sungguh perkara ini kepada ikhwah yang menimbulkan di keliling mereka satu suasana yang menyimpang, jauh atau dekat dari sifat serius yang menjadi akhlak kepada sebuah jamaah Islamiah yang mengabdikan diri dan berjihad.

2. Murabbi yang bijaksana ialah pewaris kepada tugas Rasulullah saw. Dalam Al-Quraan murabbi diistilahkan dengan "Al wali al mursyid." Dalam istilah kita disebut "An naib". Oleh yang demikian keistimewwan untuk mentarbiah dan membentuk individu muslim mestilah diberikan kepada ikhwah "An naib". Begitu juga sekiranya tugas tarbiah tidak dipegang oleh al-akh an-naqib, maka tugas ini mestilah dipegang oleh al-akh mujahid. Sungguhpun demikian hubungan mestilah sentiasa ujud antara al-akh an-naib dalam soal pentarbiahan atau dalam pemberian ilmu, supaya dengan hubungan ini pengawasan dan penelitian yang teliti sentiasa berada dalam keadaan yang kemas.

3. Perbincangan tentang manhaj akan dikemukakan nanti. Ia akan merangkumi soal zikir dan ilmu. Sejauh mana akal dan hati al-akh dapat disinari dengan ilmu, zikir dan amal sejauh itulah kematangan akan berada dalam keadaan yang sebenar.

Untuk menjamin kematangan al-akh, baik lelaki atau perempuan, kecil, muda atau tua beliau mestilah melakukan perkara-perkara berikut:

— Al-akh mestilah mempunyai wirid harian.
— Al-akh mestilah mempunyai iktikaf tahunan yang disediakan oleh program jamaah.
— Al-akh mestilah membiasakan berkhalwat.
— Al-akh mestilah membiasakan berbagai jenis zikir, qiamullail dan akhlak yang tinggi dalam semua bidang.
— Al-akh mestilah mengikuti berbagai bentuk tamrin, baik dalam bentuk ruhaniah atau ilmiah.

Di sini kita berpada dengan menyarankan bahawa setiap cawangan kita mestilah mempunyai dua bahagian, bahagian kegiatan wanita dan bahagian kegiatan anak-anak. Setiap bahagian mestilah mempunyai halakat-halakat khusus, pengambilan -berat yang khusus dan buku-buku yang sesuai. Usaha-usaha untuk mengelakkan timbulnya fitnah dari kegiatan dalam kedua-dua bahagian ini mestilah dipandang berat.

Dalam kegiatan tarbiah anak-anak, perkara yang sepatutnya diambil berat ialah melengkapkan mereka dengan perkara-perkara yang diperlukan dalam peringkat setelah baligh, baik dari sudut jasad, akal, hati, roh, perusahaan dan amal. Mereka mestilah dilatih menunggang kuda dan tata-tertibnya juga dilatih dengan permainan-permainan yang dapat membina kekuatan. Kita juga mestilah mengambil berat bahawa kekuatan menghafal di masa kecil amat ketara. Oleh itu kita mestilah mendidik mereka menghafaz sebanyak mungkin ayat-ayat Al-Quraan, hadis-hadis Rasulullah saw, adab-adab khas dan umum di samping mengajarkan zikir dan ilmu pengetahuan.

Dalam kegiatan bahagian wanita mestilah diambil berat pengkajian tentang masalah-masalah khusus untuk wanita di samping masalah-

masalah yang sama dengan kaum lelaki. Kita mestilah menumpukan tarbiah kaum wanita kepada masalah targhib dan tarhib, buku-buku sejarah, nasihat dan cerita-cerita wanita salihah.

Di sini kita tidak akan membicarakan soal manhaj secara menditel, cuma mengemukakan yang penting sahaja. Secara ringkas, semua bentuk-bentuk halakat ammah dan kahssah, baik halakat ilmu, zikir, usrah, katibah, sirah, muzakarah atau kajian secara peribadi, kesemuanya mestilah diperluaskan untuk pentarbiahan individu.

Matlamat Kedua

Seperti yang telah dijelaskan oleh Ustaz Hasan Al Bana, matlamat kita yang kedua ialah "Rumah tangga muslim". Apakah wasilah yang sesuai untuk mencapai matlamat ini?

1. Setiap al-akh, baik sebagai suami, isteri atau anak mestilah memberikan perhatian yang berat secara khusus kepada rumahnya.

2. Jamaah mestilah memberikan hak yang sewajarnya kepada kegiatan-kegiatan wanita. Hak-hak ini mestilah disalurkan melalui penyebaran buku-buku, halakat-halakat ammah dan kahssah untuk wanita juga disalurkan melalui progrem takwin tertinggi akhawat muslimat.

3. Setiap al-akh mestilah memilih isteri yang salihah. Beliau mestilah memberikan keutamaan kepada akhwat, beliau tidak sewajarnya memilih orang lain kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu. Perkahwinan seharusnya berlaku antara sesama ikhwan dan perkahwinan ini mestilah dilakukan dengan kemudahan-kemudahan yang munasabah untuk tujuan tersebut.

4. Setiap al-akh mestilah melibatkan anak, isteri dan saudaranya ke dalam jentera jamaah.

5. Untuk tujuan ini jamaah mestilah mengadakan unit-unit tertentu untuk menyelenggarakan urusan tersebut, umpamanya unit yang bertanggungjawab dalam urusan anak-anak di setiap cawangan, unit yang bertanggungjawab dalam urusan kegiatan wanita di semua cawangan, unit khusus untuk takwin akhawat muslimat di pusat dan unit khas di pusat yang bertanggungjawab menerima anak-anak yang telah melalui satu peringkat tertentu.

6. Jamaah dan individu mestilah mengawasi sungguh-sungguh supaya rumah mereka bebas dari sesuatu yang bercanggah dengan ajaran Islam. Pimpinan mestilah mengawasi perlumbaan yang bersifat keduniaan antara ikhwan di samping menggalakkan zuhud.

7. Jamaah mestilah mengadakan halakat-halakat masjid untuk wanita dan menjamin supaya halakat ini diserahkan kepada tenaga pengajar wanita yang cergas dan salihah atau tenaga pengajar lelaki yang dipercayai.

8. Dengan memberikan perhatian yang khusus, pemimpin mestilah menentukan buku-buku untuk wanita. Pimpinan berkewajipan memilih buku-buku, mengarang, mencetak, menggalakkan percetakan di samping meletakkan beberapa jenis buku di bawah kelolaan wanita yang di antara lain ialah buku "Al-bint al-muslimah". Amatlah baik jika sebahagian ikhwah menumpukan usaha untuk mengujudkan perpustakaan wanita. Dalam perpustakaan yang ada sekarang ini banyak terdapat buku-buku khusus untuk wanita yang sedang ditulis. Alangkah baiknya jika buku-buku ini dapat disebarkan.

Pembentukan rumah muslim bukanlah terbatas kepada bimbingan yang dilakukan oleh suami, ayah, atau anak, ia juga dapat dibina dengan cara mengujudkan biah yang munasabah dan penjagaan yang sempurna. Tanpa biah yang sesuai dan penjagaan yang sempurna ini bimbingan yang diberikan selalunya akan sia-sia, kerana apa yang kita ajarkan berada di satu pihak, sedang di pihak yang lain mengajarkan sesuatu yang bertentangan dan menghancurkan apa yang kita bina. Oleh yang demikian, untuk keujudan rumah muslim, maka rumah-rumah muslim itu mestilah dijalin dengan jalinan-jalinan Islamiah. Sekiranya ini tidak dapat dilakukan maka usaha-usaha peribadi mestilah ditumpukan.

9. Seberapa mungkin, jamaah mestilah menggalakkan supaya ikhwah segera berkahwin dan mengahwani para janda kerana jamaah kita adalah jamaah jihad yang memerlukan nilai-nilai khusus dan kebiasaan-kebiasaan yang diketahui bersama dan dapat menjauhkan muslim dan muslimah dari sifat-sifat boros dan dapat menyempurnakan keperluan-keperluan darurinya.

10. Semua ini dilakukan sebelum dan sesudah jamaah berjaya memegang tampuk kekuasaan, tetapi setelah jamaah memegang tampuk kekuasaan, wakaf, zakat dan perbendaharaan negara mestilah bekerjasama dalam usaha-usaha menjamin keujudan rumah muslim yang mana segala keperluan untuk tujuan ini telah diamanahkan kepada negara. Ini dapat dilakukan melalui pemberian kemudahan perkahwinan, jaminan mahar, tempat tinggal, menguruskan pekerjaan dan lain-lain yang diperlukan untuk membina rumahtangga muslim yang damai.

Matlamat Ketiga

Matlamat kita yang ketiga ialah "Bangsa muslim", kerana Ustaz al Bana telah melihat bahawa perlaksanaan hukum Islam amat sukar dilakukan dengan tidak berasaskan kepada bangsa yang muslim. Pemerintahan Islam tidak akan tegak di atas suatu yang kosong. Dalam hubungan ini Ustaz Hasan Al Bana telah mengatakan; "Tetapi Ikhwan lebih bijak dan tegas untuk tidak memikul tanggungjawab pemerintahan sedangkan ummat dalam keadaan sekarang ini. Kita memerlukan satu

jangkamasa di mana perinsip-perinsip Ikhwan dapat berkembang. Dalam jangkamasa ini juga rakyat umum dapat belajar mengutamakan kepentingan umum dari kepentingan peribadi''.

Di tempat lain pula Ustaz Hasan al Bana telah mengatakan: "Kekuatan bukanlah wasilah, dakwah yang hak hanya akan berbicara dengan roh, berbisik dengan hati dan mengetuk pintu-pintu jiwa yang terkunci. Adalah mustahil dakwah hak ini akan dapat kekal dengan kekuatan atau mampu mencapai matlamatnya dengan bibir dan lidah yang lancang. Tetapi wasilah dalam memastikan keujudan dan kemantapannya dapat diketahui dan dibaca oleh mereka yang memahami sejarah jamaah-jamaah di masa lalu. Wasilah ini dapat disimpulkan dalam dua rangkaikata "Iman dan amal". "Kasihsayang dan persaudaraan".

Dengan ini kita dapat mengetahui bahawa Ustaz Hasan Al Bana telah memandang penting ujudnya satu bangsa muslim sebagai mukaddimah yang tidak boleh tidak kepada masalah-masalah yang berikutnya. Ustaz Hasan Al Bana telah meletakkan "Bangsa muslim" sebagai matlamat ketiga sebelum matlamat keempat iaitu kerajaan Islam dan matlamat-matlamat lain berikutnya. Oleh kerana itulah juga Ustaz Hasan Al-Bana telah menentukan bahwa peringkat dakwah kita terbahagi kepada tiga peringkat; takrif, takwin dan tanfiz. Dengan ini juga jelaslah bahwa jalan kita untuk mengujudkan bangsa muslim ialah takrif dan takwin.

Dalam hubungan ini Ustaz Hasan Al Bana telah berkata: "Apakah yang telah dilakukan oleh Rasulullah saw dalam usaha-usaha untuk menanamkan dakwahnya ke dalam jiwa jenerasi pertama yang terdiri dari para sahabat selain dari menyeru mereka kepada iman dan amal, kemudian menjalinkan antara hati mereka dengan rasa kasihsayang dan persaudaraan, dengan itu kekuatan akidah dan kekuatan perpaduan telah bersatu dan jamaah mereka telah menjadi jamaah misali, semestinya pula suara mereka akan muncul dan dakwah mereka pasti akan menang sekalipun penghuni menentangnya.

Apakah para duat, dulu dan sekarang melakukan sesuatu lebih dari menyampaikan fikrah dan menerangkannya; mereka mengajak manusia menerima fikrah ini lantas manusia menganutinya dan bekerja untuk melaksanakannya dan mereka bersatu di bawah naungannya. Golongan yang menganuti fikrah ini terus bertambah dari masa ke semasa sehingga dengan pertambahan bilangan mereka fikrah tersebut semakin muncul sehingga mencapai kemuncaknya dan dapat menenggelamkan fikrah-fikrah lainnya. Itulah sunnah Allah dan kamu tidak dapat menukarganti sunnah Allah.

Dakwah Ikhwan bukanlah satu bidah dalam arina dakwah. Dakwah Ikhwan adalah gema dari dakwah yang pertama yang sering bergema

dalam jiwa mukmin dan sering diulang-ulangi oleh lidah mereka. Mereka berusaha untuk menanamkan iman ke dalam hati ummat Islam sehinggalah iman tersebut terjelma dalam tindak tanduk mereka dan hati mereka berpadu atas dasar iman tersebut. Sekiranya Ikhwan melakukan perkara ini Allah akan menolong mereka dan memberikan kepada mereka hidayat ke jalan yang benar.

Saudara-saudara ikhwan muslimin, marilah kita beriman dan beramal, marilah kita bersaudara dan berkasihsayang, Allah akan bersama kamu, itulah wasilah kamu, dan Allah akan memenangi segala urusanNya."

Di tempat lain, dalam risalahnya Ustaz Hasan Al Bana berkata: "Orang-orang yang jahil tentang Islam akan menjadi batu penghalang dalam perjalanan kamu".

Dari apa yang telah dibicarakan dapatlah kita ketahui bahwa wasilah kita dalam usaha untuk mengujudkan bangsa muslim ialah memperkenalkan Islam dan jamaah, melakukan takwin berdasarkan hubungan-hubungan Islamiah dan adab-adab saf muslim. Cara untuk mencapai perkara-perkara tersebut ialah melalui halakat ammah dan khassah, usrah, katibah, perbincangan, amar maaruf dan nahi munkar.

Di sini kita terpaksa mengemukakan dua perkara yang berhubung dengan permasalahan bangsa muslim. Perkara-perkara yang dimaksudkan ialah; Sewaktu kita berbicara dengan ummah, kita mestilah menggabungkan sekaligus antara memperkenalkan Islam dengan menanamkan kepercayaan kepada mereka bahawa jamaah akan dapat menjamin keperluan dan kepentingan mereka. Di waktu yang sama kita mestilah mendidik saf jamaah supaya mempunyai sifat-sifat pengorbanan yang paling tinggi dan tidak mementingkan diri sendiri. Perkara ini perlu dijelaskan lebih lanjut lagi.

Dalam kisah Nabi Adam as kita dapati Allah berfirman:

"Dan kami berfirman, hai Adam, diamilah oleh kamu dan isteri kamu syorga ini dan makanlah makanan-makanannya yang banyak lagi baik di mana saja kamu sukai dan janganlah kamu dekati pohon ini yang menyebabkan kamu termasuk golongan orang-orang yang zalim."

S. 2 : 35

Firman Allah lagi:

فَقُلْنَا يَا آدَمُ إِنَّ هَٰذَا عَدُوٌّ لَّكَ وَلِزَوْجِكَ فَلَا يُخْرِجَنَّكُمَا مِنَ الْجَنَّةِ فَتَشْقَىٰ
إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ وَأَنَّكَ لَا تَظْمَأُ فِيهَا وَلَا تَضْحَىٰ

"Maka kami berkata, hai Adam, sesungguhnya ini (Iblis) adalah musuh bagimu dan isterimu, maka sekali-kali janganlah ia mengeluarkan kamu berdua dari syorga yang menyebabkan kamu tercela. Sesungguhnya kamu tidak akan kelaparan di dalamnya dan tidak akan telanjang. Dan sesungguhnya kamu tidak akan merasa dahaga dan tidak (pula) ditimpa panas matahari di dalamnya." S. 20 : 117—119

Dari kesah Adam as ini dapat kita perhatikan bahawa beliau telah diberi jaminan tentang keperluan asasnya di samping beberapa taklif yang telah diwajibkan. Kita juga dapat memerhatikan bahawa syaitan telah merasuknya melalui sifat kemanusiaan yang ingin kekal, sebagaimana yang ternyata dalam pujukan syaitan yang telah mengatakan kepada Adam:

هَلْ أَدُلُّكَ عَلَىٰ شَجَرَةِ الْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَىٰ

"Mahukah saya tunjukkan kepadamu pohon khildi dan kerajaan yang tidak akan binasa?" S. 20 : 120

Permasalahan ini merupakan permasalahan asasi yang sewajibnya kita fahami dalam kerja-kerja dakwah dan siasah, kerana sejak roh bercampur dengan jasad ia telah mempunyai keperluan-keperluan dan keinginan-keinginan. Di antara keperluan-keperluan dan keinginan-keinginan ini ada yang diredzai dan benar. Satu hal yang dapat diperhatikan bahawa apabila jiwa manusia tidak mendapat jaminan bahawa segala keperluan dan keinginannya akan berhasil maka kesediaannya untuk menerima taklif amatlah lemah. Oleh kerana itulah Allah yang amat mengetahui tabiat manusia telah menjamin segala keperluan Adam as sewaktu Allah memberikan taklif kepadanya.

Dapat juga diperhatikan bahawa syaitan telah merasuk Adam as melalui keinginan-keinginan yang mendalam dalam diri manusia. Kesemua permasalahan ini mestilah kita letakkan dalam perhitungan kita, kerana kita bermuamalah dengan jiwa manusia. Semua gerakan, baik gerakan diniah atau gerakan siasah, apatahlagi gerakan yang menggabungkan antara diniah dan siasah yang tidak memahami cara bermuamalah dengan jiwa manusia, dalam keadaan yang sihat dan diterima, adalah gerakan yang tidak berjaya. Bagi kita, sebagai satu

gerakan yang tanggungjawabnya ialah membersihkan jiwa manusia dan mencari jalan bagaimana dapat bermuamalah dengan jiwa manusia adalah dianggap telah berlaku cuai sekiranya kita mengabaikan perkara ini.

Selain dari itu, setiap bangsa itu mempunyai sifat-sifatnya yang tersendiri sebagai kesan dari alam sekitarnya, sejarahnya, kebudayaan dan kerajaan-kerajaan yang silih berganti memerintahnya. Sekiranya perkara-perkara ini tidak kita ingati benar-benar sewaktu kita bermuamalah dengan bangsa itu kita akan menerima kegagalan yang buruk dalam memimpin bangsa kita. Oleh kerana itulah kita dapati bahawa orang yang paling arif tentang tabiat jiwa manusia ialah Rasulullah saw, para rasul dan diiringi pula oleh para sahabat Rasulullah saw. Makrifat tentang tabiat jiwa manusia ini merupakan sebahagian dari taufik Allah kepada mereka sehingga mereka dapat memimpin. Sesungguhnya dalam kehidupan Rasulullah saw kita dapati dua perkara penting yang sedang kita bicarakan ini:-

Pertama, meyakinkan manusia bahawa segala keperluan asasi dan keinginan mereka akan tercapai dan terlaksana melalui Islam.

Kedua, pentarbiahan saf mestilah mencapai satu tingkat yang paling tinggi dalam sifat-sifat mengutamakan orang lain, mengenepikan kepentingan diri sendiri, membelakangkan kepentingan peribadi demi kepentingan umum. Di saat orang ramai berbicara tentang kepentingan diri dan angan-angan keduniaan yang ingin dicapai setinggi yang mungkin, saf ditarbiahkan supaya menyerahkan segala sesuatu kepada Allah. Seandainya saf, pada saat-saaat yang tertentu, dapat dikuasai oleh angan-angan keduniaan maka sekurang-kurang peringatan yang sepatutnya diberikan ialah peringatan yang boleh mengembalikan saf kepada akhlak-akhlak yang tinggi. Di saat orang awam mengait kekayaan dunia sebanyak-banyaknya, saf jamaah dalam banyak keadaan tidak menikmatinya, tetapi walau bagaimanapun merekalah yang memenangi pertarungan dan merekalah yang mara ke hadapan sebagaimana yang berlaku dalam peperangan Hunain.

Inilah jurang perbezaan yang asasi antara dakwah para ambiya dengan dakwah ahli dunia. Para ambiya menyeru ummat menunaikan kewajipan dan melakukannya terlebih dahulu dari ummat. Mereka memberikan segala hak kepada ummat dan tidak mengambil sesuatu untuk diri mereka kecuali sedikit yang diperlukan sahaja. Para pelupur dakwah duniawi mendakwa yang mereka tidak mementingkan diri sendiri malah mengutamakan kepentingan ummat, tetapi merekalah orang yang paling rakus dan paling sedikit mengingati kepentingan ummah kecuali dalam batas-batas yang mereka perlukan untuk mendapat sokongan ummat.

Setelah semua perkara ini jelas, dapatlah kita katakan bahawa kita mestilah menyatukan seluruh lapisan ummah, baik yang berbeda setatus hidup, kelompok, keluarga, kabilah, handai taulan dan puak-puaknya. Kita mestilah mengkaji apakah manfaat dan kepentingan yang didasarkan kepada Islam yang dapat kita berikan kepada semua lapisan ummah ini. Pada hakikatnya manfaat dan kepentingan ini terlalu banyak. Kita juga mestilah menimbulkan kesedaran mereka terhadap manfaat dan kepentingan ini sehingga ummah merasa puas hati terhadap apa yang kita kemukakan kepada mereka di samping menyakini kemampuan kita menyelesaikan urusan ummah luar dan dalam dengan sungguh-sungguh dan seadil-adilnya. Kita mestilah menyedarkan ummah bahawa dunia ini bukanlah perkampungan yang kekal, malah akhiratlah tempat yang abadi.

Di sudut yang lain pula, kita mestilah mendidik saf supaya ikhlas kepada Allah semata-mata. Saf mestilah juga dididik supaya mempunyai sifat ithar (melupakan kepentingan diri dan mengutamakan kepentingan orang lain) yang tinggi dalam semua perkara. Dalam hal ini kita mestilah mengambil perhatian berat terhadap apa yang dinyatakan dalam sirah Ibnu Hisyam halaman 102 juzuk pertama seperti berikut: "Apabila Abu Talib mengadu dan deritanya sampai ke pengetahuan orang-orang Quraish, mereka pun berkata antara sesama mereka: sesungguhnya Hamzah dan Umar telah memeluk Islam dan urusan Muhammad telah merebak ke seluruh kabilah Quraish. Oleh itu marilah kita pergi menemui Abu Talib supaya beliau dapat mengambil sebarang perjanjian dari anak saudaranya untuk kita dan beliau mengambil perjanjian dari kita untuk anak saudaranya. Demi Allah, kita tidak dapat menyelamatkan harta dari rampasan mereka."

Ibnu Abbas meneruskan riwayatnya dengan mengatakan: "Mereka pun pergi menemui Abu Talib dan berbicara dengannya. Mereka yang menemui Abu Talib adalah merupakan pembesar-pembesar kaumnya yang terdiri dari 'Atabah bin Rabi'ah, Syaibah bin Rabi'ah, Abu Jahal bin Hisyam, Umaiyah bin Khalaf dan Abu Sufian bin Karb.

Mereka pun berkata kepada Abu Talib: "Wahai Abu Talib, sebagaimana yang engkau tahu bahawa engkau adalah dari gulungan kami, engkau telah didatangi oleh orang-orang yang engkau saksikan ini, engkau juga mengetahui kebimbangan kami terhadapmu. Sesungguhnya engkau telah mengetahui apa yang berlaku antara kami dengan anak saudaramu, panggillah beliau, ambillah sebarang perjanjian dari kami untuknya dan ambillah pula sebarang perjanjian darinya untuk kami, supaya dengan itu beliau berhenti dari menyerangnya, beliau membiarkan kami dengan agama kami dan kami membiarkannya dengan agamanya."

Abu Talib pun menghantar utusan kepada Nabi Muhammad saw memintanya datang, lantas Rasulullah pun datanglah dan Abu Talib pun berkata:

"Wahai anak saudaraku, mereka ini terdiri dari pembesar-pembesar kaummu, mereka berhimpun untuk memberikan sesuatu kepadamu dan mengambil sesuatu darimu."

Rasulullah saw pun bersabda: "Ya, kamu berikan kepadaku satu kalimah sahaja, kamu akan memiliki Bangsa Arab seluruhnya dan semua orang-orang yang bukan Arab akan tunduk kepada kamu".

Abu Jahal pun menjawab: "Ya, demi bapamu, malah walau sepuluh kalimah sekalipun."

Rasulullah saw lantas menjawab: "Hendaklah kamu katakan: لا إله إلا الله dan kamu tinggalkan apa yang kamu sembah selain dari Allah".

Lantas mereka pun menepuk tangan dan berkata: "Wahai Muhammad, apakah kamu mahu menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu satu sahaja, sesungguhnya urusanmu ini terlalu ganjil".

Kemudian mereka berkata antara satu sama lain: "Demi Allah, lelaki ini tidak akan memberikan kepadamu apa yang kamu kehendaki, oleh itu teruskanlah mengikut agama datuk nenek kamu sehingga Allah membuat ketentuan antara kamu dengan beliau".

Perhatikan ucapan Rasulullah saw ini: "Kamu akan memiliki Bangsa Arab seluruhnya dan semua orang-orang bukan Arab akan tunduk kepada kamu."

Itulah satu bentuk perbicaraan dengan orang yang di luar saf, dengan bahasa yang mereka faham, bahawa yang terlalu hampir dengan tabiat semulajadi manusia, tetapi adalah benar dan hak.

Dalam kitab Jam'ul-fawaid yang meriwayatkan dari Tarmizi dan Muslim, di bawah tajuk nombor 6652 tercatit riwayat berikut:

"Sewaktu berlaku peperangan Hunain gulungan Hawazin, Ghatfan dan lainnya telah datang bersama dengan anak pinak dan binatang ternakan mereka, dan bersama Rasulullah saw waktu itu terdapat seramai 10,000 orang di samping gulungan At-tulaqa', mereka berpaling tadah meninggalkan Rasulullah saw hinggalah beliau tinggal keseorangan. Rasulullahpun berseru dengan dua seruan yang tidak bercampur aduk dengan seruan lain.

Beliau berpaling ke kanan dan berseru: "Wahai orang-orang Ansar".
Orang-orang Ansar pun menjawab: "Labbaika ya Rasulullah, gembiralah, kami tetap bersamamu."

Kemudian beliau berpaling ke kirinya dan berseru: "Wahai orang-orang Ansar."

Merekapun menjawab: "Labbaika ya Rasulullah, gembiralah, kami tetap bersama-samamu."

Pada waktu itu Rasulullah saw sedang berada di atas seekor baghal putih, beliaupun turun dari baghalnya.

Dalam peperangan ini gulungan musyrikin tewas dan Rasulullah pun membahagi-bahagikan harta rampasan perang kepada orang-orang bukan Ansar. Orang-orang Ansar merasakan sesuatu dalam hati mereka. Saad menyampaikan berita tersebut kepada Rasulullah saw.

Rasulullah saw pun bersabda: "Apakah pendirianmu tentang hal ini wahai Saad?".

Saad menjawab: "Saya tidak lebih dari salah seorang kaum saya."

Rasulullah saw pun menjawab dengan sabdanya: "Kumpulkanlah kaummu di kawasan ini".

Saad pun keluar dan mengumpulkan gulungan Ansar di tempat itu, kemudian beberapa orang muhajirin datang, Saad membiarkan mereka, merekapun terus masuk. Setelah itu beberapa orang lagi gulungan muhajirin datang tetapi Saad menolak mereka.

Setelah orang-orang Ansar berhimpun Saad pun menemui Rasulullah saw dan berkata: "Orang-orang Ansar telah berhimpun untukmu di kawasan ini."

Rasulullah saw pun datang menemui mereka lantas bertahmid dan memuji Allah seterusnya bersabda: "Wahai orang-orang Ansar, desas desus telah sampai kepadaku tentang kamu, satu perasaan yang kamu rasakan dalam hati kamu. Tidakkah aku datang kepada kamu sedang kamu dalam kesesatan, maka Allah memberikan hidayah kepada kamu, kamu berada dalam kemiskinan lantas Allah menkayakan kamu, kamu berada dalam keadaan bermusuhan lantas Allah mempertautkan hati kamu."

Mereka menjawab: "Benar, Allah dan rasulnya lebih sejahtera dan lebih istimewa".

Kemudian Rasulullah saw bersabda lagi: "Wahai orang-orang Ansar, mahukah kamu menyahut seruanku?"

Golongan Ansar menjawab: "Dengan apa kami harus menyahut seruannya ya Rasulullah?, segala anugerah dan limpah kurnia hanya dari Allah dan rasulNya".

Rasulullah pun bersabda: "Demi Allah, jika kamu mahu kamu boleh mengatakan dan kamu akan tetap benar dan dibenarkan... kamu boleh mengatakan: Kami datang kepadamu dalam keadaan mendustakanmu

(tetapi kemudiannya) kami membenarkanmu. Kami datang kepadamu sedang kamu dalam keadaan terhina lantas kami menolongmu, kamu diusir, lantas kami melindungimu, kamu dagang lantas kami membelaimu. Wahai orang-orang Ansar, apakah kamu dapati dalam hati kamu keinginan kepada dunia dan keinginan ini mampu memadukan satu kaum untuk menganut agama Islam dan aku telah menyerahkan kamu kepada keislaman kamu masing-masing. Wahai orang-orang Ansar, tidakkah kamu rela sekiranya orang lain membawa bersama mereka kambing dan unta sedang kamu kembali ke tempat kamu bersama-sama Rasulullah?. Demi Tuhan yang diriku di dalam genggamannya, kalaulah tidak kerana hijrah sudah pasti aku terdiri dari salah seorang Ansar, kalau orang lain akan bersama-sama dengan satu bangsa dan Ansar bersama dengan satu bangsa lain nescaya aku bersama dengan orang-orang Ansar. Ya Allah ya Tuhanku, rahmatilah kaum Ansar, anak-anak mereka dan cucu cicit mereka."

Rawi meneruskan riwayatnya dengan mengatakan: "Kaum (Ansar) pun menangis sehingga membasahkan janggut-janggut mereka sambil berkata: "Kami relai pembahagian yang dibuat oleh Rasulullah". Kemudian Rasulullah saw pun beredar dan mereka pun bersurai".

Perhatikan bagaimana Rasulullah saw berbicara dengan saf, bagaimana beliau memberikan sesuatu kepada mereka yang masih baru dalam saf. Saf telah memberikan segala pengorbanan, tidak ada sesuatu untuk mereka kecuali Allah dan RasulNya. Sewaktu hati dan jiwa saf bertarung dengan tabiat semulajadi manusia mereka terus kembali kepada akhlak-akhlak saf dengan hanya sedikit pemberi ingatan dari Rasulullah saw.

Dalam kitab Hayatus-sahabah halaman 498 juzuk dua terdapat riwayat berikut:

"Ibnu Majah meriwayatkan dari Ibnu Abbas dengan sanad yang sahih bahawa Ibnu Abbas telah berkata: "Umar bin Al-Khattab telah berkata kepadaku: "Aku masuk menemui Rasulullah saw sedang beliau berada di atas tikar, lantas aku duduk, tiba-tiba kulihat pada Rasulullah saw sehelai kain, tidak ada yang lain, tiba-tiba (kulihat) kesan tikar dilambungnya, (kulihat juga) sedikit gandum kadar secupak, daun penyamak kulit di sudut bilik dan kulit yang belum disamak tergantung, air mataku pun mengalir, Rasulullah saw pun bersabda: "Apakah yang menyebabkan kamu menangis wahai Ibnil-Khattab?". Aku pun menjawab: "Wahai Nabi Allah, masakan aku tidak menangis, sedang tikar ini telah meninggalkan kesannya pada tubuhmu dan inilah khazanahmu tiada lain dari apa yang dapat kulihat, sedangkan Kisra dan Kaisar dilingkungi buah-buahan dan sungai-sungai, sedangkan engkau nabi Allah dan pilihannya dan inilah khazanahmu."

Rasulullah saw bersabda:

"Wahai Ibnil-Khattab, tidakkah kamu redza bahawa akhirat itu untuk kita dan dunia ini untuk mereka."

Perhatikan bagaimana kata-kata yang ditujukan kepada saf.

Dari perbincangan yang lalu dapat kita ketahui bahawa perbicaraan dengan ummah mestilah menitikberatkan tentang keperluan-keperluan asasi ummat itu sendiri juga keinginan-keinginannya yang diterima syarak. Tarbiah yang tinggi mestilah juga diberikan kepada saf. Kecuaian dalam perkara-perkara ini adalah merupakan kesalahan yang seharusnya kita jauhi. Semua pelajar mestilah diberitahu bahawa dalam negara kita setiap pelajar yang tidak mampu akan mendapat biaya. Dalam negara kita setiap manusia akan mendapat keperluan asasinya yang terdiri dari tempat tinggal, isteri dan pakaian. Setiap pegawai akan mendapat sesuatu yang mencukupi untuknya. Keadilan dalam pengagihan kekayaan mestilah menyeluruh kepada semua lapisan ummat sehingga dengan itu masyarakat majmuk akan berada dalam serba kecukupan. Manakala saf pula mestilah mendapat tarbiah di sudut-sudut pengorbanan pada jalan Allah, mengenepikan kepentingan diri demi mengutamakan jalan Allah di samping tarbiah yang lainnya.

Kesemua ini tidak dapat dicapai dengan mudah kerana terdapat pertarungan antara kita dengan tabiat semulajadi manusia. Setelah memenangi pertarungan ini barulah semua perkara-perkara tersebut akan sebati dalam diri dan menjadi akhlak yang sejati. Setengah pendidik memisahkan antara satu keadaan dengan kedudukan tertentu kerana keadaan itu berubah-ubah sedangkan kedudukan bersifat tetap. Seseorang tidak akan dapat mencapai satu kedudukan kecuali setelah melalui satu keadaan. Sifat lemah-lembut umpamanya merupakan satu kedudukan yang tidak dapat dicapai oleh seseorang kecuali setelah melakukan mujahadah nafsu dan membimbingnya berbuat demikian. Demikian juga sifat rendah diri terhadap sesama mukmin dan sifat tinggi diri terhadap orang-orang kafir, sifat-sifat jihad, pemurah dan akhlak mulia yang lain. Saf tidak akan berakhlak dengan sifat-sifat ini sekaligus. Supaya sifat ini menjadi lumrah dalam saf, banyak tenaga yang mesti dikorbankan, murakabah yang berterusan mestilah ujud, saling memperingati mestilah dilakukan terus menerus begitu juga pengkajian yang banyak mestilah dibuat. Sekalipun demikian, bolehjadi saf akan menghadapi ujian-ujian sebagai kesan dari sifat-sifat semulajadi manusia, tetapi pimpinan yang bijaksana, dengan hikmat yang dianugerahkan Allah dan dengan izin Allah akan mampu membimbing saf dari satu peringkat ke satu peringkat. Di samping itu adalah menjadi tanggungjawab saf dalam tiap-tiap peringkat berusaha untuk sampai ke kemuncak.

Dari kenyataan ini kita dapat memerhatikan bahawa Rasulullah saw telah mengambil sikap beransur-ansur dalam mempertingkatkan saf dari satu keadaan ke satu keadaan. Di peringkat permulaan Rasulullah saw mendiamkan banyak perkara, tetapi pada peringkat terakhir beliau tidak mendiam dan membiarkan perkara tersebut. Perhatikan sahaja hukumannya ke atas tiga orang sahabat yang tidak turut dalam peperangan di akhir-akhir hayatnya, begitu juga pendiriannya terhadap mereka yang keluar dari saf dalam peperangan Uhud.

Dengan apa yang kita kemukakan ini kita harap bangsa muslim akan dapat ujud melalui:-

— halakat ammah dan khassah

— peringatan yang diberikan kepada semua lapisan ummah yang disampaikan melalui buku-buku dan ceramah-ceramah umum

— dailog yang dilakukan terus menerus untuk menerangkan sesuatu yang dapat diberikan oleh Islam di samping memahamkan golongan bukan Islam agar mereka tidak menaruh kekimbangan terhadap

— memperdalamkan keyakinan terhadap peribadi-peribadi dan jamaah kita bahawa kita memahami seluruh permasalahan ummah luar dan dalam dan kita mampu menyelesaikannya

— memberi tarbiah yang tinggi kepada mereka yang menyahut seruan kita untuk mengujudkan saf yang mampu mempertingkatkan ummah

— memimpin dan menuntun ummah ke jalan yang kita kehendaki dengan mempelbagaikan uslub amal dan cara mempengeruhi

— juga mealui kebijaksanaan mengujudkan berbagai bentuk tanzim yang dapat mempengaruhi semua golongan tanpa kecuali

— kebijaksanaan menjadikan haluan-haluan siasah supaya dapat memberikan manfaat yang lebih banyak untuk Islam

— di samping melakukan siasah dalam negeri terhadap pemimpin-pemimpin siasah supaya lebih banyak menuju ke arah Islam.

Matlamat Keempat:

Sebagaimana yang telah disusun oleh Ustaz Hasan Al-Bana, di antara matlamat kita ialah menegakkan kerajaan Islam di seluruh pelusuk bumi. Di sini kita akan membicarakan permasalahan untuk mencapai kekuasaan dan penubuhan kerajaan Islam.

Dalam risalah-risalahnya Ustaz Hasan Al-Bana telah menyebutkan sesuatu yang menunjukkan bahawa kerajaan Islam bukanlah menjadi matlamat Ikhwan untuk diri mereka sendiri. Sekiranya kerajaan Islam ini ujud maka Ikhwanlah yang akan menjadi balatenteranya dan menjadi penyokong kuat kepada hukum, pemerintah, dan kerajaan Islam tersebut walau di mana dan dalam mana-mana keadaan sekalipun.

Ustaz Hasan Al-Bana telah mengatakan "…..atas dasar ini, Ikhwan Muslimin bukanlah memperjuangkan kerajaan Islam untuk diri mereka sendiri, sekiranya terdapat di kalangan ummat Islam orang yang bersedia untuk memikul tanggungjawab dan menunaikan amanah ini dan melaksanakan hukum-hukum mengikut manhaj Islam maka Ikhwan Musliminlah yang akan menjadi balatentera, penyokong dan pembantunya."

Dengan penekanan kepada pengertian ini segala tohmah yang sengaja dirancang terhadap Ikhwan dengan mengatakan bahawa mereka mengejar dunia dapat ditolak. Matlamat yang sebenar ialah melaksanakan kewajipan yang telah difardzukan Allah ke atas ummah. Sekiranya ada orang yang dapat menunaikan kewajipan ini maka Ikhwan Muslimin akan menjadi penyokong-penyokongnya. Tetapi sekiranya tidak ada orang yang dapat menunaikan kewajipan ini maka Ikhwan tidak mempunyai pilihan lain. Oleh kerana itulah Ustaz Hasan Al-Bana telah mengatakan selanjutnya: "Sekiranya mereka (Ikhwan) tidak mendapati (orang yang sanggup) maka perjuangan menegakkan kerajaan Islam adalah sebahagian dari manhaj Ikhwan. Mereka akan bekerja untuk membebaskan kerajaan dari tangan orang-orang yang tidak melaksanakan perintah-perintah Allah".

Kenyataan telah membuktikan bahawa individu tidak akan mampu melaksanakan keseluruhan Islam dan perlaksanaan Islam tidak dapat diserahkan kecuali kepada orang-orang Islam yang telah menyerahkan kehidupan dunia dan akhirat mereka untuk agama ini. Selain dari itu perkembangan dunia Islam itu sendiri menuntut Ikhwan Muslimin meneruskan perancangan mereka supaya perlaksanaan Islam itu tidak hanya terbatas pada satu-satu daerah tertentu sahaja. Perlaksanaan Islam di daerah setempat memerlukan keujudan Ikhwan. Begitu juga perlaksanaan Islam di seluruh dunia memerlukan keujudan Ikhwan. Wallahu aalam.

Kesemua ini memikulkan tanggungjawab-tanggungjawab khusus kepada ikhwan di samping mereka akan menjaga diri mereka, dengan izin Allah, dari kepentingan-kepentingan dunia untuk diri mereka sendiri, kerana mereka sering membaca firman Allah:-

تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ
وَلَا فَسَادًا وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ

S. 28 : 83

"Kampung akhirat itu kami jadikan untuk orang-orang yang tidak inginkan ketinggian diri dan berbuat kerusakan di (muka) bumi dan kesudahan (yang baik) itu adalah bagi orang-orang yang bertakwa".

Ustaz Al-Bana menjelaskan lagi: "Satu kalimah yang tidak boleh tidak mesti kita perkata dalam masalah ini, iaitu, ikhwan tidak melihat adanya orang yang memikul tanggungjawab ini atau melahirkan kesetiaannya yang sungguh-sungguh untuk menyokong fikrah Islamiah baik dalam kerajaan yang ada, yang telah lalu atau kerajaan-partai-partai lainnya. Ummah mestilah mengetahui keadaan ini dan mereka mestilah menuntut hak-hak Islamiah mereka dari kerajaan dan ikhwan mestilah bekerja....."

Setelah keadaan yang ujud ini jelas kepada kita, dapatlah diketahui bahawa kita tidak ada pilihan lain selain dari terus bekerja supaya Islam dapat tegak di kawasan kita. Tegaknya Islam di kawasan kita ini akan menjadi titik tolak kepada gerakan universal yang dimulai dari titik tolak yang betul dan di akhiri dengan kesudahan yang sejahtera dengan izin Allah. Dari apa yang dapat diperhatikan, jelas bahawa Ustaz Al-Bana berpendapat bahawa pemerintahan Islam tidak akan dapat tegak di atas kekosongan pemikiran atau pentarbiahan ummah. Dalam hubungan ini beliau menyatakan: "Tetapi ikhwan lebih bijak dan tegas (mereka tidak akan) mara memikul tugas kerajaan Islam sedangkan ummat berada dalam keadaan sekarang. Oleh itu pasti ujud satu jangkamasa di mana perinsip-perinsip ikhwan dapat berkembang dan ummat dapat mempelajari bagaimana mereka harus mengutamakan kepentingan umum dari kepentingan diri sendiri."

Dari kata-kata Ustaz Al-Bana ini terdapat pengajaran yang besar pengertiannya bagi mereka yang mengabaikan sudut ini dan menganggap dengan kemaraan beberapa orang sudah cukup untuk merubah ummah dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain, dan Islam pun dapat tegak dengan sempurna, sedangkan tapak tempat mereka berpijak adalah kosong. Oleh kerana itulah, sewaktu membicarakan masalah wasilah Ustaz Al-Bana telah mengatakan: "Kekuatan juga bukanlah

wasilah, kerana dakwah hak hanya akan berbicara dengan ruh, berbisik dengan hati dan mengetuk pintu hati yang terkunci. Adalah mustahil dakwah ini akan tegak dengan tongkat, atau akan mencapainya melalui bibir, lidah dan liur, tetapi wasilah sebenar dalam merancap dakwah dan kesetabilannya dapat diketahui oleh mereka yang mendalami sejarah jemaah-jemaah. Wasilah tersebut dapat disimpulkan dalam dua untaikata: iman dan amal, kasih sayang dan persaudaraan" seperti yang

akan kita ketahui nanti, daulah islamiah tidak akan dapat tegak kecuali di atas asas taarif dan takwim. Setelah kita dapat mempertautkan seluruh ummat melalui halakat ammah dan khassah, buku-buku dan majallah, dan setelah ujud jenerasi yang mampu menegakkan daulah islamiah, pada ketika itulah kita akan sampai kepada matlamat, menegakkan kalimah Allah.

Boleh jadi ada di kalangan kita yang beranggapan daulah Islamiah akan dapat didirikan melalui satu atau beberapa kumpulan. Anggapan ini masih boleh dipertikaikan. Keinginan bekerja untuk Islam mestilah tegak berdasarkan kepada beberapa nilai tertentu. Oleh kerana sesuatu, Ustaz Al-Bana telah mengemukakan jawapan kepada soalan berikut: "Bilakah perancanaan kita berada dalam peringkat perlaksanaan?"

Dalam jawapannya Ustaz Al-Bana mengatakan: "Medan kata-kata lain dari medan khayal, medan amal lain dari medan kata-kata, medan jihad lain dari medan amal, medan jihad yang hak lain dari medan jihad yang salah. Banyak orang boleh berkhayal tetapi bukan semua khayalan yang terlintas dalam benak manusia mampu digambarkan dengan perkataan. Banyak orang boleh berkata tapi sedikit sekali mereka yang tetap pendirian dalam beramal, kebanyakan dari kalangan yang sedikit ini mampu beramal, tetapi sedikit sekali mereka yang sanggup memikul tanggungjawab jihad yang berat dan kerja yang kasar. Golongan mujahiddin ini adalah merupakan segelintir yang terpilih dari golongan penyokong-penyokong. Para mujahidin yang sedikit ini mungkin akan tersalah jalan dan tidak mencapai matlamat sekiranya mereka tidak diselamatkan oleh inayah Allah. Kesah Talut menjadi bukti kepada apa yang saya katakan ini."

Ustaz Al-Bana merupakan salah seorang dari mereka yang bercakap tentang fiqhud-dakwah Islamiah di zaman modern ini. Beliaulah yang telah menggariskan jalan yang betul untuk menegakkan sebuah kerajaan Islam. Beliau telah menunjukkan jalan yang boleh menyampaikan kepada penubuhan sebuah kerajaan Islam. Beliau telah memberi amaran kepada golongan yang ingin cepat dan merangsang golongan yang mendiamkan diri. Di antara kata-katanya: "Sesungguhnya jalan yang kamu ikuti ini telah digariskan langkah-langkahnya dan telah diletakkan batas-batasnya. Saya tidak akan mencanggahi batas-batas yang telah

benar-benar saya yakini sebagai satu jalan yang boleh menyampaikan kepada matlamat. Memang boleh jadi jalan ini satu jalan yang panjang, tetapi tidak ada jalan lain. Sesungguhnya kelelakian itu akan timbul dengan kesabaran, ketabahan dan amal yang yang berterusan. Sesiapa di kalangan kamu yang ingin bersegera memetik buah sebelum sampai masa masaknya atau ingin bersegera memetik bunga sebelum sampai masanya saya tidak akan bersama mereka dalam semua hal, adalah lebih baik bagi beliau meninggalkan dakwah ini dan menggabungkan diri ke dalam dakwah-dakwah lain. Siapa yang sanggup bersabar bersama saya sehingga berbuah dan sampai masa memetiknya maka ganjaran kesabaran itu ada di sisi Allah. Kita tidak akan terlepas ganjaran Allah bagi mereka yang berbuat kebajikan, sama ada mendapat kemenangan dan kekuasaan atau syahid dan kebahagiaan."

Jalan yang telah digariskan langkah-langkahnya dan diletakkan batas-batasnya ini akan anda dapati di dalam risalah-risalah dan muzakkirat Ustaz Al-Bana. Boleh juga anda dapati dari melalui pembinaan amali yang telah dilakukannya sebagaimana yang anda ketahui melalui penelitian anda. Anda akan mendapat sebahagian besar dari sudut-sudut jalan yang digariskan oleh Ustaz Al-Bana ini telah hilang, sungguhpun demikian setengah pemimpin-pemimpin mengakui kejumudan dan kebekuannya berbanding dengan kata-kata Ustaz Al-Bana yang telah kita pindahkan di sini. Oleh yang demikian kita mestilah mengikuti sepenuhnya jalan yang telah digariskan oleh Ustaz Al-Bana. Di waktu itu kita akan mengatakan kepada mereka yang ingin cepat:

.....perlahan-lahanlah..... namun untuk kita mengabaikan taarif, takwin, taafiz dan mengabaikan semuanya, lantas mengatakan kepada ikhwan: Berhentilah! Tidak samasekali, kerana itu bererti maut. Kita ummat Islam dihukum oleh sunnah alam, sama seperti orang lain, walaupun demikian, sekiranya kita bertakwa kepada Allah, Allah akan memberikan inayah, rahmat dan bantuan yang khusus untuk kita. Al-Akh yang melupakan sunnah alam kita ingatkan bahawa beliau tidak (boleh hidup) tanpa bernafas dan makan, ini menunjukkan yang beliau tunduk di bawah undang-undang alam. Oleh yang demikian kita mesti mengetahui undang-undang alam mengikut jalan yang dapat menggunakannya. Ustaz Al Bana telah mengatakan "kekanglah semangat yang meluap dengan pandangan akal, sinarilah cahaya akal dengan luapan semangat, pandulah khayalan dengan kebenaran kenyataan yang ujud. Terokalah hakikat dalam sinar khayalan yang mengghairahkan dan janganlah kamu menyimpang, kelak kamu membiarkannya terapung-apung. Janganlah kamu melanggar undang-undang alam kerana ia akan tetap menang, tetapi hendaklah kamu menguasainya, gunakan undang-undang alam dan ubahlah urusnya, gunakan sebahagian darinya untuk menguasai sebahagian yang lain. Setelah itu tunggulah saat-saat kemenangan itu tidak jauh dari kamu".

Kita mestilah menghidupkan keseluruhan jalan yang telah digariskan oleh Ustaz Al-Bana, kerana jalan inilah satu-satunya yang dapat memenuhkan kekosongan jiwa Islamiah dan kekosongan amal Islami. Inilah sahaja satu-satunya jalan yang dapat menyampaikan kepada matlamat. Ustaz Al-Bana telah mengatakan: "Dan pengalaman masa lampau dan masakini telah membuktikan bahawa tidak ada kebaikan kecuali pada jalan kamu ini, tidak ada penghasilan kecuali pada kerja-kerja yang kamu lakukan, oleh itu janganlah kamu perjudikan tenaga kamu dan janganlah kamu perjudikan lambang kejayaan kamu, dan bekerjalah."

Kebanyakkan orang beranggapan bahawa ikhwan muslimin menganggap penggunaan senjata adalah cara yang diutamakan untuk mencapai matlamat penubuhan kerajaan. Anggapan ini adalah salah, kerana Ustaz Al-Bana dalam satu ibarat yang jelas mengatakan "ikhwan muslimin akan menggunakan kekuatan di saat cara lain tidak membawa faedah lagi". Jalan yang diutamakan oleh ikhwan muslimin untuk sampai kepada pemerintahan Islam ialah jalan yang bukan menggunakan kekuatan. Ustaz Hasan Al-Hudzaibi telah menuntut kerajaan berparlimen di mahkamah-mahkamah dalam tahun 1954 dan Ustaz Al-Bana sendiri telah mencalunkan dirinya untuk menjadi anggota parlimen di awal-awal tahun empatpuluhan. Oleh itu jalan yang kita utamakan untuk mencapai pemerintahan ialah dengan memberikan kebebasan dakwah, amal dan tarbiah. Ummah mestilah diberikan peluang untuk menyatakan pendapat mereka dalam memilih wakil-wakil mereka.

Tetapi apakah lagi yang dapat dilakukan sekiranya pemerintahan memerangi Islam, menghalang orang-orang Islam dari memperjuangkan Islamnya, menghalang antara Islam dari kemenangannya sedangkan di waktu yang sama mereka membuka jalan seluas-luasnya kepada seruan-seruan sesat?

Pendirian ikhwan muslimin dalam masalah ini amat jelas dan adil. Allah telah mentaklifkan Islam kepada kita dan penghuni alam seluruhnya. Kita adalah bertanggungjawab terhadap taklif ini. Siapa saja yang melaksanakan Islam maka kitalah yang akan jadi tentera dan penyokongnya. Siapa yang tidak melaksanakan Islam beliau mestilah memberikan kebebasan kepada Islam dan penganutnya, mereka mestilah diberikan kebebasan bekerja dan kebebasan untuk mencapai matlamat melalui perwakilan dalam parliman yang diiktiraf oleh dunia sebagai satu jalan yang diterima undang-undang. Sekiranya ini tidak berlaku maka ikhwan adalah berhak untuk memilih jalan lain. Atas asas inilah fikrah ikhwan muslimin dan fikiran Ustaz Al-Bana harus difahami: Atas dasar bahawa kita umat Islam telah ditakrifkan supaya mempunyai jasad yang kuat dan latihan kita mestilah berada di satu tingkat yang tinggi.

Ustaz Al-Bana menolak perinsip rivolusi sebagai satu jalan untuk mencapai pemerintahan, dan menjulang selogan menggunakan kekuatan sebagai gantinya. Perbedaan antara rivolusi dan penggunaan kekuatan, wallahuaalam, ialah: rivolusi - dilakukan dengan membabibuta dan kebuasan, sedang penggunaan kekuatan menurut Islam tidak akan dilakukan kecuali dengan penuh kesedaran dan akal yang sempurna. Rivolusi akan disertai kezaliman sedang penggunaan kekuatan menurut Islam akan dihukum oleh keadilan. Rivolusi boleh jadi tidak mengindahkan akibatnya sedang pengunaan kekuatan menurut Islam mengutamakan melihat akibat. Rivolusi membentuk semangat penuh dendam kesumat sedang penggunaan kekuatan menurut Islam penuh dengan pandangan rahmat. Dalam hubungan ini Ustaz Al-Bana telah mengatakan:

"Ikhwan muslimin akan menggunakan kekuatan secara praktik apabila cara lain tidak membawa faedah lagi dan apabila mereka menyakini yang mereka telah menyempurnakan persediaan iman dan perpaduan. Sewaktu mereka menggunakan kekuatan ini, mereka bersikap mulia dan berterus terang. Pada permulaannya mereka akan memberikan amaran dan menunggu, kemudian mereka akan bangun dengan penuh kemuliaan dan keagungan. Mereka akan menanggung risiko dari pendirian mereka ini dengan penuh rela dan senang hati. Ikhwan tidak akan memikirkan rivolusi, tidak akan bergantung kepadanya dan tidak mengimani manafaat dan hasilnya, sekalipun mereka sentiasa berterus terang bahawa sekiranya keadaan terus berlaku seperti yang ada sekarang, dan pemerintah tidak berfikir untuk melakukan islah secepat mungkin dan tidak membuat penyelesaian yang segera terhadap permasalahan ini, keadaan ini akan membawa kepada rivolusi yang bukan dari perbuatan ikhwan dan bukan dari dakwah mereka."

Rivolusi telah berlaku di Mesir dan ikhwan telah menderita lebih dari derita yang dialami orang lain. Marilah kita perhatikan perkataan Ustaz Al-Bana. "Mereka akan menggunakan kekuatan secara praktik setelah cara lain tidak memberi faedah lagi". Dari ras ini dapat difahami bahawa sekiranya kita boleh mencapai penubuhan kerajaan Islam dengan cara yang tidak menggunakan kekuatan, maka jalan itulah yang diutamakan.

Dari perkataan-perkataan Ustaz Al-Bana dapat difahami bahawa ikhwan muslimin akan menggunakan kekuatan setelah mereka berfikir panjang, menilai akibat dan menyelami semua perkara secara mendalam. Dalam hubungan ini Ustaz Al-Bana mengatakan: "Tetapi ikhwan muslimin mempunyai fikiran yang lebih dalam dan pandangan yang lebih jauh dari dipengaruhi oleh kerja-kerja dan fikiran yang dangkal, sehingga (dengan kadangkala fikiran ini) mereka tidak

menyelami permasalahan sedalam-dalamnya, tidak menilai akibatnya dan tidak melihat apa yang dikehendaki dari perbuatan itu. Mereka mengetahui bahawa peringkat pertama di peringkat-peringkat kekuatan ialah kekuatan iman dan akidah, kemudian diikuti oleh kekuatan perpaduan dan ikatan seterusnya diikuti pula oleh kekuatan tenaga dan senjata. Sebuah jamaah tidak boleh dianggap kuat kecuali setelah dilengkapi dengan nilai-nilai ini, sekiranya jamaah masih dalam kucarkacir, sistem yang kacau bilau, akidah yang lemah dan iman yang pudar, maka hasil yang akan diterima ialah kehancuran. Ini ditinjau dari satu sudut.

Dari sudut yang lain pula, sekalipun kekuatan itu menjadi lambang Islam, apakah Islam mewasiatkan supaya menggunakan kekuatan dalam semua keadaan, atau Islam telah menentukan batas penggunaannya? Tidakkah Islam telah menentukan syarat-syarat penggunaannya, dan menentukan arah tertentu dalam menggunakan kekuatan?

Ditinjau dari sudut yang lain pula, apakah kekuatan itu sebagai penyelesaian pertama atau penyelesaian yang terakhir adalah api.

Apakah manusia wajib membuat penilaian antara hasil penggunaan kekuatan yang bermanfaat dan hasil penggunaan yang membawa bencana. Tidakkah mereka wajib membuat penilaian terhadap suasana yang melingkungi penggunaan kekuatan itu, ataukah manusia mesti menggunakan kekuatan biar apa pun yang berlaku setelah itu.

Pandangan-pandangan inilah yang dibentangkan oleh ikhwan muslimin dalam menggunakan cara kekuatan sebelum mereka menggunakannya. Rivolusi merupakan kekuatan yang paling ganas, oleh yang demikian Islam melihatnya dengan pandangan yang paling teliti dan mendalam, terutama dalam sebuah negara seperti Mesir yang telah mengalami habuannya dalam rivolusi, Mesir tidak mendapat sesuatu di sebalik rivolusi ini kecuali apa yang anda telah ketahui.

Setelah mengemukakan pandangan andaian-andaian ini saya akan berkata kepada mereka yang sentiasa tertanya-tanya: "Ikhwan muslimin akan menggunakan kekuatan amaliah apabila cara lain tidak memberi faedah lagi. Mereka akan menggunakan kekuatan setelah mereka yakin yang mereka telah menyempurnakan persediaan iman dan perpaduan. Sewaktu menggunakan kekuatan ini mereka akan bersikap mulia dan terusterang, pada mulanya mereka akan memberi amaran, kemudian mereka akan menunggu, setelah itu mereka akan menggunakannya dengan penuh kemuliaan dan ketinggian. Mereka akan memikul segala akibat dari pendirian mereka ini dengan penuh rela dan senang hati".

Tentang rivolusi pula, ikhwan tidak akan memikirkannya, tidak bergantung dan tidak mengimani manfaat dan hasilnya, sekalipun mereka berterusterang dengan kerajaan' di Mesir bahawa, sekiranya keadaan berterusan sebagaimana yang ada sekarang, dan pemerintah tidak berfikir untuk melakukan islah dan penyelesaian yang segera terhadap musykilah-musykilah ini, maka keadaan ini sudah pasti akan membawakan kepada rivolusi yang bukan dari perbuatan ikhwan muslimin dan bukan dari dakwah mereka. Tetapi, oleh kerana tekanan suasana sekitar, tuntutan-tuntutan keadaan dan kecuaian pihak yang berkewajipan melakukan islah, maka musykilah yang semakin kusut dan merebak dari masa ke semasa ini akan menjadi amaran kepada pihak yang berkewajipan, oleh itu mereka mestilah segera bertindak''.

Ustaz Hasan Al-Bana mengutamakan kekuatan akidah, iman, perpaduan dan ikatan dari kekuatan yang lain.

Dalam hubungan ini beliau telah mengatakan: "Mereka, yakni ikhwan, mengetahui bahawa tingkat kekuatan yang pertama ialah kekuatan iman dan akidah, kemudian kekuatan perpaduan dan ikatan seterusnya diiringi pula dengan kekuatan....." Oleh itu marilah kita bicarakan kedua-dua masalah ini:-

Masalah Pertama: Kekuatan akidah dan iman:

Kayu ukur bagi kekuatan iman dan akidah ialah keadaan Rasulullah saw dan para sahabatnya, begitu juga yang menjadi kayu ukur kepada kesempurnaan akidah ialah situasi yang dihayati oleh Rasulullah saw dan para sahabatnya. Kita mestilah menyelesaikan kedua-dua permasalahan ini dengan sempurnanya, supaya dengan itu titik bertolak telah benar-benar terlaksana dalam diri dan konsep kita.

Permasalahan akidah dan iman dalam kehidupan para sahabat Rasulullah saw merupakan masalah yang memenuhi hati, akal, pendengaran dan penglihatan, sedangkan hari ini permasalahan ini dianggap sampingan oleh kebanyakan orang. Kalau dulunya permasalahan ini menjadi pokok yang darinya terbit perkara-perkara lain sebagai cabang, tetapi kini perkara-perkara lain telah menjadi pokok dan permasalahan akidah dan iman telah menjadi cabang semata-mata. Tidak syak lagi tenaga yang seharusnya dikorbankan untuk meningkatkan nilai-nilai akidah dan iman di hari ini terlalu besar. Ia memerlukan pimpinan manhaj yang sempurna, alam sekitar yang sihat, perbagai suasana yang saling menyempurnakan antara satu sama lain, supaya dengan itu akidah akan kekal sebagai satu kesedaran yang hidup, mempunyai kesan yang tinggi dalam jiwa dan menjadi daya tolak yang kuat menuju akhirat.

Halakat Quraan, sunnah dan fekah, halakat zikir yang maasur, suasana ibadah, suasana amal saleh yang dilakukan bersama, pengkajian yang merangkumi semua bidang, pendidik yang bijaksana dan saleh, persahabatan yang baik, hubungan yang berterusan dengan Al-Quraan dan sirah, berbagai wirid khusus untuk al-akh, wirid muhasabah dan istighfar, wirid salawat kepada Rasul saw, wirid tauhid, wirid Qurani, wirid qiamul-lail dan solat duha, wirid salawat yang disertakan dengan solat, wirid ilmu, wirid amar maaruf nahi munkar, nasihat dan dakwah kepada jalan Allah, kesemua ini tidak boleh tidak mestilah dilakukan untuk memarakkan cahaya akidah dan iman dalam hati supaya hati sentiasa hidup. Kesemua ini dilakukan setelah al-akh mencapai jiwa yang hidup setelah mengenal Allah dengan mengikuti jalan untuk tujuan tersebut dalam proses perawatan hati menurut cara Al-Quraan yang dilakukannya.

Sekiranya kita, ikhwan muslimin, tidak berada dalam jiwa yang hidup dengan mengenal Allah, dan tidak mampu memindahkan jiwa yang hidup ini kepada ummat melalui Al-Quraan dan memperkenalkan Allah dengan cara yang hidup, berarti kita bukan lagi mengikut jalan Ustaz Al-Bana. Dalam hubungan ini Ustaz Al-Bana telah mengatakan: "Kamu adalah roh baru yang mengalir dalam hati umat ini sehingga dapat menghidupkannya dengan Al-Quraan. Kamu adalah sinar baru yang memancar dan dapat menghancurkan kegelapan material dengan makrifah kepada Allah. Kamu adalah suara yang bergema kuat mengulangi dakwah Rasulullah saw iaitu dakwah Islam".

Mari kita amati kalimah-kalimah Ustaz Al-Bana ini, kita berikan tempat yang sewajarnya kepada halakat-halakat Quraani, mari kita perkenalkan Allah kepada manusia melalui akal, perasaan dan pandangan matahati. Mari kita sampaikan dakwah Rasulullah saw kepada manusia, kerana dalam dakwah itu terdapat sesuatu yang memberi kehidupan kepada kita dan ummat. Amatilah, sesungguhnya iman yang lahir dari perasaan dan pandangan matahati itu tetap akan menjadi matlamat yang utama bagi tarbiah Islamiah, kita perhatikan juga bahawa memindahkan muslim dari iman yang menjadi kebiasaan umum kepada iman yang tumbuh melalui akal, kemudian memindahkannya dari iman yang bersifat akli kepada iman yang bersifat rasa dan pandangan matahati akan menjadi bukti kepada kebijaksanaan kita menggunakan cara-cara tarbiah Islamiah yang tinggi. Kita telah melihat dalam risalah ini dan risalah-risalah lainnya pembicaraan yang memperingatkan bahawa ilmu yang pertama diangkat dari muka bumi ialah "khusyu'". Sebagai gerakan takdir, sekiranya kita tidak menghidupkan semua ilmu-ilmu Islamiah, yang di antara lain ialah khusyu', dan khusyu' itu pula merupakan sebahagian dari ilmu memperbaiki hati, ini bererti kita telah mencuaikan peranan kita sebagai mujaddid kepaduan

Islam yang telah berkecai. Kesemua ini berhubung rapat dengan kekuatan akidah dan iman.

Setelah keadaan ini jelas kepada kita, kita mestilah ingat bahawa di antara kekuatan akidah dan iman yang dirangkumi oleh kata-kata Ustaz Al-Bana ialah kekuatan keyakinan terhadap fikrah jamaah, fahamannya, pengasasnya, pimpinannya yang bijaksana, perjalanannya juga cara dan pandangan-pandangannya tentang amal jama'i masakini. Selagi semangat al-akh terhadap dakwah dan jamaahnya tidak mencapai tingkat semangat para sahabat Rasulullah saw, atau sekurangnya dapat menghampiri semangat para sahabat, maka keadaan ini tidak akan mendatangkan hasil. Kita mestilah bertolak dari semangat yang sama dengan semangat para sahabat Rasulullah saw dalam menegakkan kalimah Allah, dengan tidak melihat kepada kerelaan dan kebencian orang. Inilah perkara utama yang dimaksudkan oleh firman Allah:

يُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَائِمٍ

"Yang berjihad di jalan Allah dan yang tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela." S.5:54

Sekiranya kita gagal mencapai semangat yang seperti ini kita adalah mandul dan gerakan kita juga adalah gerakan yang mandul. Sekiranya keadaan ini tidak mencapai kesempurnaannya dari pihak atasan hingga ke pihak bawahan kita tidak dapat melakukan sesuatu apa pun. Kebanyakkan saudara-saudara kita meminta agar saudara-saudara mereka beradab dengan adab-adab orang yang menuntut ilmu terhadap gurunya, sedangkan ilmu itu sendiri tidak pernah ujud. Mereka dituntut supaya beradab dengan adab-adab orang yang dididik terhadap pendidiknya, sedang pendidik yang layak dan berkeahlian itu sendiri tidak pernah ujud. Mereka dituntut supaya beradab dengan adab-adab seorang pahlawan terhadap pimpinannya, sedang pimpinan yang mempunyai kelayakan dan keahlian itu sendiri tidak pernah ujud. Dalam kesemua keadaan ini pihak atasan tidak akan dapat mencapai sebarang hasil, kecuali sikap pandang rendah dan tidak percaya dari golongan bawahan, dan golongan atasan tidak mengemukakan sesuatu kecuali menuntut hak semata-mata. Jamaah yang golongan atasan dan bawahannya berada dalam keadaan seperti ini tidak akan dapat menempuh kejayaan.

Dengan ini jelaslah bahawa permasalahan kekuatan akidah dan iman adalah merupakan masalah yang saling taut menaut dan mempunyai tuntutan-tuntutan. Jamaah mestilah memberikah hak-hak tersebut. Hak yang dimaksudkan di sini ialah perkara-perkara yang telah disebutkan dalam manhaj dan pengkajian-pengkajian kita sebagai ikhwan muslimin. Kita mestilah mengikuti perkara-perkara tersebut dan kita

semestinya mengutamakan tenaga kita sesempurnanya untuk melaksanakan perkara-perkara itu. Kita tidak seharusnya mengabaikan sebarang bentuk fikrah yang baik. Kita tidak sepatutnya memandang rendah terhadap diri dan saudara kita. Jangan kita biarkan orang lain berada dalam mimpi untuk mencapai darjat as-siddiqin, syuhada dan salihin, malah kita mestilah melakukan peringatan sehingga golongan salihin, syahid dan siddiqin ujud dalam saf kita. Di saat itulah sahaja saf kita telah mencapai kekuatan akidah yang menjadi haknya, atau paling kurang telah dapat dicalunkan untuk menerima hak tersebut.

Masalah Kedua: Kekuatan perpaduan dan ikatan

Perpaduan ummat Islam sejagat merupakan salah satu kewajipan yang telah difardukan Allah, di samping perpaduan mereka di tiap-tiap kawasan tertentu. Adalah menjadi kenyataan bahawa umat Islam di semua kawasan mestilah berada dalam satu perpaduan di bawah satu pimpinan di dalam satu front. Kesemua ini tidak akan berlaku kecuali dengan adanya beberapa perkara, dan dalam siri ini kita telah dapat melihat bahawa fikrah yang dikemukakan oleh Ustaz Al-Bana adalah satu-satunya fikrah yang boleh dijadikan sebagai titik pertemuan bagi seluruh ummat muslimin yang insaf. Fikrah inilah sahaja yang dapat disepakati oleh ummat Islam yang ikhlas. Sekiranya berlaku sebarang kecacatan dalam menerangkan fikrah ini, atau sekiranya berlaku sebarang kecuaian dalam sudut-sudutnya tertentu, maka pengikut-pengikut Ustaz Al-Bana tidak akan mampu menyatukan ummat Islam. Dalam siri ini jua kita lihat bahawa jamaah yang dibina oleh Ustaz Al-Bana adalah merupakan satu-satunya jamaah yang layak dicalunkan untuk membebaskan ummat Islam dari penyakit-penyakit mereka. Sekiranya jamaah ini gagal mengujudkan contoh yang sihat pada individu-individunya, dan gagal mengujudkan suasana yang sihat dalam sekitarnya, ia adalah jamaah yang lemah untuk melakukan sesuatu terhadap ummat Islam. Jamaah ini tidak akan mampu menyatukan ummat Islam kecuali setelah dapat menarik kepercayaan ummat Islam terhadap fikrah, pendokong, institusi, pendirian-pendirian ilmiah dan teorinya. Jamaah ini juga tidak akan dapat menyatukan ummat Islam kecuali setelah dapat membentuk satu kekuatan yang besar di mana setiap orang yang bekerja dalam arina Islam, paling kurang, akan merasakan keujudan kekuatan tersebut di mana-mana saja. Jamaah ini juga tidak akan dapat menyatukan ummat Islam kecuali setelah satu tingkat perpaduan dan ikatan yang paling tinggi ujud dalam jamaah, dengan perpaduan dan ikatan ini jamaah dapat mengatasi anasir-anasir yang akan membawa kepada perpecahan dan perselisihan. Oleh yang demikian, ujudnya satu binaan yang sejahtera adalah menjadi titik permulaan kepada usaha-usaha untuk menyatukan ummat Islam dalam tiap-tiap kawasan tertentu, kemudian seterusnya usaha-usaha untuk menyatukan ummat Islam sejagat.

Perpaduan jamaah tidak akan terlaksana kecuali setelah ujudnya hubungan rapat antara golongan saf bawahan dengan golongan saf atasan, juga kepercayaan saf atasan. Selagi saf mujahidin, ansar/penyokong, dan orang ramai tidak menaruh kepercayaan kepada nukaba, selagi saf nukaba tidak menaruh kepercayaan kepada saf nuwab dan berhubung irat dengan mereka, selagi saf nuwab tidak menaruh kepercayaan kepada majlis syura dan qiadah tanfiziah, dan selagi qiadah tanfiziah tidak benar-benar menaruh kepercayaan kepada orang yang di atas mereka, maka kesatuan dan perpaduan jamaah tidak akan ujud. Selagi ikatan antara semua gulungan ini dan jentera jamaah lainnya tidak berada dalam satu ikatan yang sungguh-sungguh kuat, maka perpaduan jamaah tidak akan berada dalam satu tingkat perpaduan yang sungguh-sungguh, dan seterusnya kekuatan perpaduan dan ikatan turut tidak ujud, ini akan mengakibatkan jamaah tidak layak dicalunkan untuk melaksanakan matlamat. Kesemua ini tidak akan terlaksana kecuali setelah ujudnya kaedah-kaedah yang betul dalam tanzim, tarbiah dan memberikan sifat-sifat tertentu sejajar dengan manhaj dan ciri-ciri khusus. Dalam pembahasan akan datang kita akan membincangkan tajuk ciri-ciri khusus.

Sekiranya jamaah yang telah menyempurnakan kekuatan akidah dan iman, kekuatan perpaduan dan ikatan ini mendapati ada orang yang melaksanakan Islam, maka merekalah yang akan menjadi tentera dan penyokongnya. Tetapi sekiranya mereka mendapati tidak ada orang yang bertindak melaksanakan Islam, maka mereka akan berusaha mencari wasilah yang paling baik untuk menegakkan pemerintahan Islam. Wasilah yang paling utama bagi jamaah ini ialah melaksanakan Islam melalui jalan yang damai dan sejahtera. Sekiranya perlaksanaan Islam ini mendapat halangan, maka syariat Islam telah mewajibkan ke atas ummat Islam memikirkan wasilah-wasilah lain untuk menegakkan hukum Allah, di antara wasilah-wasilah itu ialah menggunakan kekuatan. Dalam hubungan ini Rasulullah saw telah bersabda:

الا ان تروا كفرا بواحا

"Kecuali kamu melihat kekafiran yang bermaharajalela" Apabila terdapat kekufuran yang bermaharajalela, maka Allah telah mengizinkan kita berperang.

Matlamat Kelima:

Matlamat kita yang kelima sebagaimana yang telah disenaraikan oleh Ustaz al-Bana ialah daulah Islamiah an-nuat/negara bibit. Dalam penjelasan Ustaz Al-Bana daulah ini disebut sebagai: "Daulah yang memimpin daulah-daulah Islamiah, menggabungkan semua ummat Islam, mengembalikan keagungan mereka, mengembalikan tanahair

mereka yang telah hilang, walau mereka yang telah dirompak dan negeri mereka yang telah dirampas''.

Wasilah-wasilah yang sesuai untuk mengembalikan keadaan-keadaan tersebut ialah tegaknya sebuah daulah Islamiah yang besar, mempunyai daya yang positif di bidang-bidang siasah, ekonomi dan teknik. Daya yang positif ini mestilah merangkumi satu era yang luas, samada berlaku dalam satu daulah yang luas daerah kekuasaannya atau hanya terbatas pada negara berkenaan sahaja. Namun demikian kita berusaha agar tiap-tiap negara yang telah dimenangi oleh gerakan Islam dapat melaksanakan wasilah-wasilah tersebut. Supaya dengan itu daulah an-nuat ini dapat memikul tugas-tugas yang telah dinyatakan oleh Ustaz Al-Bana yang di antara lain ialah menyatukan umat-Islam sejagat di bawah naungan sebuah daulah Islamiah, sehingga setiap muslim yang berada di seluruh pelusuk alam akan merasakan bahawa daulah Islamiah yang dinyata di atas tadi adalah negaranya yang ditaati, dan merasakan bahawa daulah tersebut berkewajipan melindungi dan memeliharanya walau di mana sahaja beliau berada.

Wasilah dapat kita lakukan dalam usaha menwujudkan sebuah negara an-nuat ialah dengan kerja-kerja yang di satu dan diselaraskan sejak dari awal-awal lagi di bawah satu pucuk pimpinan. Oleh kerana itulah dakwah yang tunggal, tanzim yang tunggal, perancanaan bersama, tarbiah yang sama dan perancanaan semasa adalah merupakan titik permulaan yang betul dan dianggap sebagai wasilah yang menjadi pegangan untuk mencapai apa yang dikatakan daulah an-nuat.

Matlamat Keenam

Matlamat kita yang keenam ialah menegakkan sebuah daulah Islamiah yang tunggal. Dengan kata lain, tegaknya sebuah kerajaan bersekutu yang dianggotai oleh semua negara-negara Islam yang tunduk di bawah satu pucuk pimpinan pusat, dan diketuai oleh seorang imam bagi semua ummat Islam yang berfungsi sebagai khalifah Rasulullah dalam memimpin dan membimbing ummat Islam.

Wasilah yang kita gunakan untuk mencapai matlamat ini ialah dengan mengikuti formula-formula yang betul yang dimulakan dengan ujudnya kaedah-kaedah yang sesuai. Kaedah-kaedah ini akan menjadi titik tolak kepada kemaraan Islam di semua daerah Islam yang pada akhirnya akan mencapai matlamat yang besar ini.

Matlamat Ketujuh

Matlamat kita yang ketujuh ialah menegakkan daulah Islamiah alamiah yang menaungi semua bangsa di dunia. Cara yang kita gunakan untuk mengujudkan naungan yang menyeluruh ini ialah dengan menegakkan sebuah daulah Islamiah alamiah dan seterusnya bekerja dengan terus menerus dengan menggunakan jentera yang sesuai dan layak untuk mempastikan bahawa dunia menerima dakwah Allah. Ini akan berlaku dengan izin Allah. Ia bukanlah merupakan impian, malah satu hakikat. Rasulullah saw telah membawa kabar gembira ini kepada kita.

Cukup sekadar ini sahaja kerana tajuk perbicaraan ini amat luas untuk diperbincangkan, malah ianya merupakan satu topik yang menghadapi pembaharuan yang memerlukan kajian dan perbincangan. Jamaah mestilah meneruskan lagi kajian-kajian tentang topik ini dan mengeluarkan keputusan-keputusan yang sesuai dengan keadaan yang dihadapinya di peringkat antara bangsa secara umum dan di daerah-daerah tertentu secara khusus. Jamaah mestilah meletakkan pengalaman kawasan-kawasan tertentu, institusi tertentu dan semua kegiatan-kegiatan Islamiah untuk faedah semua. Jamaah tidak seharusnya membekukan sebahagian dari keadaan-keadaan ini dengan membuat hukuman-hukuman umum yang beku. Jamaah juga tidak seharusnya membiarkan sebahagian dari keadaan ini bertolak dalam satu jalan yang tidak mengindahkan keperluan ummat Islam secara umum.

BAB KEENAM

PERINGKAT-PERINGKAT DAKWAH

Bab ini juga merupakan intipati dari syarah Risalah taalim, kerana Ustaz Al-Bana telah berbicara tentang peringkat-peringkat dakwah dalam Risalah Taalim sewaktu membicarakan rukun baiah iaitu taat. Oleh kerana tajuk ini merupakan satu tajuk yang membentuk satu teori asas dari teori - Ustaz Al-Bana, maka kita cuba mengasingkannya dalam satu bab. Kita akan membicarakan rukun taat ini sewaktu membicarakan Risalah Taalim.

Dalam Risalah Taalim, Ustaz Al-Bana telah mengatakan:-

"Ini adalah kerana peringkat-peringkat dakwah terbahagi kepada tiga peringkat:

- Peringkat pertama: Al-Taarif, dengan menyebarkan fikrah umum kepada orang ramai. Sistem jamaah dalam peringkat ini berbentuk sistem persatuan. Tugasnya ialah melakukan kerja-kerja kebajikan umum. Wasilah yang digunakan ialah dengan melakukan kempen kesedaran, bimbingan, menubuhkan institusi yang memberi faedah dan wasilah-wasilah lain yang bersifat ilmiah. Semua cawangan ikhwan yang ada hari ini mewakili perjalanan dakwah di peringkat ini. Peraturan yang mendisiplinkan perjalanan dakwah dalam peringkat ini ialah "kanun asasi" telah ditafsirkan oleh risalah-risalah dan akhbar ikhwan muslimin. Dakwah dalam peringkat ini adalah umum.

Dalam peringkat ini orang ramai yang boleh berhubung dengan Jamaah. Sekiranya mereka ingin turut serta dalam kegiatan jamaah dan berjanji akan menghormati prinsip-prinsip jamaah. Ketaatan yang penuh tidak dimestikan dalam peringkat ini. Cukuplah sekadar menghormati peraturan dan perinsip-perinsip umum jamaah.

- Peringkat Kedua - ialah Takwin/pembentukan dengan memilih anasir-anasir yang baik dan layak untuk memikul tanggungjawab jihad, dan menggabungkan anasir-anasir tersebut. Sistem jamaah dalam peringkat ini bercorak sufi total di sudut ruhaniah dan bercorak ketenteraan di sudut amali Selogan bagi kedua-dua sudut ini ialah "Perintah dan taat" dengan tidak teragak-agak, tidak ada tanya jawab, ragu dan tidak merasa sempit dada. Semua katibah ikhwan hari ini mewakili dakwah dalam peringkat ini. Peraturannya disusun oleh risalah "Al-Minhaj" dulunya dan "risalah taalim" untuk masakini.

Dakwah dalam peringkat ini adalah khusus, orang-orang yang akan berhubung dengan dakwah dalam peringkat ini ialah mereka yang telah mempunyai kesanggupan yang sungguh-sungguh memikul tugas jihad yang berterusan dan dipenuhi dengan berbagai kesukaran. Tanda-tanda awal bagi kesanggupan ini ialah ketaatan yang total.

• Peringkat ketiga: Tanfiz/pelaksanaan. Dakwah dalam peringkat ini ialah jihadnya yang tidak mengenal tolak ansur, kerja yang berterusan dalam usaha mencapai matlamat, ujian dan cobaan yang tidak akan sanggup dicabari kecuali oleh mereka yang benar-benar jujur. Kejayaan peringkat ini hanya akan dapat dijamin dengan ketaatan yang mutlak dan sempurna. Atas dasar inilah juga saf pertama ikhwan muslimin telah melakukan baiah pada 5 Rabiul-awal 1359 Hijrah. Dan saudara juga, dengan menggabungkan diri dalam katibah ini, dengan menerima risalah ini dan dengan pengakuan yang saudara buat melalui baiah ini, saudara telah berada dalam peringkat kedua dan telah hampir kepada peringkat ketiga. Oleh itu berilah nilaian terhadap tugas yang saudara pikul dan persiapkanlah diri saudara untuk menunaikannya.

Ustaz Al-Bana telah menyebutkan peringkat-peringkat dakwah dan membataskannya kepada: Takrif, takwin dan tanfiz. Atas dasar ini, maka cara kita dalam usaha meningkatkan muslim dari satu peringkat dan dari satu keadaan kepada satu keadaan sehingga matlamat kita tercapai ialah: Taarif, takwim dan tanfiz.

Bertolak dari kenyataan ini, maka kiadah dan jamaah yang sebenarnya ialah kiadah dan jamaah yang mampu memimpin dan mengurus ketiga-tiga proses ini dan berjaya dalam ketiga-tiga peringkat tersebut. Kiadah yang lemah untuk melaksanakan proses ini, atau salah satu darinya, atau jamaah yang cuai melaksanakan salah satu darinya apatah lagi cuai melaksanakan ketiga-tiganya adalah kiadah yang tidak sepatutnya bergerak. Begitu juga apabila jamaah secara keseluruhannya gagal melaksanakan urusan ini berarti telah kehilangan sebab-sebab keujudannya dan jamaah itu mestilah mengambil inisiatif untuk menyelesaikan urusan ini.

Untuk mencapai kejayaan dalam ketiga-tiga peringkat ini kita mestilah mempunyai tiga bentuk jentera: Jentera takrif, jentera takwin dan jentera tanfiz. Setiap jentera ini mestilah mempunyai manhaj, perancanaan, wasilah, uslub dan alat-alat kerja. Dan kesemua ini mestilah berlaku dalam satu rangka tanzim, perancanaan kerja yang syamil dan teori yang jelas tentang tarbiah dan ta'alim. Kesemua ini memerlukan pula jelasnya peringkat-peringkat keanggotaan dan jenisnya juga memerlukan keordinasi antara jentera-jentera.

Bentuk-bentuk Amal

Ustaz Al-Bana tidak membataskan bentuk amal dalam permasalahan takrif, takwin dan tanfiz kepada satu bentuk tertentu. Kadangkala beliau menyebutkan sesuatu yang boleh difahamkan bahawa takrif itu

boleh disempurnakan sebagai satu peringkat yang tersendiri, kemudian dituruti dengan peringkat takwin dan seterusnya peringkat tanfiz. Tiap-tiap peringkat adalah tersendiri. Di tempat lain beliau menggabungkannya dalam dua bentuk dengan katanya:

"…..Manakala (tindakan) beransur-ansur - berpegang teguh kepada tarbiah dan jelasnya perancangan dan jalan ikhwan ialah kerana mereka menyakini bahawa semua dakwah mesti melalui tiga peringkat: Peringkat diayah, takrif, menyebarkan fikrah dan menyampaikannya kepada semua lapisan masyarakat umum, kemudian diikuti dengan peringkat takwin, mengumpulkan penyokong, menyediakan tentera dan mempersiapkan saf dari kalangan orang yang didakwah. Setelah itu diiringi pula oleh peringkat tanfiz, amal dan prodak. Banyak berlaku ketiga-tiga peringkat ini berjalan serentak berdasarkan kepada kesatuan dakwah dan kekuatannya. Oleh itu seorang dai menyampaikan seruan dan di waktu yang sama beliau memilih (anasir yang salih) dan mendidik di samping kerja melakukan tanfiz. Walau bagaimanapun, tidak diragukan bahawa matlamat terakhir atau hasil yang sempurna tidak akan ujud kecuali setelah diayah yang meluas dan, penyokong yang ramai dan takwin yang kemas."

Perkataan Ustas Al-Bana ini telah memberi kepada kita peluang yang sungguh luas untuk memikirkan perlaksanaan peringkat-peringkat dakwah ini sejajar dengan tuntutan keadaan, keperluan tiap-tiap peringkat dan lainnya. Dengan itu kita dapati bahawa kita berdepan dengan berbagai corak untuk bergerak yang memberikan peluang yang luas kepada kiadah untuk memilih corak yang sesuai bagi tiap-tiap peringkat dan sesuai dengan perubahan yang berlaku atau sesuai dengan sesuatu kejadian yang mendadak.

Bentuk Pertama: Jamaah secara keseluruhan melakukan kegiatan taarif melalui ceramah-ceramah, halakat umum, halakat khusus, buku-buku dan penerangan, sehinggalah jamaah merasa puas hati yang ia telah berjaya menarik orang ramai melalui halakat-halakat tadi, jamaah seterusnya melakukan proses pemilihan anasir-anasir salihah dengan teliti dan mengaturkan latihan-latihan dan tamrin untuk mempersiapkan mereka dengan kelayakan-kelayakan yang diperlukan di peringkat tanfiz. Seterusnya jamaah melakukan proses tanfiz yang telah dikaji dengan teliti dan dilakukan dengan perancanaan yang teliti. Bentuk amal seperti ini memerlukan satu saf yang siap siaga untuk melakukan takrif, puas hati dengan tugas-tugas takrif yang diserahkan kepadanya, sikap baik kepada kiadah sekiranya membataskan tugas mereka di peringkat takrif sahaja. Bentuk amal seperti ini juga memerlukan ujudnya kiadah yang mampu dan berkeahlian untuk melancarkan kegiatan takrif dengan cara yang benar-benar sempurna. Ia juga memerlukan kiadah yang mampu

membuat persediaan yang sempurna dan cukup untuk peringkat yang seterusnya. Beliau tidak seharusnya mensia-siakan peringkat takrif dengan hanya berpuashati melaksanakan peringkat takrif sahaja. Beliau tidak seharusnya lemah meneruskan amal di peringkat takwin, sehingga dengan kelemahan itu membawa kegagalan. Beliau tidak seharusnya cuai melaksanakan amal di peringkat tanfiz, sehingga dengan kecuaian ini akan menghancurkan jamaah.

Bentuk Kedua: Jamaah sekaligus melaksanakan takrif melalui jentera takrif dan melaksanakan proses takwin melalui jentera takwin, seterusnya melaksanakan tanfiz harian melalui jentera tanfiz. Bentuk amal seperti ini memerlukan ujudnya jentera-jentera yang bekerja terus menerus dan saling sempurna menyempurnakan, di bawah penyeliaan kiadah yang bijak meletakkan sesuatu pada tempatnya.

Bentuk Ketiga: Jamaah secara keseluruhan bergerak melakukan takrif, kemudian berpindah ke peringkat takwin anasir-anasir yang dihasilkan di peringkat pertama, seterusnya jamaah secara keseluruhan melaksanakan tanfiz harian, supaya dengan itu anasir-anasir yang dipilih mendapat latihan untuk peringkat tanfiz. Setelah selesai, jamaah sekali lagi mengulangi kegiatan peringkat takrif, takwin dan seterusnya peringkat tanfiz. Begitulah dilakukan berulang-kali.

Bentuk Keempat: Jamaah hanya memusatkan kepada kegiatan takrif dan takwin. Dengan itu berarti jamaah menggabungkan kedua-dua kegiatan ini sekaligus dalam waktu yang sama. Dalam bentuk ini hanya kiadah sahaja yang menyediakan perancanaan di peringkat tanfiz dan mengkaji kemampuannya. Kegiatan ini dilakukan terus menerus sehinggalah kiadah merasa puashati tentang kemampuannya untuk melaksanakan peringkat tanfiz yang menyeluruh.

Bentuk Kelima: Tanfiz, takrif dan takwin dilakukan serentak di bawah kelolaan satu jentera jamaah. Sesiapa yang telah melaksanakan takrif akan terus ke peringkat takwin seterusnya ke peringkat tanfiz dengan tidak berlaku sebarang pemisahan, satu peringkat dengan peringkat yang lain, baik di antara satu jentera dengan jentera lain, antara satu individu dengan individu yang lain dan antara satu peringkat dengan peringkat yang lain. Dengan itu pertubuhan takrif, takwin dan tanfiz berlaku sekaligus. Bentuk amal yang seperti ini memerlukan supaya setiap individu itu mampu untuk melakukan takrif, takwin dan tanfiz serentak.

Demikian tadi kita dapati beberapa bentuk amal sejajar dengan perbedaan keadaan yang dilalui oleh sesuatu daerah tertentu atau sejajar dengan keadaan yang berbeda-beda di antara negara-negara Islam, kerana ada negara yang sesuai dengan bentuk amal yang dilakukan dengan takrif lebih dahulu kemudian takwin dan seterusnya melakukan persedian-persediaan untuk peringkat tanfiz. Kiadah yang mauthukah

(dipercayai), amanah, dan berkeahlian untuk membuat keputusan sahajalah yang akan menentukan bentuk amal yang sesuai di tempat masing-masing.

Beberapa Pendapat Tentang Takrif, Takwin dan Tanfiz

Sejauh mana kematangan kita dalam permasalahan takrif, takwin dan tanfiz, sejauh itulah pula perjalanan kita berada di jalan yang betul. Begitu juga sejauh mana takrif itu dilakukan dengan betul sejauh itulah takwin akan dapat dilakukan dengan mudahnya, seterusnya sejauh mana takwin itu dilaksanakan dengan betul sejauh itulah tanfiz akan kemas dan kuat. Bertolak dari keadaan-keadaan ini dapatlah disimpulkan bahawa kematangan kita dalam permasalahan-permasalahan ini secara umum adalah menunjukkan kematangan jamaah di bidang amali dan teori. Begitu juga sejauh mana terdapat dalam jamaah kita jentera-jentera yang matang dalam ketiga-tiga permasalahan ini, sejauh itulah perjalanan jamaah kita akan berjalan dengan sempurna. Tiga permasalahan yang kita maksudkan ialah:

1. Kematangan teori dan pandangan kita tentang masalah takrif, takwin dan tanfiz.
2. Keujudan mereka yang matang dalam ketiga-tiga masalah ini (takrif, takwin, tanfiz) secara umum.
3. Ujudnya jentera-jentera yang berpengkhususan dalam ketiga-tiga masalah takrif, takwin dan tanfiz.

Tidak syak lagi bahawa perbicaraan mengenai permasalahan-permasalahan ini akan terbahagi kepada beberapa bidang, kerana ia akan berhubung terus dengan permasalahan sifat-sifat khusus, manhaj, keanggotaan, perancangan amal, keselamatan jamaah, bentuk sistem di mana gerakan Islam itu muncul dan lainnya.

Apakah Takrif, Takwin dan Tanfiz itu:

Tentang takrif, Ustaz Al-Bana telah mengatakan: "Takrif: dengan menyampaikan dakwah di kalangan orang ramai. Dalam peringkat ini siapa saja yang ingin turut serta dalam kegiatan jamaah boleh menyertai jamaah asal sahaja mereka berjanji akan memelihara prinsip-prinsip jamaah. Dalam peringkat ini perkara ketaatan yang penuh kepada jamaah tidaklah diwajibkan lebih dari menghurmati sistem dan prinsip-prinsip umum jamaah".

Sehubungan dengan peringkat takrif juga Ustaz Al-Bana telah mengatakan: "Peringkat diayah, takrif dan mengembangkan fikrah dan menyampaikannya kepada orang ramai dari segenap lapisan masyarakat".

Tentang takwin pula, Ustaz Al-Bana telah mengatakan: "Takwin, dengan memilih dan menggabungkan anasir-anasir yang salihah untuk memikul tanggungjawab jihad dan sistem dakwah dalam peringkat ini ialah Sufi tulin di sudut ruhiah, dan askari tulin di sudut amaliah.

Slogan dalam kedua-dua bidang ini ialah "Perintah dan Taat" tanpa ragu-ragu, murajaah, syak dan sempit dada. Dalam peringkat ini hanya mereka yang mempunyai kesanggupan yang sungguh-sungguh untuk memikul tanggungjawab dakwah yang akan mengukur masa yang panjang sahajalah yang boleh berhubung dengan dakwah. Tanda-tanda awal bagi kesanggupan memikul tanggungjawab jihad ialah ketaatan yang penuh kepada jamaah".

Sehubungan dengan takwin juga beliau mengatakan "kemudian peringkat takwin dengan memilih ansar, menyediakan tentera, dan memperkemaskan saf dari kalangan mereka yang didakwah".

Tentang tanfiz pula Ustaz Al-Bana telah mengatakan "Tanfiz, dan dakwah dalam peringkat ini ialah jihad yang berterusan dengan tidak mengenal tolak ansur, untuk mencapai matlamat, ujian dan cubaan yang tidak akan mampu ditanggung kecuali oleh mereka yang benar-benar jujur. Kejayaan dalam peringkat ini hanya akan dapat dijamin oleh ketaatan yang penuh kepada jamaah".

Sehubungan dengan tanfiz juga beliau mengatakan: "Setelah itu ialah peringkat tanfiz, amal dan prodak. Dalam banyak keadaan ketiga-tiga peringkat ini - takrif, takwin dan tanfiz - berlaku serentak, berdasarkan kepada kesatuan dan kepaduan dakwah itu sendiri dan eratnya hubungan di antara ketiga-tiga peringkat ini, oleh itu seseorang itu akan melakukan dakwah, di masa yang sama beliau juga melakukan pemilihan dan pentarbiahan terhadap anasir-anasir salihah dan di waktu yang sama juga beliau melakukan tanfiz. Walaupun demikian matlamat atau natijah terakhir tidak akan tercapai kecuali setelah berlakunya diayah yang umum, penyokong yang ramai dan takwin yang rapi".

Dalam hubungan ini banyak lagi petikan-petikan dari kata-kata Ustaz Al-Bana. Dari petikan-petikan kata-kata beliau itu dapat difahami bahawa tanfiz itu terbahagi kepada dua: tanfiz yaumi (harian) dan tanfiz syamil (menyeluruh). Dapat juga difahami bahawa tanfiz yaumi itu berhubung terus dengan permasalahan amal yang berterusan dan seimbang, manakala tanfiz syamil pula berhubung rapat dengan permasalahan pencapaian matlamat utama jamaah.

Dari kata-kata Ustaz Al-Bana juga dapat difahami bahawa latihan-latihan ruhani dan latihan-latihan jasmani adalah termasuk dalam takwin secara serentak. Begitu juga dapat difahami bahawa mereka yang dicalunkan untuk peringkat takwin ialah orang-orang yang bersedia untuk melakukan ketaatan yang penuh kepada jamaah.

Dari kata-kata Ustaz Al-Bana juga dapat diketahui bahawa perkara-perkara berikut adalah termasuk dalam takrif, iaitu, memperkenalkan Islam, memperkenalkan jamaah dan prinsip-prinsip jamaah dan ketaatan yang penuh tidaklah menjadi syarat dalam peringkat ini. Yang dituntut dalam peringkat ini hanyalah menghormati peraturan dan prinsip umum jamaah.

Penyempurnaan Dalam Takrif, Takwin dan Tanfiz:

Matlamat utama dalam peringkat taarif ialah supaya individu itu mengenal Islam, menguasai ilmu pengetahuan Islam yang dipastikan, baik ilmu pengetahuan dalam bentuk baru atau lama. Beliau juga mestilah mengenali jamaah dan fikrahnya, memberikan walaa nya kepada jamaah di samping iman, solat dan zakat. Dengan kata lain, beliau mengenali Islam, beriltizam dengan ajaran Islam dan penganutnya secara umum. Beliau memberi dan menerima sekadar persediaan yang ada pada dirinya. Begitu juga beliau memberi dan menerima sekadar panjang usianya. Yang pentingnya ialah apa yang telah kami katakan iaitu, belaiu mestilah mengambil sahamnya dalam memahami usul salasah, al-Quran dan ilmu yang berhubung dengannya terutama di bidang bacaan dan hafalan, sunnah Rasulullah s.a.w. dan ilmu yang berhubung dengannya, fekah, tauhid, tasauf yang bersih, usul fekah, bahasa arab, sejarah Islam dan sirah, mengetahui keadaan Islam masakini, kajian-kajian Islam semasa, serangan-serangan terhadap Islam dan taktik musuh Islam, fiqhud-dakwah. Kesemua ini haruslah diperolehinya melalui halakat-halakat umum, halakat-halakat khusus dan usrah-usrah taarif. Kesemua perkara tersebut amat banyak dan terlalu besar, oleh yang demikian adalah lebih baik bagi seseorang mengikuti peringkat ini lebih lama dan ini mungkin dilakukan. Yang semestinya diambil kira dalam hal ini ialah, seseorang itu tidak seharusnya berpindah dari peringkat taarif ke peringkat takwin sehingga benar-benar diyakini iltizamnya yang sempurna dan kesediaannya untuk memberikan ketaatan yang penuh kepada jamaah. Dengan kata lain, sudah terdapat pada dirinya persediaan yang cukup untuk bertakwa dan memberikan ketaatan. Firman Allah:

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ S. 3 : 50, S. 43 : 63, S. 42 : 108

"Bertakwalah kamu kepada Allah dan taatlah padaku".

Apabila persediaan dan iltizam di peringkat prinsip telah ujud dan tidak terdapat sebarang halangan, bolehlah seseorang itu dipindahkan ke dalam usrah takwin. Matlamat dari usrah takwin ialah untuk menjadikan seseorang itu Islami dan ikhwani dengan sempurnanya. Yang menjadi pokok dalam usrah takwin ialah amal dan latihan. Kita telah melihat kata-kata Ustaz al-Bana tentang takwin, yang mana beliau telah menggambarkan peringkat ini dengan katanya: "nizam/sistem dakwah dalam peringkat ini, sufi tulin di sudut ruhani dan askari tulin di sudut

amali. Kata-kata selogan dalam kedua-dua sudut ini ialah; "Perintah dan taat tanpa ragu-ragu, tanpa murajaah, tanpa syak dan tanpa sempit dada".

Oleh yang demikian penyelia yang bertanggung dalam urusan takwin mestilah memerhatikan keadaan al-akh, tentang dirasahnya, penguasaannya terhadap bidang-bidang dirasah tersebut, iltizamnya, pengorbanannya, ibadatnya, takwanya, seterusnya setelah pemerhatian ini, dan berdasarkan kepada manhaj dan perancangan takwin beliau hendaklah meminta supaya al-akh berkenaan menyempurnakan sudut-sudut kekurangannya. Penyempurnaan ini hendaklah dilakukan melalui usaha peribadi dan dengan mendampingi mereka yang mengambil inisiatif dalam bidang ilmu dan taalim di kalangan ummat Islam; juga dilakukan melalui pengkajian bersama dan tamrin-tamrin. Di samping itu haruslah diperhatikan apa yang telah diperkatakan oleh Ustaz Al-Bana tentang peringkat takwin, bahawa peringkat ini adalah peringkat sufiah dan jurdiah. Oleh itu di sudut sufi mestilah dipusatkan kepada wirid-wirid; seperti wirid istighfar dan muhasabah, wirid solat dan qiamullail, dan wirid zikir doa. Di sudut yang lain pula haruslah ditekankan perkara-perkara amar maarof dan nahi munkar juga ditekankan tentang betapa pentingnya ketaatan dalam perkara maaruf. Demikianlah seterusnya sehingga kita dapat melihat bahawa neraca kematangan dalam peringkat takwin ini akan sempurna.

Di waktu yang sama penyelia takwin juga mestilah mengkaji persediaan yang ada pada al-akh berkenaan; kerana ada orang yang penerimaannya untuk takwin lebih banyak, ada orang yang penerimaannya untuk takwin lebih dari yang lain dan ada pula orang yang penerimaannya untuk tanfiz mengatasi yang lain. Berdasarkan pengkajian ini al-akh berkenaan disalurkan kepada jentera takrif, takwin atau tanfiz. Setelah al-akh berkenaan disalurkan ke dalam sesuatu jentera tertentu, mestilah diadakan pula latihan-latihan lain untuk beliau supaya dengan latihan-latihan itu beliau dapat menyempurnakan peranannya dalam bidang di mana beliau disalurkan. Ke dalam bidang manapun beliau disalurkan beliau mestilah diarahkan supaya menyempurnakan pengetahuan Islamiah. Walau di manapun bahagian pengkhususannya beliau adalah dianggap sebahagian dari jentera tanfiz. Setiap peringkat mestilah menyempurnakan segala kekurangan di peringkat yang terdahulu. Neraca kesempurnaan di saat-saat peringkat mestilah diketahui dengan jelas. Dan di atas dasar kesempurnaan menguasai ilmu dan sifat-sifat peribadi yang diperlukan, seseorang itu boleh diberikan sifat sebagai rakib atau naib. Boleh jadi kita mendapati seorang yang telah menguasai paling minima pengetahuan Islamiah yang melayakkannya dipindahkan ke peringkat takwin, dan boleh jadi beliau telah menguasai kadar yang paling minima di peringkat takwin yang melayakkannya

dipindahkan ke peringkat tanfiz, tetapi selagi beliau tidak menguasai kedua-dua peringkat ini dengan sempurna beliau tidak boleh diberikan sifat nakib atau naib. Dengan itu kita dapati bahawa setiap peringkat amat memerlukan peringkat sebelumnya, kita dapati juga bahawa setiap peringkat itu membantu peringkat yang berikutnya.

FASAL PERTAMA

Apakah Yang Dikehendaki Dengan Takrif

Takrif bermaksud memperkenalkan Islam secara umum kepada orang ramai dalam bentuk ilmiah dan amaliah. Ini menuntut ujudnya taklim, batas minima sifat-sifat peribadi yang dikehendaki dan batas minima iltizam. Wasilah untuk tujuan ini ialah halakat-halakat umum dan khusus, dakwah fardiah, muzakarah dan fardiah. Neraca kejayaan seseorang dalam peringkat ini ialah dengan mempelajari beberapa buah buku yang mempunyai matlamat tertentu dan saling menyempurnakan antara satu sama lain, melaksanakan sebahagian dari sifat-sifat peribadi yang utama dan beriltizam dengan beberapa perkara utama. Apabila perkara-perkara ini telah terlaksana dan ujud pada seseorang, bolehlah beliau dipindahkan ke peringkat takwin. Sekiranya beliau tidak dapat melaksanakan sebahagian dari sifat-sifat peribadi ini, atau tidak dapat melakukan iltizam seperti yang telah disebutkan beliau akan terus tinggal dalam halakat-halakat ilmiah supaya beliau dapat mengikuti program ilmu yang lebih tinggi, tetapi beliau tidak layak dicalunkan ke peringkat takwin.

Takwin pula bermaksud memberikan tarbiah sejajar dengan peringkat keanggotaan dalam jamaah, supaya dengan tarbiah ini ahli dapat memainkan peranannya dengan sempurna dalam memberi khidmat kepada Islam melalui saf. Tarbiah disalurkan melalui halakat-halakat usrah dan tamrin-tamrin. Halakat ilmiah adalah daruri bagi tiap-tiap peringkat anggota. Dalam usrah pula anggota dapat mengikuti program khas manakala tamrin pula untuk membekalkan anggota dengan memusatkan kepada perkara-perkara daruri bagi satu-satu peringkat. Bagi kita, peringkat keanggotaan dapat diperingkatkan kepada empat peringkat:-

(1) Nasir

(2) Mujahid

(3) Nakib

(4) Naib.

Tiap-tiap peringkat mempunyai pengetahuan, sifat-sifat peribadi dan Iltizamnya yang tertentu. Berdasarkan takwin seseorang itu akan disalurkan kepada jentera taarif, takwin atau tanfiz.

Kebanyakan ekhwah ingin terus melompat ke peringkat tanfiz, dengan tidak memberikan keutamaan-keutamaan yang sewajibnya diberikan di peringkat taarif dan takwin. Tindakan ini adalah salah, kerana tanfiz yang tidak bertapak-asaskan kepada taarif dan takwin akan menemui kegagalan kerana beberapa sebab, di antara lain:-

1. Dalam keadaan seperti ini jihaz/jentera tanfiz akan diresapi, atau dimasuki oleh mereka yang tidak layak diberikan thiqah. Salah satu dari dua keadaan ini boleh menghancurkan jamaah.
2. Peringkat tanfiz masa kini memerlukan kebijaksanaan, kiadah dan latihan yang tinggi mutunya. Kesemua ini memerlukan pemilihan anggota yang teliti melalui jentera taarif dan takwin.
3. Jentera taarif dan takwinlah yang dapat memberikan bekalan (anggota) yang berterusan kepada jentera tanfiz, tanpa bekalan yang berterusan ini jentera tanfiz akan terhenti.
4. Apabila jentera tanfiz gagal menggerakkan ummat keseluruhannya melalui jentera taarif dan takwin maka tanfiz akan gagal.
5. Jentera taarif dan takwinlah yang dapat melakukan tindakan sapu bersih dalam semua perkara di kalangan orang ramai yang dilakukan secara serentak dan sepontan. Ini amat perlu untuk tanfiz.
6. Jentera takrif dan takwinlah yang mampu berhubung dengan setiap individu di kalangan ummat. Melalui hubungan ini pemindahan ummat dan orang ramai dapat dilakukan.

FASAL KEDUA

Peringkat anggota, period, tuntutan tiap-tiap peringkat dan perancanaannya secara umum.

Penyakit ummat Islam tersembunyi pada salah satu dari tiga kecacatan-kecacatan. Sama ada kecacatan itu berlaku pada bidang ilmu dan pengetahuan, kekurangan pada bidang sifat-sifat peribadi atau pada bidang iltizam. Sama ada anda akan menemui seorang muslim yang tidak mempunyai ilmu Islam, seterusnya beliau tidak memiliki sifat-sifat peribadi Islam dan tidak beriltizam, atau anda akan menemui muslim yang mempunyai sebahagian dari ilmu Islam tanpa memiliki sifat-sifat peribadi Islam dan tanpa iltizam atau anda akan menemui seorang muslim yang beriltizam tetapi tidak memiliki sifat-sifat peribadi Islam atau anda menemui seorang muslim yang memiliki sebahagian dari sifat-sifat peribadi Islam dan ilmu tetapi tidak beriltizam.

Demikianlah permasalahan ummat Islam akan terus berlarutan atau akan terus terabai berpunca dari sebab-sebab di atas, begitulah juga permasalahan Islam itu sendiri akan turut terabai sebagai akibat dari sebab-sebab tersebut. Tidak syak lagi penyelesaian yang positif terhadap keadaan ini ialah dengan penggabungan diri ke dalam jamaah muslim, kerana dengan penggabungan diri ke dalam jamaah muslim sahajalah yang akan dapat melaksanakan iltizam. Berdasarkan kepada teori yang sempurna jamaah mestilah memberikan sesuatu yang pasti diberikan dalam bidang ilmu dan pengetahuan, jamaah juga mestilah sedapat daya meningkatkan sifat-sifat peribadi. Secara tabie ketiga-tiga bidang ini mestilah dilakukan secara beransur-ansur, ini juga menuntut supaya peningkatan anggota dilakukan dari peringkat paling bawah ke peringkat berikutnya dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi.

Ustaz Al-Bana telah menyebutkan secara terperinci enam peringkat keanggotaan. Keenam-enam peringkat ini dapat diringkaskan kepada empat peringkat, iaitu peringkat ansar, mujahidin, nukaba' dan nuwab. Menurut yang sepatutnya setiap peringkat mestilah mempunyai manhaj ilmu dan thaqafah/pengetahuan, mesti mempunyai sifat-sifat peribadi tertentu dan iltizam yang tertentu. Kemajuan dan peningkatan dalam peringkat keanggotaan, atau kekal di peringkat paling bawah, atau akan terus kekal di luar saf haruslah didasarkan kepada kejayaan dalam menguasai ilmu, memiliki sifat-sifat peribadi dan kadar iltizam bagi setiap peringkat.

Secara umum, kita menganggap bahawa penguasaan terhadap semua bab yang termuat dalam kitab "Jundullah" adalah merupakan pertanda kesempurnaan pengetahuan islamiah dan ilmunya, baik dari sudut asas dan cabangnya. Sungguhpun demikian pengetahuan yang sempurna yang dikehendaki ujud pada setiap al-akh lebih dari itu. Kuasa pengetahuan semasa, seharusnya menjadi sebahagian dari takwi al-akh di bidang ilmu pengetahuan. Demikian juga pengetahuan kelayakan

yang melayakkan al-akh untuk terus berkembang di bidang pengkhususan kehidupan atau pengetahuan yang melayakkannya untuk berjaya dalam bidang amal islami. Kesemua ini menunjukkan kesempurnaan di bidang pertama - bidang ilmu pengetahuan, manakala bidang kedua, bidang sifat-sifat peribadi, al-akh di peringkat nasir lebih rendah dari sifat-sifat peribadi al-akh di peringkat nakib, apatahlagi berbanding dengan al-akh di peringkat naib. Oleh itu apakah sifat-sifat peribadi yang sesuai bagi tiap-tiap peringkat keanggotaan? Selain dari itu kadar iltizam yang dituntut dari setiap anggota adalah berbeda menurut perbedaan tingkat keanggotaan. Oleh itu apakah kadar iltizam setiap peringkat keanggotaan?

Pandangan dan teori kita dalam hal ini mestilah jelas, dan kita mestilah menentukan keujudannya secara amali. Pandangan dan teori ini mestilah mencapai satu peringkat kekuatan dan kejelasan tertentu di mana setiap muslim merasa kepentingan masalah ini.

Tidak diragukan bahawa tidak ada muslim yang membantah bahawa kadar ilmu pengetahuan paling minima: beliau mestilah mengetahui perkara-perkara penting yang diperlukannya dalam kehidupan harian, mengetahui apa yang diperlukannya dalam menghadapi realiti harian, supaya dengan itu beliau dapat menunaikan kewajipannya, mengetahui sunnah yang berhubung dengan urusan harian, mingguan dan aturan bulanan dalam batas kebiasaan dan keadaan yang biasa. Oleh itu kita meminta supaya setiap muslim mempelajari sebuah kitab ringkas tentang akidah, sebuah kitab ringkas tentang fiq ibadat, risalah kecil tentang akhlak, kita meminta supaya beliau mempelajari bagaimana membaca al-Quraan melalui pembacaan harian, beliau mestilah mengetahui ilmu tajwid dan menghafaz surah-surah al-Quraan yang disunatkan, mengetahui perkara syubhat dan keraguan-keraguan tentang Islam yang ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam dengan mempelajari buku yang berhubung dengan perkara tersebut, mengetahui pertarungan antara Islam dan musuhnya, mengetahui serba sedikit tentang fiq dakwah. Setiap muslim dapat merasakan betapa pentingnya perkara-perkara ini, dengan jelas beliau juga mengetahui bahawa perkara-perkara ini adalah merupakan kadar paling minima ilmu pengetahuannya yang diperlukannya.

Demikian juga muslim tidak akan membantah apabila beliau diminta menunaikan solat, mengeluarkan zakat, memberikan walaa'nya kepada jamaah muslimin. Beliau mestilah mempunyai wirid harian dalam bentuk Quraan, dan qiamul-lail. Setiap muslim akan menerima kesemua perkara ini sebagai sifat-sifat peribadi paling minima. Muslim juga dituntut supaya beriltizam dan menghadiri halakat-halakat ilmiah apabila beliau dijemput menghadirinya, muslim diminta supaya mengeluarkan zakat kepada orang-orang Islam, lebih tepat, kepada

jamaah muslimin, sekiranya tidak terdapat orang yang lebih berhak menerima zakat tersebut pada pandangan syarak. Tidak diragui bahawa setiap muslim akan menerima perkara ini sebagai paras iltizam paling minima.

Inilah yang dapat kita gambarkan sebagai sesuatu yang tidak boleh tidak untuk melayakkan seseorang itu diberikan taraf keanggotaan di peringkat nasir. Apabila al-akh berkenaan ingin dipindahkan ke peringkat mujahid, maka perlulah beliau mempelajari, sifat-sifat hizbullah sebagaimana yang disebutkan dalam Al-Quraan, beliau juga seharusnya mempunyai sifat-sifat peribadi sebagai seorang tentera robbani. Mesti menerima bahawa sifat jundiah (ketenteraan) yang rabbani amat penting dan sifat jundiah tersebut mewajibkan taat kepada qiadah rabbaniah, mesti menerima pentingnya pengkajian terhadap Al-Quraan, khusus dalam permasalahan jihad, menerima pentingnya latihan-latihan ruhaniah untuk mencapai sifat-sifat peribadi seorang pejuang ruhiah, menerima pentingnya latihan-latihan keamanan supaya perasaan sentiasa mengawasi keselamatan, tumbuh subur dalam dirinya, menerima pentingnya latihan-latihan praktik melakukan amar maaruf dan nahi munkar sebagai dua sifat asasi bagi jamaah yang bersiap sedia melayakkan diri untuk mempertahankan agama Allah dan menerima pentingnya latihan-latihan riadah.

Kesemua ini mestilah menjadi asas yang menjadi pegangan untuk memberikan taraf keanggotaan peringkat kedua, keanggotaan sebagai mujahid; dan al-akh diminta supaya menguasai kadar yang sepatutnya bidang-bidang pengetahuan Islamiah dan menguasai kadar yang sepatutnya ilmu pengetahuan semasa yang diperlukannya. Beliau juga mestilah dituntut dan dilatih supaya bersifat pemurah, memikul tanggungjawab dan melaksanakannya dengan berani. Al-akh mestilah dituntut supaya bersifat lemah lembut, hati-hati, belas kasihan terhadap saudaranya, memberi khidmat dan menjaga mereka sebagai sifat-sifat peribadi sebagaimana yang disebutkan dalam nas-nas yang berhubung permasalahan imarah (kepimpinan). Al-akh juga diminta supaya memberikan baiah untuk beriltizam dengan kaedah-kaedah jamaah yang diputuskan dalam syuranya, al-akh dituntut supaya beriltizam dengan taat kepada kiadah yang muncul dari kaedah-kaedah tanzim jamaah. Kesemua perkara ini amat jelas pengertiannya dan dapat difahami dengan mudah, dan kesemua perkara ini adalah suatu yang pasti untuk melayakkan al-akh diberikan taraf keanggotaan sebagai nakib.

Al-akh juga diminta supaya memperluaskan pengetahuannya dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan Islamiah semasa, dituntut supaya memiliki sifat-sifat peribadi yang dituntut bagi seorang pewaris nabi, beliau dituntut supaya tunduk kepada pendapat terbanyak dari kalangan

mereka yang berhak dalam syura sejajar dengan pandangan-pandangan jamaah. Kesemua pengertian-pengertian ini dapat diterima akal untuk melayakkan al-akh diberikan taraf keanggotaan sebagai naib.

Kita tidak boleh memberikan kepada seorang al-akh keahlian di satu-satu peringkat selagi beliau masih ketinggalan di salah satu dari ketiga-tiga bidang ini. Ini ialah kerana sebarang sikap pandangringan dalam memberikan sesuatu sifat kepada seseorang, akan menjejaskan thiqah, yang mana tanpa thiqah, sebarang amal tidak akan berjaya yang kemudiannya akan menjejaskan kesejahteraan saf, yang mana tanpa kesejahteraannya, saf tidak akan dapat memelihara keupayaannya untuk melakukan harakah yang sejahtera dan berterusan. Saf juga tidak akan dapat memelihara keupayaannya untuk capai matlamat. Sebarang kecuaian dalam memelihara kesejahteraan saf akan menjadikan saf itu tidak layak dicalunkan untuk terus tumbuh sehingga melayakkannya untuk terus berkembang dalam usaha melaksanakan apa yang telah diperkatakan oleh Ustaz Al-Bana. "Ringkasnya dapat disimpulkan dalam dua jumlah: iman dan amal, mahabbah dan persaudaraan".

Dalam usahanya untuk menyemadikan dakwahnya ke dalam jiwa para sahabatnya adakah Rasulullah melakukan sesuatu lebih dari mengajak mereka supaya beriman dan beramal, kemudian baginda mempertautkan hati-hati mereka dengan rasa kasih sayang dan persaudaraan, sehingga dengan itu berpadulah kekuatan akidah dan kekuatan perpaduan, dengan itu jamaah mereka menjadi jamaah contoh yang sudah pasti akan terkemuka dan dakwahnya akan menang sekalipun seluruh penghuni dunia menentangnya..

Apakah para duat dulu dan sekarang melakukan lebih dari itu; mereka menyampaikan fikrah, menjelaskannya dan mengajak orangramai menerima fikrah tersebut, lantas mereka mengimaninya, bekerja untuk melaksanakannya dan bersatu untuknya. Bilangan mereka semakin bertambah, dengan pertambahan bilangan ini fikrah tersebut semakin terkenal dan mencapai satu daerah yang luas sehingga dapat menenggelamkan fikrah-fikrah lainnya, itulah sunnah Allah, dan kamu tidak akan dapat menukar sunnah Allah.

Harus diketahui bahawa kemampuan saf untuk terus tumbuh di samping dapat memelihara kesejahteraannya sehingga tidak terdedah kepada perpecahan; hanya itulah satu-satunya jalan untuk mencapai kejayaan yang telah disebutkan di atas. Sebarang kecuaian dalam permasalahan keanggotaan, atau sikap mudah dalam memberikan sesuatu sifat kepada seorang yang tidak menerimanya adalah dianggap suatu

pengabaian terhadap hak saf dan seterusnya mengabaikan hak amal Islam, kerana mustahil tanfiz akan dapat dilaksanakan tanpa ujudnya saf yang sejahtera, dipenuhi oleh thiqah dan mampu membuat keputusan yang tepat.

Wasilah-wasilah yang dapat kita gunakan dalam usaha untuk mencapai tarbiah yang sejajar dengan semua peringkat keanggotaan ialah halakat-halakat ilmiah umum dan khusus, wizah latihan dan tamrin. Jamaah mestilah mengingati kesemua perkara ini juga semua keperluan-keperluan, penyusunan dan tanzim yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

Di sini kami bentangkan satu jadual, melalui jadual ini kami cuba menggariskan jadual takwin dalam satu bentuk yang agak lebih hampir kepada matlamat. Dalam jadual ini kita akan dapat memerhatikan apakah yang diperlukan bagi keempat-empat peringkat keanggotaan dalam ketiga-tiga bidang ilmu pengetahuan, sifat-sifat peribadi dan iltizam. Dalam jadual ini juga kami sebutkan latihan dan tamrin yang diperlukan oleh sebahagian dari peringkat keanggotaan. Setelah membentangkan jadual ini kami akan mengemukakan beberapa perhatian yang penting untuk memahami jadual ini. Nama buku-buku yang disebutkan dalam jadual ini bukanlah bermaksud menentukan buku-buku tersebut, malah yang dikehendaki ialah isinya, mana-mana buku yang dapat menghasilkan isi yang sama boleh digunakan.

BEBERAPA PERHATIAN

1. Kadangkala kita menyebutkan siri usul salasah dalam manhaj nakib, kadangkala kita menyebutkannya dalam manhaj nasir. Sebenarnya tidak berlaku pertentangan dalam masalah ini. Anggota dalam peringkat nasir perlu menerima ringkasan siri usul salasah manakala nakib perlu menguasai keseluruhannya.

2. Peringkat-peringkat utama keanggotaan dalam saf Islami terbahagi kepada empat peringkat. Peringkat nasir, peringkat amilin (mujahidin), peringkat nakabaa' seterusnya peringkat nuwab. Ahli-ahli dalam peringkat ini menyamai khulafa' ar-rashidin dalam istilah sufiah. Permasalahan ini hanyalah merupakan istilah. Yang diambil kira ialah isi dan kandungan (kualiti). Oleh kerana itu boleh jadi peringkat-peringkat keahlian ini tidak sampai empat peringkat atau lebih.

3. Boleh jadi seseorang itu lebih maju dan ke depan dalam bidang ilmu pengetahuan tetapi tidak di bidang sifat-sifat peribadian dan iltizam, atau beliau lebih maju dan ke depan dalam ilmu pengetahuan dan sifat-sifat peribadi tetapi tidak di bidang iltizam atau beliau lebih maju dan ke depan dalam bidang iltizam tapi tidak ilmu pengetahuan dan sifat-sifat peribadi. Perkara ini merupakan suatu keadaan yang biasa dan melayakkan al-akh berkenaan layak dicalunkan ke satu-satu peringkat keanggotaan dengan tidak memberikan kepadanya sifat keanggotaan peringkat tersebut.

4. Jadual takwin yang dikemukakan banyak bergantung kepada latihan dan tamrin sebagai asas untuk kematangan dalam setengah-tengah peringkat, samada untuk tujuan ilmu pengetahuam, tarbiah, sifat-sifat peribadi atau untuk meningkatkan iltizam.

5. Dalam jadual disebutkan empat peringkat untuk tingkat keanggotaan, disebutkan juga manhaj yang sesuai bagi tiap-tiap peringkat, apakah sifat-sifat khusus tiap peringkat, apakah iltizam yang diperlukan bagi setiap peringkat dan apakah latihan dan tamrin yang diperlukan oleh setengah peringkat.

6. Mereka yang bertanggungjawab dalam soal taalim dan tarbiah; bahawa pada manhaj peringkat pertama mestilah menekankan permasalahan iman. Apabila kedapatan sebarang keraguan, salah faham atau sebarang konflik di bidang pemikiran bagi seseorang, haruslah permasalahan iman diperdalamkan di dalam jiwanya dengan cara membentangkan nilai-nilai iman atau dengan memberikan buku-buku kepadanya, atau dengan diajarkan sebagai contoh kitab "Allah" dan "Rasul" s.a.w. Beliau juga hendaklah dibimbing dan didorong supaya melakukan zikir untuk mencapai kedamaian hati.

7. Dapat diperhatikan bahawa peringkat keanggotaan yang kedua adalah peringkat amaliah dan takwin. Ustaz Al-Bana telah menjadikan

sifat-sifat utama peringkat ini sebagai safiah tulin di sudut ruhiah dan jundiah (ketenteraan) tulin di sudut perlaksanaan. Dalam peringkat ini haruslah diambil berat berbagai bentuk latihan dan tamrin. Latihan ruhiah supaya al-akh sentiasa berzikir dan beribadat. Latihan amar maaruf dan nahi munkar supaya amar maaruf dan nahi munkar menjadi sifat peribadi al-akh. Latihan dan tamrin riadah supaya al-akh memiliki kelayakan tubuh badan. Al-akh yang dibimbing boleh berpandu kepada kitab "Tarbiatura al-ruhiah" dalam tajuk latihan ruhiah.

8. Dapat diperhatikan bahawa peringkat keanggotaan ditahap ketiga adalah merupakan peringkat yang akan dapat mengeluarkan golongan yang akan menjadi perantaraan di antara saf yang pertama dengan saf asas jamaah secara keseluruhan. Peringkat ini juga akan mengeluarkan ikhwan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam usaha pengawasan yang berterusan.

9. Dapat diperhatikan bahawa peringkat keanggotaan di tahap keempat adalah merupakan peringkat pewaris sempurna kepada Rasulullah saw. Peringkat ini tidak mempunyai batas, cuma batas paling minima bagi peringkat ini ialah setiap al-akh mestilah menguasai ilmu pengetahuan Islamiah baik dari segi dasar maupun cabang, yang membolehkan beliau dianggap telah menguasai semua ilmu. Juga setiap al-akh di peringkat ini mestilah memiliki sifat-sifat peribadi yang membolehkan beliau dianggap tidak berlaku cuai terhadap akhlaknya. Al-akh di peringkat ini juga haruslah beriltizam dengan iltizam yang dapat menjamin tidak berlakunya perpecahan dalam saf Islam.

Kita tidak dapat menggambarkan suatu tanfiz (perlaksanaan) yang betul yang dapat dilakukan dengan sempurna kecuali apabila tanfiz itu diasaskan kepada ilmu pengetahuan, sifat-sifat peribadi dan iltizam. Oleh yang demikian kita mestilah berjaga-jaga dan tidak terlalu cepat dan gopoh dalam proses pembinaan sebelum ujud anasir-anasir yang layak untuk proses pembinaan. Adalah lebih baik kita berhati-hati dan perlahan-lahan dalam melakukan proses pembinaan, supaya dengan itu binaan yang kita bina akan lebih kukuh daripada kita bersifat gopoh dan terlalu cepat dalam melakukan proses pembinaan yang akan mengakibatkan keruntuhan binaan tersebut.